



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3209]

USUL-USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat:

Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak—Menarik Balik
[Ruangan 3293]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3349]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan [Ruangan 3293]

Rang Undang-undang Penjenayah Fugitif Komanwel (Pindaan) [Ruangan 3313]

Rang Undang-undang Sivil (Pindaan) [Ruangan 3316]

Rang Undang-undang Dius Api Persekutuan (Pindaan) [Ruangan 3339]

Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) [Ruangan 3342]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Visa untuk melawat India [Ruangan 3349]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

- Yang Berhormat DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT³ GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).

Yang Berhormat TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang
Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 18hb Julai, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

LEMBAGA LETRIK NEGARA—
PENGGUNAAN TENAGA SOLAR

1. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sejauh manakah kejayaan telah dicapai di dalam percubaan dan penggunaan tenaga SOLAR bagi membekalkan kuasa elektrik di kawasan-kawasan luar bandar. Adakah dengan kuasa SOLAR ini lebih ekonomi dan menguntungkan dari tenaga elektrik biasa bagi memenuhi keperluan kuasa elektrik di kawasan-kawasan yang masih belum menikmati bekalan elektrik di luar-luar bandar ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya memaklumkan bahawa Lembaga elektrik Negara telah melaksanakan dua projek yang menggunakan tenaga solar bagi membekalkan kuasa elektrik kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Projek yang pertama ialah di Kampung Teluk Apau, Pulau Langkawi yang telah dilaksanakan pada pertengahan tahun 1982 dan telah memberi kuasa elektrik kepada 37 buah rumah dengan kos purata sebanyak \$4,600 bagi setiap rumah.

Projek yang kedua ialah di daerah Ulu Tembeling, Pahang yang telah dilaksanakan pada akhir tahun 1983 di mana sebanyak 71 buah rumah telah dibekalkan dengan kuasa elektrik yang menggunakan tenaga solar dan kos puratanya ialah sebanyak \$3,400 bagi setiap rumah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat cara untuk menggunakan kuasa solar ialah melalui penggunaan "photo voltage cell panel" dan kos permulaannya adalah tinggi.

Walau bagaimanapun dari segi jangka masa panjang penggunaan kuasa solar adalah lebih ekonomi dan menguntungkan terutama sekali bagi kawasan-kawasan luar bandar yang terpencil dari Rangkaian Grid Kebangsaan.

Kuasa solar yang digunakan dapat memberikan kebaikan dan keuntungan seperti berikut:

- (1) Dia tidak memerlukan bahan api (fuel) yang berterusan seperti penggunaan diesel dan sebagainya dan secara langsung tidak terjejas oleh inflasi, ia hanya memerlukan modal permulaan yang agak tinggi.
- (2) Kos penyelenggaraannya adalah kecil berbanding dengan sistem elektrik yang digunakan sekarang.

- (3) Penambahan kuasa adalah mudah dan berkeupayaan besar seandainya module photo voltage ditambah kepada sistem yang sedia ada.
- (4) Dia mempunyai sistem yang tahan lasak dan dipasang pada tiap rumah serta tidak memerlukan pendawaian bagi sambungan dari Rangkaian Grid Nasional.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan faedah-faedahnya yang boleh didapati daripada kuasa solar ini untuk kuasa elektrik luar bandar khususnya, berapakah peruntukkan yang telah diminta oleh Kementerian ini di dalam Rancangan Malaysia Kelima supaya dapat kemudahan ini diperluaskan lagi kepada kawasan-kawasan di luar bandar?

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, jika tidak salah saya hanya satu peruntukan sebanyak \$2 juta sahaja telah diperuntukkan. Tetapi oleh kerana kedudukan kewangan yang kurang baik sekarang adalah kemungkinan kita tidak akan mendapat peruntukan tambahan ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa bekalan kuasa elektrik biasa adalah sangat mahal di negeri Sarawak oleh kerana Sarawak adalah sebuah negeri yang besar dan masalah pengangkutan adalah satu faktor yang meninggikan kos bekalan elektrik. Jika beliau sedar, adakah Kerajaan bercadang untuk menyiasat dan mengkaji kemungkinan untuk membekalkan kuasa elektrik solar kepada kawasan luar bandar di Sarawak khususnya kepada bangsa Dayak yang tinggal di dalam rumah panjang?

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat sedikit sebanyak perbezaan atas kadar bayaran elektrik antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak tetapi bagi memperluaskan pemasangan ataupun penggunaan solar ini adalah bergantung atas ujian yang sedang dijalankan ini oleh kerana pada dasarnya kedua-dua projek yang telah dijalankan ini pun boleh dianggap sebagai ujian sahaja oleh kerana kos permulaannya adalah amat tinggi dan keluaran jana elektrik itu adalah amat kecil sahaja.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah kuasa elektrik dari segi voltage yang dapat dibekalkan oleh setiap unit photo voltaic cell panel yang bernilai \$900 seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi dan berapa buah panel yang diperlukan untuk sebuah rumah dan adakah ongkos ini merupakan satu beban yang dapat ditanggung oleh rumah di luar bandar.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi kos permulaannya adalah amat tinggi iaitu bagi sebuah rumah yang menggunakan solar ini panel photo voltaic itu memerlukan sekurang-kurangnya 3 panel iaitu lebih kurang antara \$3,006.00 hingga \$4,600.00, ini termasuk kos pemasangan dan alat-alat yang lain juga. Setahu saya, Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap sistem ini hanya dapat memberi kuasa tidak lebih daripada 180 watt bagi tiap-tiap rumah. Ini mencerminkan betapa kecilnya kuasa yang dapat diperolehi.

PERHUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA/REPUBLIK RAKYAT CHINA

2. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Luar Negeri menyatakan semenjak wujudnya perhubungan

diplomati dengan Republik Rakyat China pada 1974:

- (a) apakah faedah yang dinikmati oleh kedua-dua pihak;
- (b) apakah rintangan-rintangan yang menyulitkan perhubungan ini beralih ke suatu tahap yang lebih selesa; dan
- (c) memandangkan ketidakimbangan perdagangan, sama ada Kerajaan akan menggalakkan pihak swasta meneroka pasaran Republik Rakyat China dari segi pengeksporan barang-barang perkilangan Malaysia. Jika ya, apakah langkah-langkah positifnya.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, semenjak wujudnya hubungan diplomatik di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China beberapa faedah telah diperolehi. Di dalam bidang perdagangan umpamanya, jumlah perdagangan telah meningkat daripada \$455 juta pada tahun 1976 hingga kepada lebih M\$1 belion pada masa ini. China juga adalah satu daripada pengimport bahan-bahan mentah kita seperti getah, kayu balak dan kelapa sawit yang terbesar. Kita sentiasa mendekatkan diri dan bertukar-tukar pendapat dengan China mengenai isu-isu antarabangsa dan hasilnya kita telah mendapat kerjasama dari Republik Rakyat China terutama sekali sokongan kepada ASEAN dalam masalah Kampuchea.

Hubungan rakyat dengan rakyat dengan negeri China terpaksa disekat kerana kita tidak bersetuju dengan beberapa dasar yang mereka amalkan.

Walau bagaimanapun, di dalam kes-kes tertentu lawatan-lawatan dari dan ke China dibenarkan juga kerana adanya hubungan diplomatik.

(b) rintangan utama yang menyulitkan hubungan dua hala di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China ialah tindakan China yang masih memberikan sokongan moral dan politik kepada parti komunis apa yang dikatakan Parti Komunis Malaya. Buat masa ini China masih enggan memutuskan hubungannya dengan PKM itu. Ini tidak dapat diterima sama sekali oleh Kerajaan dan rakyat Malaysia. Dari sikapnya ini kita percaya bahawa China masih merupakan satu ancaman kepada keselamatan Malaysia.

(c) Kerajaan sentiasa menggalakkan pihak swasta untuk mencari pasaran di negeri China. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah dengan mengadakan rombongan perdagangan dan menyertai pesta perdagangan di Canton yang diadakan pada tiap-tiap tahun.

Walaupun begitu masalahnya sekarang ialah pasaran China tidak tertarik kepada barangan pengguna (consumer goods) kita, sebaliknya kepada bahan-bahan mentah yang mereka gunakan untuk mengeluarkan barangan pengguna.

Tuan Ng Cheng Kwei: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan negara kita jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negara-negara jiran ASEAN dalam perdagangan China sama ada pihak Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Dalam Negeri bercadang melonggarkan sekatan-sekatan imigresen terhadap usahawan-usahawan tulen dan bona fide yang ada kaitan rapat dengan barang-barang perkilangan Malaysia untuk bertapak di pasaran tersebut.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soal perdagangan dengan negeri China itu tidaklah boleh kita lihat secara berasingan. Ini harus juga dipertimbangkan dalam konteks

Dasar Ekonomi Baru kita dan juga soal keselamatan negara kita. Oleh sebab itu dasar-dasar kita yang ada sekarang ini akan dikekalkan dan hanya dari semasa ke semasa akan dikaji semula mengikut sikap negeri China itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri apakah dengan banyaknya barang-barang yang diimport ini mutunya tidak ini dapat negara kita mengawasi mutunya kerana ada barang-barang yang di import ini mutunya tidak begitu baik dan didapati barang-barang makanan yang dalam tin pun banyak yang kurang memuaskan, yang busuk pun ada. Jadi, apakah pihak kita menentukan tentang mutu dan nilai ataupun barangan yang dibawa masuk itu ada penilaian ataupun pemeriksaan dibuat.

Kedua, apakah dengan pengiktirafan negara China juga hubungannya terhadap komunis, Parti Komunis Malaya akan merenggangkan lagi hubungan yang kita pupuk sekarang ini dan apakah pihak kita tidak mahu memberi syarat jika hubungan diplomatik ini hendak diteruskan. Apakah hubungan ini patut dihentikan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soal tentang mutu barangan-barangan yang diimport masuk ke negara kita dari negeri China itu banyak bergantung kepada sikap para pedagang kita dan juga para pengguna kita. Saya rasa sudah tentulah Kementerian yang berkenaan mempunyai cara-cara yang tertentu untuk menilai barang-barang itu dan kalau terdapat kes-kes yang terlalu buruk sudah tentulah kita akan mengambil tindakan yang sesuai.

Mengenai hubungan dengan negeri China itu kita harus memperhetongkan untung ruginya

pada keseluruhannya bukan sahaja dari segi sokongan mereka terhadap PKM apa yang dikatakan Parti Komunis Malaya tetapi juga dari segi untung rugi yang lain-lain juga dan dalam konteks ini saya ingin nyatakan bahawa tingkat atau tahap hubungan kita dengan negeri China pada masa ini adalah memadai untuk menjaga kepentingan negara kita.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang berhormat Timbalan Menteri kata sama ada Kerajaan telah ubah atau akan ubah sikap Kerajaan bahawa negara China adalah menjadi satu ancaman military yang lebih apabila dibanding dengan Russia oleh kerana sikap ini ada mempengaruhi hubungan kedua-dua negara khasnya dengan perkembangan-perkembangan di mana pasukan-pasukan atau Soviet military build-up di Asia Pasifik ada bertambah dan kedua adakah lawatan-lawatan bekas Menteri Luar Negeri, Yang Berhormat Tan Sri Haji Muhammad Ghazali Shafie baru-baru ini ke negara China dan di mana apabila beliau balik, masa itu satu mesyuarat khas Kabinet telah diadakan unuk mendapat satu laporan yang khas menunjukkan bahawa ada satu perkembangan yang baru atau sikap yang baru dalam perhubungan kedua-dua negara Malaysia dan China dan jikalau ada, nyatakan apa dia.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, track record hubungan negeri China dan sikap negeri China terhadap kita adalah membimbangkan dan sikapnya pada masa ini masih juga membimbangkan. Oleh sebab itu negeri China perlu menyakinkan kita untuk masa-masa yang depan lagi bahawa beliau benar-benar ingin mengubah sikapnya. Oleh sebab itu kita akan teruskan sikap kita terhadap negeri China sebagaimana yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, perkara ini akan

dikajikan dari semasa ke semasa mengikut perkembangan hubungan dua hala.

Mengenai lawatan bekas Menteri Luar ke negeri China, memang sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, satu mesyuarat khas telah pun diadakan oleh Kabinet untuk menimbangkan soal meluaskan hubungan dua hala antara Malaysia dengan China, bukan sahaja dalam bidang perdagangan tetapi juga dalam politik. Satu Jawatankuasa khas sudahpun ditubuhkan di Kementerian Luar Negeri untuk mengkaji perkara ini dengan lebih mendalam supaya apa juga perkembangan hubungan antara kedua buah negara kita ini tidak akan menjejaskan keselamatan negara kita dan juga tidak akan menjejaskan objektif Dasar Ekonomi Baru dan apa juga perkembangan adalah mengikut objektif yang hendak dicapai itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V. Govindaraj.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan V. Govindaraj tidak hadir).

ANGGOTA POLIS DI SABAH

4. **Tuan Paul Kan Yau Fah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan mengambil langkah untuk memastikan bahawa anggota Polis di Sabah dibekalkan dengan anggota-anggota tambahan dan kenderaan yang mencukupi untuk membolehkan mereka menjalankan tugas-tugas dengan licin dan sempurna, kerana kekurangan anggota dan kenderaan adalah masalah yang rumit pada masa ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dengan keanggotaan dan kenderaan yang sedia ada, Pasukan Polis telah dapat menjalankan tugas dan

tanggungjawab dengan sempurna bagi mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan di Sabah.

Kerajaan memang bercadang untuk menambahkan keanggotaan dan kenderaan Polis sesuai dengan keperluan semasa.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah jenis-jenis kenderaan yang digunakan oleh Jabatan Polis pada masa ini dan juga saya ingin tahu adakah Kementerian ini akan mengganti dan mencadangkan supaya kenderaan yang digunakan oleh Jabatan Polis ini adalah kenderaan buatan Malaysia.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, saya ingin menjelaskan di sini bahawa kenderaan-kenderaan yang terdapat sekarang terdiri daripada jenis yang baik dan baru-baru ini Kerajaan telah pun meluluskan sejumlah \$12 juta untuk membeli alatganti kepada kenderaan-kenderaan yang rosak dan dari jumlah tersebut sebanyak \$1.1 juta telah pun dibelanjakan kepada komponen Sabah. Saya tidak dapatlah memberi jenis-jenis kenderaan yang terdapat di komponen Sabah, hanya boleh menyatakan di sini bahawa terdapat 429 buah kenderaan kereta dan juga 45 buah bot ronda.

PENDUDUK 70 JUTA

5. **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan telah menimbang dengan hati-hati implikasi jangka panjang perpaduan nasional dan muhibbah berhubung dengan seruan beliau mengenai dasar 70 juta penduduk dan sama ada ianya perlu untuk melaksanakan dasar tersebut apabila Kerajaan sendiri menghadapi

kesukaran untuk menyelesaikan semua masalah sosial dan ekonomi yang dihadapi sekarang ketika kita mempunyai penduduk seramai 15 juta orang.

36. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau dapat menerangkan;

- (a) bagaimana beliau tercapai satu kependudukan 70 juta orang dalam 115 tahun dan atas asas apakah ditempatkan penambahan penduduk secara semula jadi dan daripada sumber-sumber imigrasi kerana pihak-pihak cendekiawan-cendekiawan dan "demographers" nampaknya tidak bersetuju mengenai bagaimanakah kependudukan dalam masa 115 tahun;
- (b) bukankah lebih baik supaya ada kependudukan kualiti daripada kuantiti kerana negara-negara kecil seperti Holland, Switzerland dan Singapura telah membuktikan bahawa kualiti kehidupan tidak seharusnya bergantung kepada satu kependudukan yang besar; dan
- (c) bagaimanakah kita dapat mengedarkan kekayaan kita dengan lebih saksama kerana satu keadaan seperti ini adalah diperlukan agar kependudukan masa depan 70 juta tidak akan berada dalam satu kadar kemiskinan yang tinggi yang kini dialami walaupun dengan kependudukan kita yang agak kecil.

53. Tuan Mutang Tagal minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kepada dasar Kerajaan yang berkehendak supaya bilangan penduduk Malaysia meningkat kepada 70 juta, apakah rancangan atau langkah yang diambil oleh Kerajaan buat masa kini dan

jangka masa panjang supaya masalah makanan, perumahan, pendidikan, pekerjaan dan kemudahan asas dari segi sosial yang pada masa ini belum diatasi dengan sepenuhnya dapat dikawali.

19-7-84

9. Tuan Sim Kuang Yang minta Perdana Menteri memberi jangka masa atau "time frame" untuk mencapai bilangan penduduk seramai 70 juta di Malaysia dan nyatakan apakah kajian-kajian menyeluruh yang telah dibuat untuk memastikan pemeliharaan sumber-sumber kita yang terhad serta memperuntukkan kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang pekerja yang cukup sekiranya kami mempunyai seramai 70 juta penduduk di Malaysia dan sila beri butir-butir lanjut mengenai kajian-kajian tersebut.

23-7-84

41. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan telah cukup bersedia sama ada dari segi kajian dan penyelidikan, perancangan, penyediaan dan kemudahan-kemudahan untuk menampung keperluan rakyat apabila Y.A.B. Perdana Menteri menyatakan kita sanggup mempunyai penduduk 70 juta orang, beberapa tahun yang akan datang;
- (b) bolehkah Y.A.B. Perdana Menteri memberitahu selain dari penyertaan rakyat sendiri, apakah persiapan-persiapan di pihak Kerajaan untuk menghadapi cabaran dari segi saranan jumlah penduduk ini; dan
- (c) bolehkah Y.A.B. memberi jaminan bahawa Dasar Ekonomi Baru akan tetap dipertahankan dari segi

pelaksanaannya supaya
 pertambahan penduduk ini akan
 berjalan/terlaksana sejajar
 dengan matlamat Dasar
 Ekonomi Baru yang sedang kita
 lalui selama ini.

24-7-84

26. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sebarang kajian telah diambil oleh Kerajaan mengenai dasar populasi sebanyak 70 juta jika benar nyatakan, butir-butir dan hasil-hasil kajian tersebut.

26-7-84

35. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan formula dan cara yang akan digunakan untuk mencapai sasaran penduduk 70 juta dalam tempoh 115 tahun dan apakah komposisi kaum yang dijangkakan apabila sasaran tersebut tercapai kelak.

27-7-84

54. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri sama ada beliau masih memegang syor beliau mengenai negara kita hendak mengadakan penduduk sebanyak 70 juta, memandangkan kepada tentangan-tentangan menasabah dari orang-orang ramai atas dasar tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut:

Dari kawasan Ipoh pada hari ini 18hb Julai.

Dari kawasan Bukit Mas pada hari ini juga.

Dari Bandar Kuching pada 19-7-1984.

Dari Parit Buntar pada 23-7-84.

Dari Bukit Bendera pada 24-7-84.

Dari Sandakan pada 26-7-84, dan

Dari Jelutong pada 27-7-84.

bersama-sama dengan soalan ini oleh kerana soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang hampir-hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun mengkaji dasar kependudukan dan isu-isu berkaitan dengan menentukan bahawa Malaysia harus mempunyai jumlah penduduk seramai 70 juta pada akhirnya. Matlamat Kerajaan hendak mencapai jumlah penduduk negara seramai 70 juta adalah dalam tempoh jangka masa yang panjang, jangka masa yang panjang iaitu kira-kira 100 hingga 120 tahun dari sekarang.

Kearah pencapaian penduduk 70 juta ini, Kerajaan telah memberi perhatian yang lebih ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan pendudukan dalam konteks perancangan pembangunan sosio ekonomi yang menyeluruh.

Kerajaan yakin matlamat ini boleh dicapai dengan cara semula jadi (natural increase), memandangkan ianya merupakan satu matlamat jangka panjang (long term policy) dengan izin, tidak bererti kadar kesuburan (fertility rate) perlu dipertingkatkan.

Berdasarkan pada anjuran penduduk yang telah dijalankan, jumlah penduduk 70 juta tersebut boleh dicapai melalui kadar kesuburan yang masih menurun, tetapi pada kadar yang lebih perlahan yang akhirnya mencapai peringkat penggantian (stabilised rate).

Merujuk kepada komposisi kaum apabila matlamat 70 juta dicapai kelak, adalah dijangkakan bahawa tiada banyak perbezaannya daripada

anjuan yang berasaskan arah aliran pada masa kini dan lebih kurang sama dari segi bahagian peratusnya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengkaji dan menganalisa dengan teliti strategi dan program bagi mencapai matlamat tersebut. Sebuah Jawatankuasa Petugas Khas telah pun ditubuhkan untuk mengkaji kesemua aspek matlamat 70 juta kependudukan ini.

Perlu ditegaskan bahawa Kerajaan bukan sekadar mementingkan bilangan penduduk yang ramai sahaja. Matlamat penduduk 70 juta ini adalah bersyarat.

Syarat yang penting adalah penduduk yang ramai ini perlu rajin bekerja dan berdisiplin supaya dapat menyumbang kepada pengeluaran negara dan peningkatan daya pengeluaran. Jika syarat-syarat rajin bekerja dan berdisiplin ini dipenuhi, matlamat penduduk yang lebih ramai tidak perlu bercanggah dengan matlamat untuk membasmi kemiskinan dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Apa yang penting, Tuan Yang di-Pertua, yang tersemat dalam matlamat ini adalah penekanan supaya negara mempunyai rakyat yang bermutu dan sifat-sifat seperti kerajinan dan disiplin dipupuk di kalangan semua penduduk. Kerajaan akan menjamin kualiti warganegara Malaysia sama ada dari segi kesihatan ataupun kebudayaan tidak akan merosot berikutan penduduk yang bertambah itu.

Pencapaian matlamat penduduk 70 juta ini tidak akan memburukkan masalah sosial dan ekonomi negara memandangkan taraf penghidupan rakyat telah pun meningkat ke tahap yang lebih tinggi sejak kita mencapai kemerdekaan. Jika kadar pertumbuhan penduduk tetap pada kadar lebih rendah daripada Keluaran

Dalam Negara Kasar (KDNK) yang pada masa ini dalam lingkungan 6% setahun, maka negara mampu menampung penduduk yang lebih ramai. Usaha-usaha meningkatkan bilangan penduduk tidak akan berhasil selagi negara menunggu kemiskinan dihapuskan.

Masalah kemiskinan di negara ini adalah merupakan masalah yang realitif dan dapat dikawal. Kemiskinan tetap wujud, tetapi ini tidak bermakna taraf hidup rakyat tidak boleh dipertimbangkan.

Kerajaan yakin bahawa strategi dan program yang sedia ada dan yang akan diadakan seperti daya pengeluaran yang tinggi, penerapan sikap rajin bekerja dan berdisiplin, perkembangan ekonomi yang berteraskan Dasar Ekonomi Baru, serta pentadbiran yang cekap dan baik dapat mengimbangkan pembahagian kekayaan negara. Butir-butir terperinci akan diterbitkan sebaik-baik sahaja Jawatan Petugas isu kependudukan yang saya sebut tadi menyempurnakan tugas mereka.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa cadangan Kerajaan untuk mencapai matlamat 70 juta penduduk untuk negara ini bukanlah satu cadangan yang bijak memandangkan banyak negara-negara di dunia, termasuk negara-negara maju telah membuat amalan untuk menyekat pertumbuhan penduduk mereka oleh kerana pertambahan penduduk tentu akan membawa banyak implikasi yang luas terhadap pembangunan negara?

Di samping ini juga saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada pihak Kerajaan berasa yakin bahawa masalah-masalah sosio ekonomi di negara kita apabila kita telah mencapai matlamat itu dapat diatasi sedangkan pada masa kini apabila

negara kita ada 14.5 juta orang sudah adanya banyak masalah-masalah sosio ekonomi yang belum dapat diatasi?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa kebanyakan negara berusaha mengurangkan penduduk di dunia. Seperti yang saya katakan dalam jawapan saya tadi dasar atau cadangan ini adalah di dalam jangka masa yang panjang, bukanlah kita kelim kabut ataupun mahu 70 juta orang itu dicapai misalnya dalam 12 tahun tetapi 120 tahun, ini adalah satu cadangan Kerajaan yang mana telah menerima sambutan dan komen-komen yang luas dalam negara kita ini. Kerajaan memang sentiasa menghirau dan mendengar pendapat-pendapat khalayak ramai di negara ini, khususnya daripada rakyat kita sendiri sementara Kerajaan meneruskan pengkajian-pengkajian seperti yang saya katakan tadi mengenai dengan dasar ini.

Mengenai dengan taraf ataupun kedudukan sosio ekonomi negara ini apabila bilangan penduduk di negara ini bertambah dalam jangka masa yang panjang itu, sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, ini telahpun saya sebut dan telah saya jawab secara tidak langsung betul-betul barangkali tetapi telah saya masukkan di dalam jawapan saya tadi, iaitu kita sentiasa menjaga kedudukan sosio ekonomi semenjak kita berjalan dari segi aliran masa dan zaman untuk memenuhi ataupun sampai kepada 120 tahun daripada sekarang.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menggalakkan ibu-ibu di Malaysia ini melahirkan anak yang ramai untuk memenuhi kehendak Kerajaan dalam memperbanyakkan penduduk Malaysia menjangkau 70 juta orang?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak Kerajaan mempunyai formula yang membolehkan ibu-ibu di Malaysia ini dapat melahirkan anak-anak kembar (*Ketawa*).

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama begitulah agaknya tujuan kita tetapi secara sukarela. Kita tidak boleh memaksa, bukan sahaja sukar hendak memaksa tetapi maklumlah dalam dunia ada banyak perkara dalam soal suami isteri, tetapi begitulah agaknya.

Yang kedua, kita belum lagi mendapat satu formula yang seperti itu tetapi manakala kita dapat formula itu tentu sekali saya akan sampaikan seawal-awalnya kepada Ahli Yang Berhormat (*Ketawa*).

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri adakah beliau sedar bahawa dalam pasaran sekarang terdapat banyak alat-alat dan ubat-ubatan yang berupa menahan seseorang ibu daripada mengandung, iaitu ubat-ubat perancang keluarga yang boleh dibeli dengan bebas di kedai-kedai ubat dan diimport dengan bebas juga oleh pengimport-pengimport ubat? Sama ada ini akan dikaji semula dengan memandangkan kepada adanya dasar baru negara kita sekarang untuk menambah bilangan penduduk dan tidak lagi mengamalkan dasar lama sewaktu kita membebaskan import bahan-bahan dan pil-pil perancang keluarga, iaitu pada ketika itu untuk mengurangkan bilangan penduduk?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat alat-alat dan ubat-ubat yang digunakan dalam perancangan keluarga (*family planning*) di negara kita ini seperti juga di kebanyakan negara dan memang telah menjadi dasar Kerajaan untuk mengadakan rancangan keluarga di negara ini. Lembaga Penduduk dan pembangunan Keluarga Negara, nama

baru Lembaga Perancang Keluarga, mengikut aturan-aturan yang tertentu dan mengikut provisi-provisi Akta Perancang Keluarga dalam usahanya melaksanakan aktiviti-aktiviti perancangan Keluarga di negara ini. Dalam erti kata yang lain, jenis-jenis alat-alat dan ubat-ubatan yang digunakan adalah semata-mata yang sah dari segi undang-undang, begitu juga langkah-langkah ataupun aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara kita itu.

Seperti yang saya telah sebutkan di dalam jawapan saya tadi perancangan keluarga akan tetap menjadi sebahagian daripada matlamat mengadakan ataupun mencapai 70 juta orang di negara kita ini. Kadarnya akan tetap menurun saya kata tadi pertumbuhan pertambahan, tetapi dengan menyelaraskannya dengan matlamat 110 atau 120 tahun daripada sekarang ini maka rangka pertumbuhan itu tetap menurun sehingga kesatu peringkat yang mengganti ataupun stabilise; kalau pergi 2 lebih kurang datang 2, jadi tak bertambah banyak lagi dimasa itu. Untuk mencapai matlamat kadar pertumbuhan atau pertambahan penduduk yang menurun itu sehingga stabilise, kita memanglah menggunakan antara lain perancang keluarga juga.

PROTON SAGA—GALAKAN KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN

6. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Perbendaharaan akan menggalak dan jika perlu mensyarkan semua kakitangan Kerajaan yang mendapat pinjaman kenderaan sebanyak \$14,000 dan juga Jabatan jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun yang hendak membeli kereta pejabat supaya membeli kereta

Proton Saga keluaran Perusahaan Automobil Nasional sebagai satu usaha untuk membantu projek kereta buatan Malaysia yang pertama yang sedang dalam peringkat membangun.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya telah menggalakkan kakitangan Kerajaan, Jabatan-jabatan Kerajaan ataupun Badan-badan Berkanun menggunakan barang-barang buatan tempatan, termasuk kereta-kereta keluaran tempatan seperti Proton Saga. Maka itu pada pandangan Kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan serta kakitangan-kakitangan Kerajaan yang mendapat pinjaman dari Kerajaan untuk membeli kenderaan juga mempunyai peranan untuk menyokong industri kereta Malaysia ini, tetapi setakat ini Kerajaan masih lagi belum mengadakan satu dasar yang khusus di dalam perkara ini. Dalam pada itu juga kita semua digalakkan menggunakan barang-barang buatan sendiri, ini adalah untuk mengelak atau mengurangkan aliran keluar matawang kita.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana mengikut satu punca harga Proton akan Saga dalam lingkungan \$23,000 dan akankah pihak Kerajaan menimbang untuk menambah pinjaman-pinjaman untuk kakitangan-kakitangan Kerajaan supaya mereka sanggup membeli Proton Saga?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kita masih lagi belum memastikan kenaikan jumlah pinjaman ini, cuma kita harap walaupun pinjaman masih tetap di peringkat \$14,000 mereka masih lagi boleh membeli kereta buatan Malaysia ini sebab kereta lain pun ada juga berharga lebih kurang sama dengan kereta buatan Malaysia. Jadi soalan harga kereta Proton Saga ini dengan

soalan jumlah pinjaman tidak ada kaitan secara begitu rapat untuk mereka digalakkan membeli kereta ini.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita masih memakai pepatah yang berbunyi bapa borek anak rintik. Semua perbuatan bapa akan diikuti oleh anak dan amat sesuai dengan dasar Kepimpinan Melalui Teladan yang sedang kita laksanakan pada masa ini. Apakah bentuk kempen yang boleh kita laksanakan ataupun dilaksanakan oleh Kerajaan supaya pemimpin-pemimpin negara kita seperti Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Menteri-menteri Besar, EXCO, juga pegawai-pegawai Kerajaan terlebih dahulu membeli dan menggunakan kereta buatan Malaysia ini ataupun Proton Saga ini?

Dato' Sabharuddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kita harap Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh juga membeli kereta buatan Malaysia ini dan apabila keluar nanti sama-samalah kita menggunakan (*Ketawa*).

JAMBATAN KAYU DI BATU HAMPAR

7. **Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar, bahawa Jambatan kayu yang terdapat di Padang Gajah, Mukim Sungai Tinggi, Daerah Larut dan Matang tidak lagi sesuai untuk digunakan. Jika sedar, adakah beliau bercadang untuk menggantikan dengan Jambatan Kekal.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar keadaan jambatan kayu di Batu 50, Jalan Trong, Batu Hampar yang menyeberangi Sungai Nyior yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun Kementerian saya suka juga membina semula satu jambatan baru yang tetap tetapi keadaan kewangan tidak mengizinkan kami untuk menjalankan projek itu masa sekarang. Oleh sebab itu saya telah mengarah kepada Jabatan Kerjaraya untuk memperbaiki jambatan itu sampai satu masanya apabila kita akan mendapat kewangan untuk menjalan projek itu barulah kita akan menjalankan projek itu.

Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa soalan ini kalau tak salah saya di Parlimen session pada tahun sudah—tahun 1983 saya telah bertanya berhubung dengan masalah ini dan dijawab dengan jawapan yang sama oleh Menteri yang berkenaan. Jadi, di sini saya ingin beri tahu kepada Menteri, adakah Menteri Kerjaraya ini mahu bertanggungjawab apabila sesuatu projek itu dibiarkan dahulu dan yang mana selalu berlaku kemalangan di jambatan ini terutamanya di musim-musim hujan dan saya sendiri pun pernah nyaris-nyaris terbabas. Jadi kalau terjadinya kemalangan, adakah Menteri bertanggungjawab dalam perkara ini?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pun menyaksi apakah keadaan jambatan ini lebih kurang 2 minggu yang lalu. Mengikut fikiran saya tempat ini bukanlah terlalu merbahaya seperti apa yang disebutkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat tetapi saya telah menjanji kepada Ahli Yang Berhormat dalam mesyuarat pada tahun 1983 iaitu Kementerian saya akan mengambil tindakan untuk membaharui jambatan ini. Walaupun Menteri Kerjaraya ambil keputusan untuk menjalankan projek-projek tetapi Menteri Kerjaraya bukanlah yang boleh tetapkan kewangan. Kewangan itu

ialah daripada Menteri Kewangan (*Ketawa*). Kalau Menteri Kewangan tidak memberi peruntukan untuk menjalankan projek-projek, apa-apa rancangan ataupun rekabentuk yang boleh siap oleh Menteri Kerjaraya tidak boleh laku. Inilah keadaan, saya suka memberi kepada Ahli Yang Berhormat sekali lagi.

MAS—BAYARAN PAMPASAN KEMALANGAN

8. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah pampasan yang dibayar oleh MAS kerana kemalangan, kematian, kecederaan dan kerosakan (*damages*) sejak lapan tahun kebelakangan ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menjamin keselamatan penumpang-penumpang MAS.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) telah membayar pampasan berjumlah \$7.4 juta dalam tempoh 8 tahun kebelakangan ini kerana kemalangan yang melibatkan kematian, kecederaan dan kerosakan.

Keselamatan terhadap semua operasi-operasi udara kita adalah satu perkara yang telah diberi pertimbangan utama oleh semua agensi-agensi yang terlibat di bawah jagaan Kementerian Pengangkutan. MAS sendiri menentukan bahawa juruterbang-juruterbang dan kakitangannya telah menjalani latihan yang mencukupi dan mempunyai pengalaman yang sesuai sebelum diberi tugas-tugas yang bertanggungjawab itu: Juruterbang-juruterbang adalah dikehendaki menjalani peperiksaan, dengan izin, proficiency pada tiap-tiap 6 bulan. Di samping itu sebelum sesuatu penerbangan dibuat, pesawat tersebut diperiksa dan disahkan telah diselenggara dengan baik.

Dalam pada itu, Jabatan Penerbangan Awam adalah dipertanggungjawabkan untuk menyelenggarakan alat-alat kelengkapan lapangan terbang demi untuk memberi panduan dan menjamin keselamatan pesawat-pesawat. Walaupun usaha yang terperinci telah dibuat bagi menentukan keselamatan, adalah tidak dinafikan bahawa dalam semua jenis pengangkutan kemalangan-kemalangan mungkin berlaku dari masa ke semasa.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telah pun membentangkan satu Rang Undang-undang di Dewan yang mulia ini juga dengan tujuan mengenakan hukuman-hukuman bagi kesalahan-kesalahan spesifik yang dilakukan terhadap pesawat-pesawat. Ini adalah satu langkah lanjut menunjukkan Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang keselamatan trafik udara di negara ini.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Ahli Yang Berhormat Menteri sedar walaupun telah dikatakan langkah-langkah diambil oleh MAS untuk menjamin keselamatan penumpang-penumpang tetapi masih berlaku kemalangan-kemalangan seperti terhempasnya kapal terbang Airbus dekat Subang pada bulan Disember lalu. Jika ya, nyatakan langkah-langkah tegas yang akan diambil dalam perkara ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, kemalangan kepada Airbus pada Disember tahun yang lalu itu sedang disiasat dan saya belum menerima satu laporan rasmi dari pihak Jabatan Penerbangan Awam tentang kemalangan ini. Apa yang saya sebutkan tadi ialah apa juga langkah-langkah yang diambil oleh agensi-agensi yang berkenaan termasuklah Sistem Penerbangan Malaysia ini tidak boleh mencegah 'human error' ataupun 'human mistakes' oleh kerana

pesawat-pesawat ini dipandu oleh manusia juga dan 'human error' adalah satu perkara yang tidak boleh dinafikan berlaku dari masa ke semasa dalam semua jenis pengangkutan bukan sahaja dalam trafik udara.

Dr Chen Man Hin: Tuan Speaker, ada dua kemalangan yang besar sekali di Lapanganterbang Subang. Pertama mengenai JAL kapalterbang, pada tahun dahulu apabila dia mahu mendarat di Subang. Kedua, iaitu Airbus. Kalau kita mahu mencegah lagi kemalangan-kemalangan di Lapanganterbang Subang saya rasa apabila laporan rasmi didapat berkenaan kemalangan Airbus, bolehkah laporan ini diberi kepada Parlimen ini untuk membincang atau mendebate untuk cari sebabnya ada kemalangan di Lapanganterbang Subang. Saya ingat saya ada dapat pandangan bukan sahaja 'human error' tetapi ada lain fakta-fakta untuk kemalangan Airbus di Subang Jaya. Bolehkah laporan itu diberi kepada Parlimen untuk dibahas?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya sendiri belum menerima laporan rasmi tentang kemalangan air-bus itu dan oleh sebab itu saya tidaklah boleh membuat spekulasi sama ada itu diakibatkan oleh human error ataupun oleh kerana faktor-faktor yang lain. Tetapi sama ada laporan ini akan diumumkan kepada rakyat ataupun public, inilah satu perkara yang akan dibincangkan dan satu keputusan akan diambil dalam Kabinet.

PERANG IRAN-IRAQ

9. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan keadaan yang bertambah buruk dalam perang Iran-Iraq dan kemungkinan merebaknya ke Arab Saudi apakah langkah-langkah yang diambil supaya ribuan rakyat Malaysia yang akan menunaikan fardhu haji ke Mekah tahun ini adalah

selamat ataupun Kerajaan berpendapat bahawa perkara seperti ini bukan satu perkara yang harus difikirkan oleh Kerajaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa memberi perhatian berat mengenai keselamatan jemaah haji Malaysia sewaktu mereka menunaikan fardhu haji. Meskipun keselamatan mereka merupakan tanggungjawab Kerajaan Arab Saudi.

Kerajaan akan memberi perhatian yang rapi dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya keselamatan jemaah haji Malaysia terancam.

Namun begitu Kerajaan mempunyai peunh kepercayaan bahawa Kerajaan Arab Saudi akan mengambil langkah-langkah keselamatan yang cukup supaya rakyat Malaysia berada dalam keadaan selamat sekiranya perang Iran-Iraq merebak ke Arab Saudi. Dari tinjauan yang dibuat setakat ini, peperangan di antara Iran-Iraq di kawasan masing-masing itu tidak mungkin merebak ke Arab Saudi.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan perang Iran-Iraq dan keselamatan jemaah kita di Mekah, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu memandangkan bahawa perang Iran-Iraq menarik minat setengah-setengah kalangan rakyat di negara kita, terutama dan khususnya bakal-bakal haji dan memandangkan tahun lepas ada setengah-setengah bakal haji yang pergi untuk menunaikan haji, ada yang pergi dahulu ke Iran, mereka telah terlibat dalam kegiatan yang mengancam keselamatan dan juga nama baik negara kita di Mekah dan memandangkan juga bahawa ada terdapat rombongan jemaah haji yang baharu-baharu ini yang berlepas ke

tanah suci melalui swasta tidak melalui Lembaga Tabung Haji, dan mereka juga dijangkakan sebagaimana tahun lepas akan ke Iran dahulu baharu menunaikan fardhu haji di Mekah.

Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sikap Kerajaan terhadap perbuatan yang semacam ini dan juga mengapakah soal jemaah haji yang pergi ke Mekah terlebih dahulu pergi ke Iran baharu ke Mekah ini tidak dapat dicegah dan mengapa tidak boleh dipastikan bahawa semua jemaah haji pergi ke Mekah melalui Tabung Haji.

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan jemaah-jemaah haji yang pergi melalui swasta, mereka adalah mungkin membuat kebenaran ataupun visa mereka adalah bukan daripada Malaysia. Jadi dengan sebab itu kami tidak tahu bahawa mereka pergi ke Iran dahulu.

Berkenaan dengan jemaah haji yang pergi melalui pihak swasta, mereka telah pun merasa akibatnya sebagaimana yang tersiar di akhbar beberapa hari ini. Dan sebenarnya pihak Tabung Haji telah pun mempunyai peraturan yang tertentu iaitu tindakan undang-undang dan juga denda boleh dikenakan ke atas mereka yang pergi menunaikan haji tanpa melalui Tabung Haji. Selain daripada mereka tidak akan dapat visa kalau tidak melalui Tabung Haji, mereka juga boleh dikenakan denda sehingga \$10,000.

KTM—JUMLAH KEMALANGAN

10. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) beberapa jumlah kemalangan KTM bagi tahun 1982 hingga akhir bulan Mei 1984 dan kenapa kerap kali berlaku kegelinciran Rel; dan

(b) apakah usaha Kementerian Pengangkutan bagi meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan KTM dari segi laju dan keselesaan penumpang.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua:

(a) bilangan kemalangan KTM ataupun Keretapi Tanah Melayu yang melibatkan kegelinciran keretapi yang berlaku dari tahun 1982 hingga akhir bulan Mei tahun 1984 adalah seperti berikut:

tahun 1982 sebanyak 140;
tahun 1983 sebanyak 101; dan
tahun 1984 hingga bulan Mei
sebanyak 33.

Kegelinciran-kegelinciran tersebut adalah disebabkan oleh kecacatan dan setok kereta ataupun dengan izin, 'rolling stock' yang banyak di antaranya telah usang tetapi masih terpaksa digunakan oleh kerana kekurangan peruntukan kewangan untuk membaharukannya.

(b) pentadbiran Keretapi Tanah Melayu telah mengatur beberapa rancangan bagi meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan keretapi ini khususnya dari segi laju dan keselesaan penumpang. Di antara rancangan-rancangannya ialah membeli jentera-jentera, landasan, menukar alat dan sistem persemboyanan dan komunikasi, membeli injin, gerabak dan koc yang baharu, membeli landasan serta kelengkapan termasuk menggantikan kayu landasan, memperbaiki dan memindahkan bangunan-bangunan dan stesyen-stesyen keretapi, membeli 'yard' yang baharu untuk pengendalian container, mengadakan sistem penjualan dan penempahan tiket dengan

menggunakan mesen, menggunakan alat komputer untuk operasi dan mengadakan latihan-latihan untuk pegawai dan kakitangan.

Walau bagaimanapun, rancangan-rancangan berkenaan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat tertakluk kepada peruntukan kewangan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa pihak KTM telah membuat keputusan untuk menaikkan tambang, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi satu arahan kepada KTM bagi tujuan untuk menentukan bahawa prestasi perkhidmatan KTM dapat di pertingkatkan lagi, khasnya dari segi bahawa teren atau keretapi dapat berjalan mengikut waktu jadual dan juga demi keselesaan penumpang.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas teguran itu, ini adalah satu teguran yang membina. Oleh kerana saya sendiri mengambil berat tentang perkhidmatan keretapi dan pengurusan sendiri mengambil berat. Tetapi ada kelemahan-kelemahan yang wujud oleh kerana pada tahun yang akan datang Keretapi Tanah Melayu akan merayakan hari jadinya yang ke 100 tahun dan juga gerabak tersebut sudah 100 tahun lama umurnya.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk menswastakan KTM dan sekiranya ada, apakah langkah-langkah yang akan diambil ataupun hanya sebahagian daripada perkhidmatan KTM sahaja yang dicadangkan akan di swastakan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya sistem Keretapi

Tanah Melayu diswastakan tetapi sampai sekarang ini nampaknya pihak swasta tidak berminat oleh kerana ada kerugian yang dialami oleh KTM.

Walau bagaimanapun, sebahagian daripada aktiviti telah diswastakan, misalnya, hotel-hotel dan sebagainya dan adalah juga menjadi hasrat KTM dan Kementerian Pengangkutan supaya lebih lagi aktiviti-aktivitinya KTM itu diswastakan.

PENCEMARAN PANTAI PORT DICKSON

11. Dr Chen Man Hin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar tentang pencemaran ekstensif pantai-pantai di Port Dickson yang disebabkan oleh "effluents" yang dikeluarkan daripada hotel-hotel, kondominium, estet-estet perumahan, kedai-kedai dan emporium-emporium makan; bahawa ini merupakan satu ancaman kepada kesihatan perenang-perenang dan pelancung-pelancung dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menghentikan pencemaran tersebut.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Namun demikian, paras pencemaran di pantai Port Dickson adalah berlainan dari masa ke semasa dan kejadian ini tidaklah berlaku sepanjang masa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak penguasa tempatan telah mengambil tindakan untuk mengatasi masalah pencemaran dengan meminta hotel-hotel untuk meningkatkan kecekapan tangki septik dan juga meminta tuan-tuan punya banglo untuk mengadakan sistem pembersihan air kumbahan yang sewajarnya.

Pihak Berkuasa Negeri Sembilan telah memohon kepada pihak Kementerian Kesihatan untuk mengemukakan cadangan bagi satu sistem pembedungan yang sewajarnya untuk dilaksanakan bagi kawasan bandar Port Dickson.

Pada masa kini, semua bangunan baru termasuk kondominium yang sedang dibina di tepi pantai Port Dickson akan dipasang sistem pembedungan yang mana akan perlu diluluskan oleh pihak Kementerian Kesihatan.

Satu pelan induk bagi kawasan Port Dickson telah pun disediakan oleh pakar perunding yang mana telah pun dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri Sembilan untuk pelaksanaan seterusnya. Sejajar dengan perakuan dalam pelan induk tersebut, semua agensi yang terlibat akan terus menumpu perhatian kepada kehendak-kehendak pelan induk bagi menguruskan zon Port Dickson, dan projek pembangunan tambahan tidak akan dibenarkan, asalkan ia mematuhi kehendak-kehendak pelan induk.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Adakah Menteri berkenaan sedar oleh sebab banyak orang tahu sekarang di Port Dickson telah berlaku pencemaran yang hebat oleh sebab itu bilangan pelancang yang pergi ke sana sudah berkurangan 50% dan ini mengancam peluang dan matapencarian rakyat di Port Dickson. Oleh sebab itu bolehkah Menteri berkenaan melaksanakan apa yang dikatakan pelan induk itu supaya dilaksanakan dengan lebih cepat sedikit untuk membaiki keadaan itu?

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, ya, saya sedar; oleh sebab itulah Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah tersebut.

Tentang melaksanakan pelan induk itu adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan akan dilaksanakan sebaik-baik sahaja peruntukan kewangan diperolehi, tetapi saya berharap dalam masa yang segera akan dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 12 hingga 56 adalah diberi di bawah ini.)

HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR—WAD 14

3. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar, bahawa Wad No. 14 iaitu wad lama di Hospital Besar Kuala Lumpur, berada dalam keadaan yang amat tidak memuaskan dan tidak sesuai untuk dipergunakan bagi merawat para pesakit;
- (b) jika pihak Kementerian sedar mengenai hal ini, bilakah wad ini akan diperbaiki atau akan digantikan; dan
- (c) jika pihak Kementerian tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk menggantikan bangunan ini, sama ada pihak Menteri akan menimbangkan perkara ini demi kepentingan masyarakat secepat yang mungkin.

Menteri Kesihatan (Datuk Chin Hon Ngian): Pihak Kementerian Kesihatan menyedari bahawa keadaan wad 14 lama (dan juga wad 13 lama) adalah tidak setaraf dengan wad-wad di bangunan baru Hospital Besar Kuala

Lumpur. Untuk makluman Kementerian Kesihatan tidak bercadang menggunakan wad-wad ini selama-lamanya. Mengikut Rancangan Kementerian wad-wad ini tidak akan digunakan apabila bangunan-bangunan baru iaitu blok baru bagi Jabatan Paediatrik, pengubahsuaian kepada bangunan lama UKM dan tambahan kepada Hospital Wanita siap dibina. Kerja-kerja cerucuk (piling) kepada blok baru Jabatan Paediatrik sudah siap. Pengubahsuaian kepada bangunan lama UKM dijangka dimulakan tahun ini dan siap dalam tempoh lebih kurang dua tahun. Walau bagaimanapun kerja-kerja penyelenggaraan untuk membaiki keadaan wad berkenaan telah dijalankan dari masa ke semasa. Pada bulan April 1984 sebuah wad yang lain telah diubahsuaikan dan sebilangan pesakit-pesakit dari wad 13 dan 14 telah dipindahkan untuk mengurangkan keadaan kesesakan di wad itu.

Pihak Hospital Besar Kuala Lumpur dengan seberapa pihak tertentu sedang merancang dan membuat kajian untuk mengubahsuaikan wad-wad berkenaan supaya keadaan yang lebih selesa lagi dapat disediakan kepada pesakit-pesakit di wad-wad itu.

PETROLEUM DI PANTAI TIMUR—CARI GALI

12. Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak yang ditugaskan mencarigali petroleum di Pantai Timur Semenanjung sudah menghabiskan kerjanya; jika sudah, nyatakan:

(a) hasil kerja yang dijalankan termasuk nama tempat-tempat yang berpotensi mengeluarkan minyak; dan

(b) adakah tempat-tempat ini termasuk di seluruh pantai Negeri Pahang dan Johor.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Datuk Dr James P. Ongkili):

(a) Mencari gali minyak memerlukan usaha yang berterusan dan dengan ini tidak akan tamat. Pada ketika ini hanya PETRONAS Carigali dan Esso Production Malaysia Berhad (EPMI) sahaja yang sedang beroperasi di kawasan luarpantai Pantai Timur. Sehingga akhir bulan Jun 1984, sebanyak 18 temuan minyak yang menghasilkan 17 lapangan minyak yang dianggap berupayaan komersial, dan 39 lapangan gas yang besar telah dijumpai di luarpantai, Timur Semenanjung Malaysia. Dari 18 temuan minyak tersebut, Continental Oil Company of Malaysia (CONOCO) menjumpai Sotong, EPMI menjumpai Seligi, Bekok, Pulai, Tapis, Palas, Tiong, Guntong, Tabu, Semangkok, Irong Barat, Kepong, Tinggi dan Dulang dan Carigali menjumpai Beranang, Meranti, Malong dan Dulang (bahagian timur lapangan ini telah pun dijumpai terlebih dahulu oleh EPMI dalam kawasan kontrak mereka). Pada ketika ini 8 dari lapangan-lapangan minyak tersebut (Bekok, Pulai, Tapis, Tiong, Tinggi, Kepong, Irong Barat dan Semangkok) sedang menghasilkan pengeluaran.

(b) Kesemua lapangan-lapangan tersebut yang dijumpai oleh CONOCO, PETRONAS Carigali dan EPMI terletak di luarpantai Terengganu, dan hingga kini belum ada lagi penemuan dibuat di luarpantai Pahang dan Johor.

PENERAPAN TEKNOLOGI MODEN

13. **Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah pengkajian telah di buat dan kejayaan telah tercapai di dalam penerapan teknologi moden dalam negara kita. Apakah satu badan pengkajian dan penerapan teknologi akan diwujudkan di dalam negara kita.

Perdana Menteri: Kejayaan yang tercapai di dalam penerapan teknologi moden adalah agak luas dan ketara majunya seperti yang disiarkan di dalam Laporan-Laporan Tahunan Institusi Penyelidikan di negara ini. Negara kita mempunyai berbagai badan penyelidikan yang ditubuhkan untuk penerapan teknologi moden. Di bawah Kementerian saya terdapat Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN) yang ditugaskan untuk memberi nasihat kepada Menteri mengenai perkembangan sains dan teknologi dan di antaranya ialah soal pemindahan teknologi. Ahli-ahli MPKSN adalah terdiri dari ahli-ahli sains yang terkemuka di negara kita.

Selain daripada itu terdapat juga Majlis Penyelarasan bagi Pemindahan Teknologi Perindustrian yang berperanan untuk membantu industri melalui penyelarasan pemindahan teknologi. Majlis ini terdiri dari wakil-wakil Jabatan-Jabatan Kerajaan dan pihak swasta dan diketuai oleh Penasihat Ekonomi kepada Y.A.B. Perdana Menteri.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mempunyai sebuah unit iaitu Unit Pemindahan Teknologi yang memberi khidmat sokongan bagi membantu industri tempatan untuk mendapatkan teknologi yang sesuai.

Dalam usaha untuk memajukan pemindahan teknologi, satu mekanisma untuk mengesan, menilai dan mengkaji teknologi-teknologi dari

luar negeri telah disediakan dengan penubuhan Pusat Matlamat dan Pembangunan Paten (Patent Information and Documentation Centre—PIDC) serta Akta Paten.

Selain daripada badan-badan tersebut, negara kita juga mempunyai badan-badan penyelidikan yang terkemuka seperti Pusat Penyelidikan Getah (RRI), Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Institut Penyelidikan Perhutanan (FRI), Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan Universiti-universiti tempatan.

Di dalam hal ini juga, pihak industri boleh mengimport secara langsung teknologi-teknologi moden yang difikirkan sesuai untuk perkembangan industri mereka.

POLISI NUKLEAR KEBANGSAAN

14. **Tuan Gooli Hock Seng** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan mempunyai polisi nuklear kebangsaan, jika ada, nyatakan butir-butir polisi tersebut.

Datuk Dr James P. Ongkili: Buat masa ini polisi kerajaan berhubung dengan penggunaan tenaga nuklear untuk penjanaan kuasa elektrik adalah untuk menggunakan punca ini sebagai pilihan terakhir. Walau bagaimanapun, adalah menjadi dasar kerajaan untuk terus mengikuti perkembangan semasa di dalam bidang ini termasuk menyediakan tenaga mahir yang diperlukan. Ini merupakan langkah-langkah bersedia dalam menghadapi kemungkinan tenaga nuklear diperlukan pada masa yang akan datang. Dari segi penggunaan teknologi nuklear di dalam bidang-bidang lain seperti perubatan, perindustrian dan pertanian, kerajaan akan terus memberi galakan di dalam

mempertingkatkan penggunaan teknologi nuklear di dalam bidang-bidang ini.

PEMBANGUNAN ANTARA SEMENANJUNG DENGAN SARAWAK/SABAH

15. Tuan Patrick Anek Uren minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa adanya jurang perbezaan dalam corak pembangunan berlaku di antara yang sedang dibangunkan di Semenanjung dan di Sarawak dan Sabah, dan jika ya, sama ada Kerajaan mahu keadaan ini berlanjutan yang mungkin menimbulkan perasaan tidak puashati rakyat Malaysia di sana.

Datuk Dr James P. Ongkili: Dalam sesebuah ekonomi yang pesat membangun, masalah pembangunan yang tidak seimbang lazimnya wujud antara kawasan dan negeri. Begitulah yang terjadi di negara ini. Kerajaan sedar jurang pembangunan wujud bukan sahaja antara Semenanjung dengan Sarawak dan Sabah, tetapi juga antara negeri-negeri di Semenanjung sendiri. Perbezaan ini jelas dapat dilihat dari segi tingkat Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita, pendapatan isi rumah, penyediaan kemudahan-kemudahan asas dan perkhidmatan-perkhidmatan lain. Jurang pembangunan yang terdapat di negara ini disebabkan oleh faktor sejarah, keadaan ilmu alam yang berbeza dan kedudukan sumber-sumber alam yang tidak seimbang.

Kerajaan sentiasa berusaha melalui perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan untuk mengurangkan jurang pembangunan yang ada sekarang, supaya masalah ini tidak terus dijadikan isu dan punca rasa tidak puas hati di kalangan rakyat di negeri-negeri yang mundur. Antara lain, dasar Kerajaan, yang menekankan

pembangunan di wilayah-wilayah kurang maju, adalah bertujuan mengatasi masalah ketidakseimbangan. Melalui strategi ini, tenaga manusia dan sumber-sumber alam yang ada akan diusahakan sepenuhnya, kemudahan infrastruktur fizikal dan sosial akan ditambah, dan rangkaian perhubungan antara negeri akan dipertingkatkan bagi mempercepatkan pembangunan negeri-negeri kurang maju setanding dengan negeri-negeri yang telah maju. Adalah dijangkakan usaha-usaha tersebut akan dapat mengurangkan jurang pembangunan, iaitu meningkatkan KDNK per kapita negeri-negeri kurang maju dan memperbaiki pengagihan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan di antara negeri.

RADIO MALAYSIA—SIARAN LUAR NEGERI

16. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan setakat manakah kemajuan dan pencapaian rangkaian suara Malaysia yang dipancarkan keluar negeri; negara-negara manakah yang diberi keutamaan dan apakah tajuk-tajuk yang penting dalam siaran itu. Nyatakan sama ada kemudahan ini dibekalkan kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri.

Menteri Penerangan (Dato' Rais Yatim): Pada Februari 1963 Perkhidmatan Siaran Luar Negeri Radio Malaysia yang dikenali dengan nama Suara Malaysia telah memulakan siarannya dalam tiga Bahasa, iaitu Bahasa Indonesia, Bahasa Inggeris dan Mandarin.

Kini, Suara Malaysia membuat siaran dalam 8 bahasa, iaitu di samping 3 bahasa tersebut siaran juga dibuat

dalam Bahasa Malaysia, Arab, Burma, Thai dan Filipina (Tagalog). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selaras dengan dasar "Pandang Ke Timur" siaran dalam Bahasa Jepun juga akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, di antara Negara yang diutamakan untuk siaran Suara Malaysia ialah negara-negara Asean, negara-negara Islam dan negara-negara di mana terdapat ramai rakyat Malaysia, khasnya pelajar-pelajar Malaysia, umpamanya di Australia dan New Zealand.

Berhubung dengan tajuk-tajuk penting yang disiarkan suka saya menerangkan bahawa Suara Malaysia menyediakan rancangan dalam berbagai tajuk dan di antaranya adalah mengenai kebudayaan, pelancungan, pembangunan, keugamaan, sukan dan lain-lain.

CUKAI IMPORT ATAS BULU TANGKIS

17. Tuan Seow Hun Khim meminta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan berusaha ke arah mengurangkan cukai import ke atas bulu tangkis, jaring dan reket badminton agar permainan badminton di negeri kita akan dapat dipertingkatkan dan permainan ini akan lebih diminati oleh kaum belia dan murid-murid sekolah.

Dato' Sabbaruddin Chik: Cukai yang dikenakan ke atas reket badminton, bulu tangkis dan jaring adalah rendah. Reket hanya tertakluk kepada duti import \$1 tiap satu dan 5% a.v. cukai tokok. Bulu tangkis dan jaring pula hanya dikenakan 5% duti import sahaja. Dari itu cukai yang dikenakan ke atas reket, bulu tangkis dan jaring adalah rendah, dan Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan duti import tersebut.

KEDUDUKAN ORANG-ORANG MELAYU DI PULAU LANGKAWI

18. Tuan Othman bin Abdul minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan pusat bagi menjamin kedudukan orang-orang Melayu di Pulau Langkawi setelah berjayanya projek raksasa Promet.

(b) adakah benar rungutan dari orang-orang ramai mengatakan bahawa projek ini adalah tidak menguntungkan Bumiputera tempatan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak YAB Perdana Menteri.

(a) Kedudukan orang-orang Melayu di Pulau Langkawi dijangka akan lebih cerah setelah berjayanya projek raksasa Promet. Dengan pembangunan yang sedang dilaksanakan maka banyak peluang pekerjaan akan wujud khususnya dalam bidang perusahaan hotel dan bidang-bidang yang berkaitan dengan pelancongan seperti perusahaan-perusahaan kraft tangan tempatan. Dalam bidang perusahaan hotel Promet akan memberi keutamaan kepada anak-anak tempatan dalam pengambilan pekerja-pekerjanya. Latihan-latihan kepada Bumiputera dalam bidang ini sedang dan akan dijalankan oleh Promet. Hotel Merlin Langkawi yang telah diambil alih oleh Promet sedang diubahsuai untuk dijadikan tempat latihan yang berkeupayaan melatih kira-kira 60 belia tempatan pada setiap jangka masa. Di samping itu

banyak lagi peluang sampingan yang terbuka seperti pengeluaran bahan sayur-sayoran, perikanan dan makanan-makanan lain untuk memenuhi keperluan-keperluan hotel-hotel yang akan didirikan. Agensi-agensi Kerajaan di Negeri Kedah seperti Keda, PKNK dan Kerajaan Negeri sedang giat bekerjasama dengan Promet untuk menentukan kedudukan sosioekonomi penduduk tempatan akan terjamin.

- (b) Ini adalah satu perasaan sahaja dan tidak benar sama sekali. Tiap-tiap satu perubahan itu memang mempunyai cubaan-cubaan dan biasanya menimbulkan kebimbangan dan kerunsingan dari penduduk-penduduk yang terlibat. Kaum Bumiputera tempatan hendaklah mempunyai sikap positif dan berani menempoh perubahan. Memang banyak peluang-peluang yang terbuka luas dari projek pembangunan ini seperti yang telah dibayangkan dan Bumiputera tempatan hendaklah berusaha dan mengambil kesempatan di atas peluang-peluang itu.

ANGKATAN TENTERA— PERKAHWINAN PEGAWAI-PEGAWAI

19. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pertahanan menyatakan iaitu peraturan yang sedang dilaksanakan sekarang, askar dibenarkan berkahwin dengan askar dengan syarat pegawai dan askar biasa berkahwin dengan askar biasa, bagaimana kedudukan mereka jika sekiranya salah seorang suami atau isteri pasangan itu naik pangkat jadi pegawai (bagi askar biasa). adakah mereka dikehendaki bercerai, atau dinaikkan pangkat kedua-dua atau terus di dalam keadaan yang ada.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Perkahwinan yang sama taraf di dalam Angkatan Tentera iaitu pegawai dengan pegawai dan lain-lain Pangkat (LLP) dengan lain-lain pangkat adalah dibenarkan cuma perkahwinan yang melibatkan pegawai dengan lain-lain pangkat sahaja tidak digalakkan. Jika perkahwinan ini tidak dapat dielakkan salah seorang daripada pasangan tersebut adalah dikehendaki memohon untuk berhenti.

Dari apa yang saya nyatakan ini jelas menunjukkan sekiranya terdapat kenaikan pangkat daripada lain-lain Pangkat (LLP) ke pangkat pegawai bagi salah seorang pasangan LLP tersebut, dengan sendirinya peraturan yang ada sekarang memerlukan salah seorang dari pasangan tersebut berhenti dari perkhidmatan. Oleh itu, soal penceraian dan menaikkan pangkat seorang lagi sebagaimana yang dibangkitkan itu tidak timbul.

BASMI KEMISKINAN DI LUAR BANDAR SARAWAK

20. Tuan Justine Jinggut minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah positif yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar di Sarawak seperti di kawasan Ulu Rajang, terutamanya kaum petani yang menanam padi bukit. Juga adakah Y.A.B. Perdana Menteri sedar bahawa mereka begitu susah untuk menaikkan taraf kehidupan mereka oleh kerana pendapatan mereka tidaklah seimbang dengan harga barang keperluan yang sentiasa naik.

Datuk Dr James P. Ongkili: Kerajaan telah melaksanakan berbagai program dan projek bagi meningkatkan pendapatan golongan miskin di negeri Sarawak termasuk di

kawasan Ulu Rajang. Projek-projek ini termasuk pemberian subsidi dan kredit, penyediaan kemudahan parit dan taliair, pemberian khidmat perkembangan dan pemasaran serta pembukaan tanah baru dan penempatan peneroka-peneroka. Hasil daripada usaha-usaha ini maka kadar kemiskinan di Sarawak pada keseluruhannya dan di kawasan luar bandar telah berkurang dengan banyaknya. Kadar kemiskinan di luar bandar di Sarawak telah berkurang daripada 64.4 peratus dalam tahun 1976 kepada 39.3 peratus dalam tahun 1982.

Usaha-usaha membasmi kemiskinan di Sarawak akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan ingin menekankan bahawa peningkatan daya pengeluaran hendaklah dengan daya usaha sendiri dan tidak terlalu bergantung kepada bantuan dari pihak Kerajaan. Disamping itu, ekonomi negeri Sarawak akan diberi galakan untuk terus berkembang oleh kerana melalui pertumbuhan maka kemiskinan dapat dikurangkan. Kaum petani di kawasan luar bandar akan dapat diserapkan ke dalam sektor-sektor moden yang mempunyai daya pengeluaran yang tinggi. Mereka hendaklah mengambil peluang-peluang yang wujud di luar kawasan mereka sekiranya mereka hendak meningkatkan taraf kehidupan mereka. Sementara itu, Kerajaan akan terus menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan asas seperti pelajaran, kesihatan, jalan-jalan, bekalan air dan elektrik serta perumahan bagi meningkatkan lagi taraf kehidupan mereka.

LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI—SKIM SIMPANAN PELAJAR

21. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH)

mempunyai Skim Simpanan kepada para pelajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah di negara ini untuk menyimpan wang di Lembaga itu sebagai galakan kepada murid-murid yang bercita-cita untuk menunaikan Fardu Haji; jika benar:

- (a) sehingga akhir Jun, 1984 ini sudah berapa buah sekolah-sekolah rendah dan menengah yang menyambut Skim itu dan berapa ramai murid-murid yang menyertai Skim itu. Nyatakan secara berasingan di antara sekolah-sekolah rendah dan menengah di tiap-tiap negeri di Malaysia; dan
- (b) apakah langkah-langkah positif yang telah, sedang dan akan diambil oleh LUTH untuk memperluaskan Skim Simpanan itu kepada semua sekolah-sekolah rendah dan menengah di negara ini termasuk Institusi-institusi Pengajian Tinggi.

Perdana Menteri: Lembaga Urusan dan Tabung Haji ada mempunyai Skim Simpanan kepada para pelajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah di negara ini untuk menyimpan wang di Lembaga Urusan dan Tabung Haji sebagai galakan kepada murid-murid; bukan sahaja untuk menunaikan Fardu Haji tetapi juga untuk apa sahaja tujuan yang berfaedah seperti untuk melanjutkan pelajaran tinggi, pelaburan dan sebagainya:

- (a) 417 buah sekolah menengah dengan murid-murid seramai 29,483 orang dan 324 buah sekolah rendah dengan murid-murid seramai 13,952 orang adalah menyertai Skim ini;
- (b) di antara langkah-langkah positif yang telah dan sedang diambil adalah:
 - (i) dengan Pegawai Tabung Haji melawat ke sekolah-sekolah rendah dan

menengah serta memberi penerangan kepada murid-murid dan guru-guru untuk menyimpan di Tabung Haji.

- (ii) mengadakan Tabung Simpanan untuk kanak-kanak terutama untuk murid-murid sekolah rendah di mana mereka boleh menyimpan wang secara sedikit-sedikit dan apabila penuh Tabung itu dibawa ke Tabung Haji untuk dimasukkan ke dalam akaunnya.
- (iii) menggalakkan ibubapa menyimpan untuk anak-anak mereka melalui potongan dari gaji bulanannya.

Langkah-langkah ini akan dipergiatkan lagi di masa-masa hadapan termasuk Institusi-institusi Pengajian Tinggi di dalam negeri. Tabung Haji juga akan berusaha menghubungi penuntut-penuntut Malaysia yang belajar di luar negeri untuk menyimpan di Tabung Haji.

SYARIKAT PERNIAGAAN KERETA BUMIPUTERA

22. Tuan Yew Foo Weng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan betapa banyak syarikat Perniagaan Kereta Bumiputera yang telah diberikan dengan AP dan di antara ini berapa banyak ada memajukan AP mereka kepada syarikat-syarikat yang lain. Oleh demikian, adakah pihak Kerajaan bercadang mengambil tindakan untuk membatalkan AP tersebut yang diluluskan kepada syarikat-syarikat yang terlibat.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah syarikat-syarikat yang diberikan kuota bagi

mengimport kenderaan-kenderaan bermotor pada masa sekarang adalah seperti berikut:

| | |
|--|-------|
| Syarikat dipunyai 100% oleh Bumiputera | 98 |
| Syarikat Usahasama .. | 43 |
| Syarikat Bukan Bumiputera | 13 |
| | <hr/> |
| Jumlah .. | 154 |
| | <hr/> |

Setiap syarikat yang diperuntukan kuota kenderaan bermotor adalah dikenakan beberapa syarat untuk memastikan syarikat-syarikat yang diberikan kuota import itu akan mengendalikan pengimportan dan penjualan kenderaan-kenderaan yang diimport secara sendiri atau secara bekerjasama sesama mereka dan tidak menyalahgunakan lesen-lesen import yang telah diluluskan kepada mereka. Jika Kementerian mendapati sesuatu syarikat itu telah tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan, maka peruntukan kuota kepadanya adalah dikaji semula bagi maksud membatalkan, menahan atau mengurangkan kuota yang telah diberikan. Pengawasan terhadap prestasi pemegang-pemegang kuota adalah dibuat secara berterusan.

PERGADUHAN DI BUKIT KAYU HITAM

23. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Dalam Negeri menyatakan usaha-usaha yang sedang dijalankan dan akan diambil bagi mengatasi perkara pergaduhan di Bukit Kayu Hitam itu tidak berulang lagi.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato Musa Hitam): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara usaha-usaha yang sedang dijalankan ialah memperketatkan lagi kawalan dan

pemeriksaan keluar masuk di Kompleks Imigresen Bukit Kayu Hitam.

Perkhidmatan teksi juga telah diberhentikan dari pos Imigresen sehingga ke sempadan Malaysia—Thai yang jaraknya kira-kira 450 meter.

Selain dari itu pihak Polis Daerah Jitra sekarang ini telah mendapat kerjasama pihak Polis Daerah Sadao untuk mengawal situasi di sekitar pintu keluar masuk untuk mengelakkan peristiwa seperti itu berulang lagi.

PERJANJIAN SEMPADAN/BURUH MALAYSIA INDONESIA

24. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri:

- (a) mendedahkan butir-butir lanjut mengenai Perjanjian Sempadan dan Buruh Malaysia-Indonesia yang ditandatangani oleh Timbalan Perdana Menteri dan wakil Indonesia dalam bulan April 1984;
- (b) apakah kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Kerajaan untuk menentukan digre kekurangan buruh di bidang ladang-ladang, perlombongan dan pembinaan untuk menjustifykan pengimpotan buruh dari Indonesia dan sila beri butir-butir lanjut; dan
- (c) apakah Kerajaan bercadang memberikan kewarganegaraan kepada buruh-buruh imigran Indonesia sebagai sebahagian daripada strategi untuk mencapai matlamat bilangan penduduk 70 juta dan dengan berbuat demikian menafikan rakyat Malaysia peluang-peluang pekerjaan dan penikmatan kemudahan-kemudahan asas.

Dato Musa Hitam: Jawapan kepada soalan yang hampir sama maksudnya telah diberi pada 16hb Julai, 1984 semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

HARTA MENTERI/AHLI EXCO—MENGISTIHARKAN

25. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau bersedia mengenalkan undang-undang bagi memaksa Menteri-menteri Ahli-ahli EXCO Negeri, dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan mengumumkan nilai harta benda mereka setiap tahun dan jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak YAB Perdana Menteri.

Kerajaan belum ada cadangan untuk mengadakan undang-undang bagi memaksa Menteri-menteri dan Ahli-ahli Exco mengemukakan nilai harta benda mereka setiap tahun. Sungguhpun demikian Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dikehendaki memberi maklumat tentang harta benda dan tanggungan mereka kepada YAB Perdana Menteri, sementara Ahli-ahli Exco pula memberi maklumat-maklumat itu kepada YAB Menteri-menteri Besar/Ketua-ketua Menteri, dan amalan ini adalah memadai.

Bagi Pegawai-pegawai Kerajaan, pekeliling-pekeliling perkhidmatan telah pun mensyaratkan mereka mengistiharkan harta mereka kepada pihak-pihak tertentu.

KEKURANGAN DOKTOR-DOKTOR

26. Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar tentang kekurangan doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan, jika ya, apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Kesihatan (Dato' Chin Hon Nyan): Saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya memang menyedari terdapat kekurangan doktor pada keseluruhannya di dalam perkhidmatan Kerajaan.

Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah kekurangan ini. Diantaranya ialah:

I. Pihak kerajaan telah memberi beberapa insentif untuk menggalakkan pakar-pakar perubatan terus berkhidmat di hospital-hospital Kerajaan:

(a) Bagi Pakar-pakar Perubatan—

- (i) Menambahkan pengwujudan jawatan-jawatan Tingkatan-tertinggi dalam bidang-bidang kepakaran;
- (ii) Mengwujudkan jawatan-jawatan kenaikan pangkat dalam berbagai-bagai bidang kepakaran, misalnya Perubatan, Bedah Umum, Perbidanan dan Sakitpuan, dan Bius telah dinaikkan ke Tingkatan-tertinggi 'B' di Hospital Besar, Kuala Lumpur.
- (iii) Beberapa jawatan-jawatan pakar telah dinaikkan ke Tingkatan-tertinggi atas taraf Khas untuk Penyangang.

(iv) Elaun Pakar juga telah dinaikkan pada tahun 1983. Kadar Elaun Pakar ialah \$600 hingga \$1,600 bergantung kepada Tingkatan.

(v) Beberapa pegawai-pegawai pakar telah diberikan peluang untuk mengikuti kursus jangka pendek untuk menambahkan pengetahuan mereka dalam bidang kepakaran masing-masing.

(b) Bagi Pegawai-pegawai Perubatan—

- (i) Doktor-doktor yang telah berkhidmat selama lima (5) tahun dan telah disahkan dalam jawatan akan dinaikkan secara automatik ke Tingkatan-kanan.
- (ii) Kerajaan menyediakan peluang-peluang melanjutkan pelajaran dengan mengadakan biasiswa untuk mereka yang berminat di bidang-bidang kepakaran juga peluang cuti tanpa gaji bagi mereka yang tidak memperoleh biasiswa.
- (iii) Tambahan kemudahan-kemudahan adalah diadakan untuk latihan Ijazah lanjutan bagi doktor-doktor di hospital-hospital Kerajaan Malaysia.
- (iv) Beberapa peperiksaan Ijazah lanjutan oleh Royal College of United Kingdom dan Australia diadakan di Malaysia selain daripada yang dikelolakan oleh Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

II. Langkah-langkah juga sedang diambil:

(a) Untuk melantik isteri warganegara Malaysia yang bukan warganegara Malaysia dan mempunyai kelayakan perubatan yang diiktirafkan kepada jawatan pegawai perubatan secara kontrak.

(b) Untuk mengambil doktor-doktor dari negara-negara jiran iaitu:

berasaskan kepada persetujuan antara kerajaan dengan kerajaan dan secara kontrak.

III. Terdapat juga penambahan dalam pengambilan penuntut-penuntut perubatan di Fakulti-fakulti Perubatan tempatan.

MAHKAMAH—KAWALAN KESELAMATAN

27. Wan Ibrahim Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kesungguhan bagi mengawal keselamatan harta benda Mahkamah, sehingga membolehkan berlakunya dua kebakaran dalam tempoh seminggu ke atas Mahkamah Tinggi Seremban dan kemudian diikuti oleh Mahkamah Tinggi Ipoh. Apakah ianya disebabkan oleh perbuatan khianat. Jika ya, apakah motifnya.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak YAB Perdana Menteri.

Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memberi perhatian yang serius terhadap keselamatan semua bangunan dan harta benda Kerajaan termasuk semua Mahkamah yang mana tugas tersebut dipertanggungjawabkan ke atas semua Ketua Jabatan yang berkenaan dengan mendapat khidmat nasihat kepakaran daripada Pejabat Ketua Pegawai

Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri. Sehingga hari ini penyiasatan terhadap kejadian-kejadian kebakaran di Mahkamah-mahkamah Tinggi Seremban dan Ipoh masih lagi belum selesai.

JALAN RAYA/JAMBATAN DI SARAWAK

28. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kerja Raya menyatakan jumlah peruntukan yang telah diuntukkan bagi tujuan pembinaan jalanraya di Sarawak dalam tahun 1984 dan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat memandangkan bahawa penduduk-penduduk di sana tidak puashati dengan jumlah peruntukan itu.

Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1984 sahaja sejumlah \$55 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membina jalanraya-jalanraya dan jambatan-jambatan di negeri Sarawak. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat, iaitu dari tahun 1981 hingga 1985, jumlah peruntukan yang diluluskan ialah sebanyak \$327.16 juta. Dari jumlah ini, sebanyak \$110.45 juta adalah peruntukan bagi tahun 1985. Suka juga saya memaklumkan di sini, bahawa Kementerian saya memang memberi perhatian utama ke atas pembahagian peruntukan bagi negeri Sarawak. Ini adalah kerana Kementerian saya sedar bahawa negeri Sarawak sangat memerlukan peruntukan yang mencukupi untuk projek-projek pembangunannya.

VIP DI PEMERIKSAAN KASTAM DI JOHOR

Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan berapa kalikah dif-dif terhormat (VIPS) telah merempuh saluran kastam VIP di

tambak Johor Bahru tanpa berhenti; nyatakan identiti dif-dif terhormat tersebut dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Kastam atau pihak-pihak lain dalam setiap kes tersebut.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin): Saya ingin menerangkan bahawa tidak ada lorong-lorong VIP ditempat pemeriksaan kastam di Tambak Johor, Johor Bahru. Apa yang dikatakan lorong VIP itu ialah sebenarnya lorong yang digunakan bagi pemeriksaan lori-lori kosong yang datang dari Singapura.

Ada dua kejadian sebagaimana berikut telah berlaku di mana rombongan-rombongan VIP yang datang dengan kereta dari Singapura ke Johor Bahru tidak berhenti di tempat pemeriksaan kastam:

- (a) Kejadian yang pertama telah berlaku pada 6hb; 7hb dan 8hb Mac 1984. Satu rombongan yang diketuai oleh YTM Raja Muda Perlis telah datang ke Johor Bahru berkaitan dengan penganugerahan Bintang Darjah Kebesaran, Darjah Kerabat Negeri Perlis (D.K.) kepada D.Y.M.M. Baginda Sultan Johor dan rombongan ini juga telah berkesempatan melancong ke Singapura. Semasa mereka balik dari Singapura pada ketiga-tiga hari tersebut, mereka telah diiringi oleh beberapa kereta dan 'outriders' Polis Di Raja Malaysia, Bahagian Trafik Johor Bahru.

Rombongan ini telah melalui lorong Eksport yang diuntukkan kepada kenderaan yang hendak ke Singapura tanpa berhenti di tempat pemeriksaan kastam pada 6hb dan 7hb Mac 1984. Pada 8hb Mac 1984 pula, rombongan kereta-kereta Diraja ini telah

melalui lorong lori-lori kosong tanpa berhenti apabila balik dari Singapura.

Berikutan dengan peristiwa ini, Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis telah tampil ke hadapan dan menyatakan perasaan sangat kesal atas kejadian yang berlaku oleh kerana keadaan yang tidak disengajakan. Beliau juga telah membayar cukai atas semua barang-barang yang telah dibawa masuk dari Singapura berjumlah \$805.00 bagi pihak rombongan tersebut.

Sebenarnya pihak Kastam Johor Bahru telah diberitahu terlebih dahulu dengan rasmi oleh pihak setiausaha Kerajaan Negeri Johor berhubung dengan lawatan rombongan Kerajaan Negeri Perlis itu dan berkemungkinan rombongan Kerajaan Negeri Perlis itu dan berkemungkinan rombongan itu berulang alik melalui Tambak Johor semasa mereka berada di Johor Bahru di antara 6hb Mac 1984.

- (b) Peristiwa yang kedua pula berlaku pada kira-kira jam 5.00 petang pada 5hb Mei 1984 di mana empat buah kereta telah masuk melalui lorong lori-lori kosong tanpa berhenti. Setelah penyiasatan dijalankan oleh pihak Kastam Johor Bahru didapati 3 orang Menteri yang terdiri dari Y.B. Dato' Neo Yee Pan, Y.B. Dato' Mak Hon Kam dan Y.B. Tan Sri Chong Hon Nyan serta pegawai masing-masing berada di dalam kereta-kereta berkenaan. Perkara ini adalah satu kesalahan yang tidak disengajakan. Oleh sebab kekeliruan tentang tujuan lorong-lorong kosong berkenaan. Kini tindakan-tindakan yang sesuai dan

difikirkan wajar telah diambil termasuklah mengadakan 'hump' dan tanda berhenti di lorong lori dan bas untuk mengelakkan kejadian seperti ini berlaku di masa-masa akan datang. Saya juga ingin memaklumkan iaitu Kerajaan tidak bercadang untuk menyediakan lorong-lorong VIP seperti terdapat di Pengkalan Tun Uda di Pulau Pinang.

LEMBAGA TENDER

30. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan Lembaga Tender yang terdapat di dalam Perbendaharaan Negara dan siapa yang biasanya menganggotai Lembaga-lembaga ini; di dalam Perbendaharaan Negara juga, adakah terdapat bilangan anggota yang mencukupi bagi menganggotai Lembaga-lembaga Tender ini. Adakah Kementerian beliau bercadang mempunyai Lembaga-lembaga yang benar-benar bebas termasuk dengan mempunyai anggota-anggota yang tidak diadakan identiti mereka, berapakah bilangan kes rasuah yang telah dilaporkan dalam Lembaga-lembaga ini.

Dato' Sabbaruddin Chik: Kementerian Kewangan hanya mempunyai satu Lembaga Tender yang dianggotai oleh pegawai-pegawai Kementerian ini, wakil-wakil Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Jabatan Kastam dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU). Lembaga Tender tersebut adalah khusus untuk tender-tender pusat bagi barang-barang gunasama dan bagi tender-tender yang dipanggil oleh Jabatan-jabatan yang tidak mempunyai Lembaga Tender sendiri.

Kementerian ini mempunyai jumlah pegawai yang cukup untuk menganggotai Lembaga Tender yang

berkenaan. Sistem yang ada pada masa ini adalah cukup bagi menentukan yang tender-tender dipertimbangkan secara bebas dan objektif. Mengikut sistem yang ada sekarang, tiap-tiap penender adalah dikaji oleh dua Jawatankuasa yang berasingan iaitu Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kewangan. Ahli-ahli Jawatankuasa ini adalah terdiri dari pegawai-pegawai yang berlainan. Hasil analisa kedua-dua Jawatankuasa ini dikemukakan seterusnya kepada Lembaga Tender dengan menggunakan kod sebagai ganti nama penender. Ahli-ahli Lembaga Tender tidak terlibat sama sekali di dalam urusan memproses tawaran-tawaran dan tidak mengetahui identiti penender-penender yang dipertimbangkan. Dengan sistem ini adalah tidak perlu untuk dibuat apa-apa perubahan dari segi keanggotaan Lembaga-lembaga Tender. setakat ini belum ada kes-kes rasuah yang dilaporkan dalam Lembaga Tender ini.

HUTANG JABATAN/AGENSI KERAJAAN KEPADA LLN DAN TELEKOM

31. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan jumlah Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang berhutang kepada pihak Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Telekom dalam bulan Januari hingga Jun 1984; amaun yang terlibat dan apakah tindakan yang akan diambil untuk mendapatkan Jabatan-jabatan dan agensi-agensi tersebut menjelaskan hutang mereka.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Maggie anak Irok):

(a) Butir-butir mengenai jumlah Jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berhutang kepada

pihak Lembaga Letrik Negara (LLN) dalam bulan Januari hingga Jun 1984 dan amaun yang terlibat yang sebenarnya, tidak dapat diberi kerana di bawah sistem kewangan LLN penyata-penyata kewangan dari stesen-stesen LLN hanya dikemukakan kepada Ibu Pejabat LLN pada tiap-tiap suku tahun. Tarikh penutupan Tahun Kewangan LLN adalah pada 31hb Ogos. Ini bermakna penyata suku tahun dari stesen-stesen LLN dikemukakan kepada Ibu Pejabat LLN pada 30hb November, 28hb Februari, 31hb Mei dan 31hb Ogos tiap-tiap tahun.

Oleh yang demikian, maklumat mengenai hutang Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan kepada LLN hanya dapat diberi sehingga 29hb Februari 1984. Sehingga tarikh ini terdapat sebanyak 99 Jabatan dan agensi Kerajaan yang didapati berhutang dengan pihak LLN. Jumlah yang berhutang oleh Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan itu adalah sebanyak \$48,240,057.30 dan jumlah ini adalah merupakan tunggakan sejak dari tahun 1972 lagi. Bagi mengatasi perkara ini, Kementerian dan LLN sentiasa membawa perkara ini kepada Mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha Kementerian atau mesyuarat Perhubungan di antara Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat untuk memberi peringatan kepada Jabatan/Agensi berkenaan, kerana jika diambil tindakan yang drastik seperti memotong bekalan elektrik sudah tentu mengganggu perkhidmatan yang diberi oleh Kementerian/Jabatan itu kepada orang awam dan ini

akan mendatangkan kesusahan kepada orang awam dan inilah yang hendak dielakkan oleh Kementerian saya dan LLN kerana ini bercanggah dengan falsafah Kerajaan sekarang iaitu sebuah Kerajaan yang berjiwa rakyat. Selain dari ini, sebuah Unit Khas di Perbendaharaan Malaysia juga membantu Lembaga Letrik Negara bagi menuntut hutang-hutang berkenaan.

- (b) Bagi Jabatan Telekom pula, dalam bulan Januari hingga Mei 1984, didapati bahawa semua Jabatan dan agensi Kerajaan telah berhutang kepada Jabatan Telekom Negara. Jumlah hutang yang terlibat pada akhir tiap-tiap bulan dari bulan Januari hingga Mei adalah seperti berikut:

| Bulan | Jumlah Taban Telekom | Jumlah Hutang |
|---------------|-----------------------|-----------------|
| Januari 1984 | 25,619 | \$48,554,797.16 |
| Februari 1984 | 25,709 | 47,427,989.97 |
| Mac 1984 | 25,824 | 42,435,910.54 |
| April 1984 | 25,984 | 40,364,494.52 |
| Mei 1984 | 26,149 | 40,000,512.84 |
| Jun 1984 | Bil belum dikeluarkan | - |

Setakat ini Jabatan Telekom tidak mengambil tindakan pemotongan sementara ke atas Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang berhutang yang memberi perkhidmatan kepada orang awam kerana ini akan mengganggu perjalanan pentadbiran Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan dan sudah tentu tindakan seperti ini akan mendatangkan kesusahan kepada orang awam dan inilah yang hendak dielakkan oleh Kementerian saya dan Jabatan

Telekom. Walau bagaimanapun, Kementerian saya dan Jabatan Telekom Malaysia akan sentiasa mencari jalan lain seperti yang saya nyatakan pada awal tadi bagi mengatasi perkara ini.

**BIASISWA KEPADA SISTEM
PINJAMAN PELAJAR—
MENGANTIKAN**

32. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggantikan sistem biasiswa pelajar-pelajar sekarang kepada Sistem Pinjaman Pelajar Kebangsaan seperti yang disarankan oleh Simposium Antarabangsa mengenai teknologi budaya dan pembangunan.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Buat masa ini Kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran belum mempunyai rancangan untuk menggantikan sistem biasiswa pelajar-pelajar sekarang kepada Sistem Pinjaman Pelajar Kebangsaan seperti yang disebutkan.

**PENTERJEMAH PERKHID-
MATAN PARLIMEN—
BAYARAN ELAUN**

33. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1975 dan pindaannya, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14 Tahun 1976 yang menurut pekeling itu berkuatkuasa mulai 1hb Januari 1974 hanya dikuatkuasakan mulai 1hb April 1984 iaitu sepuluh tahun kemudian, kepada Penterjemah-penterjemah Melayu di Jabatan Parlimen, jika ia, mengapakah berlaku diskriminasi seperti ini di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan.

Datuk Haji Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Y.A.B. Perdana Menteri. Saya sedar bahawa bayaran Elaun Khas Jurubahasa/Penterjemah mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1975 dan Bil. 14 Tahun 1976 berkuatkuasa mulai 1hb Januari 1974. Bayaran elaun ini telah dilaksanakan mulai daripada tarikh tersebut dan tidaklah ada diskriminasi berkenaan dengannya.

Bayaran elaun ini kepada Penterjemah di dalam Perkhidmatan Parlimen baru dibuat mulai 1hb April 1984 iaitu apabila disahkan bahawa elaun ini juga layak dibayar kepada pegawai-pegawai di dalam Perkhidmatan Parlimen. Bayaran kebelakang tidak dibuat kepada mereka oleh sebab menurut prinsip pembayaran elaun, bayaran hanya boleh dibuat dari tarikh semasa.

**PEMBUNUH ORANG-ORANG
KAMPUNG—PENYIASATAN**

34. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Dalam Negeri untuk menyatakan sama ada penyiasatan mengenai pembunuhan yang kejam atas empat orang-orang kampung iaitu:

Chong Voon Khim *alias* Chong Voon Khin

Chong Thian Man

Len Yew Foh

Chan Siew Fam *alias* Cheong Siew Fan

pada 23hb Mei, 1984 di Cheroh, Raub, Pahang telah diselesaikan dan jika ya, apakah keputusan dan tindakan yang akan diambil

Dato' Musa Hitam: Siasatan rapi dan mendalam telah dan masih dijalankan oleh pihak Polis. Tindakan akan

diambil ke atas mereka yang terlibat apabila bukti-buktinya diperolehi kelak.

SISTEM PENGAJARAN 3M

35. Tuan Ling Sie Meng minta Menteri Pelajaran menyatakan masalah-masalah yang masih dihadapi dalam Sistem Pengajaran 3M, dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Setelah Kurikulum Baru Sekoah Rendah (KBSR) dilancarkan selama 2½ tahun di sekolah-sekolah pelaksanaan terhad dan 1½ tahun di sekolah-sekolah pelaksanaan penuh, masalah-masalah yang dihadapi pada peringkat awal dahulu sudah berkurangan. Pada peringkat awal dahulu guru merasai beban tugas mereka berat disebabkan oleh bekalan bahan asas yang terhad dan kerana mereka dikehendaki menyediakan bahan pengajaran yang berbagai corak serta menyediakan rekod kemajuan murid. Untuk mengatasi masalah ini Kementerian Pelajaran telah memberikan bimbingan terus menerus kepada mereka dan hasil daripada bimbingan itu fahaman mereka menjadi lebih jelas dan mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih cekap tanpa merasakan beban yang amat berat. Di samping itu tambahan bekalan bahan dari Kementerian Pelajaran dan juga dari kalangan swasta telah juga menolong meringankan beban guru. Selain daripada itu masalahnya ialah kelewatan ketibaan buku teks. Ini telah dapat diatasi walaupun di setengah-setengah tempat yang jauh di pendalaman masalah ini masih wujud. Kementerian Pelajaran terus-menerus menjalankan pengesanan di sekolah-sekolah untuk mengetahui masalah yang masih wujud dan menjalankan ikhtiar untuk mengatasinya mengikut situasi sekolah masing-masing.

PENDUDUK 70 JUTA

36. Tuan Peter Chin Gan Onn minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau dapat menerangkan:

- (a) bagaimana beliau mencapai satu kependudukan 70 juta orang dalam 115 tahun dan atas asas apakah ditempatkan penambah penduduk secara semulajadi dan daripada sumber-sumber imigresen kerana pihak-pihak cendekiawan-cendekiawan dan "demographers" nampaknya tidak bersetuju mengenai bagaimanakah kependudukan dalam masa 115 tahun;
- (b) bukankah lebih baik supaya ada kependudukan kualiti daripada kuantiti kerana negara-negara kecil seperti Holland, Switzerland dan Singapura telah membuktikan bahawa kualiti kehidupan tidak seharusnya bergantung kepada satu kependudukan yang besar; dan
- (c) bagaimanakah kita dapat mengedarkan kekayaan kita dengan lebih saksama kerana satu keadaan seperti ini adalah diperlukan agar kependudukan masa depan 70 juta tidak akan berada dalam satu kadar kemiskinan yang tinggi yang kini dialami walaupun dengan kependudukan kita yang agak kecil.

19.7.84

9. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri memberi jangkamasa atau 'time frame' untuk mencapai bilangan penduduk seramai 70 juta di Malaysia dan nyatakan apakah kajian-kajian menyeluruh yang telah dibuat untuk memastikan pemeliharaan sumber-sumber kita yang terhad serta memperuntukkan kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang pekerjaan yang cukup sekiranya kami mempunyai seramai 70 juta penduduk

di Malaysia dan sila beri butir-butir lanjut mengenai kajian-kajian tersebut.

23.7.84

41. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman minta Perdana Menteri:

- (a) adakah kerajaan telah cukup bersedia sama ada dari segi kajian dan penyelidikan, perancangan, penyediaan dan kemudahan-kemudahan untuk menampung keperluan rakyat apabila Y.A.B. Perdana Menteri menyatakan kita sanggup mempunyai penduduk 70 juta orang, beberapa tahun yang akan datang;
- (b) bolehkah Y.A.B. Perdana Menteri memberitahu selain dari penyertaan rakyat sendiri, apakah persiapan-persiapan dipihak kerajaan untuk menghadapi cabaran dari segi saranan jumlah penduduk ini; dan
- (c) bolehkah Y.A.B. memberi jaminan bahawa Dasar Ekonomi Baru akan tetap dipertahankan dari segi pelaksanaannya supaya pertambahan penduduk ini akan berjalan/terlaksana sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru yang sedang kita lalui selama ini.

24.7.84

26. Tan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sebarang kajian telah diambil oleh Kerajaan mengenai dasar populasi sebanyak 70 juta, jika benar, menyatakan butir-butir dan hasil-hasil kajian tersebut.

26.7.84

35. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan formula dan cara yang akan digunakan untuk mencapai sasaran penduduk 70 juta

dalam tempoh 115 tahun dan apakah komposisi kaum yang dijangka apabila sasaran tersebut tercapai kelak.

27.7.84

54. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri sama ada beliau masih memegang syor beliau mengenai negara kita hendak mengadakan penduduk sebanyak 70 juta, memandangkan kepada tentangan-tentangan menasabah dari orang-orang ramai atas dasar tersebut.

Datuk Dr James P. Ongkili: Saya mohon izin untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching (19.7.84), Parit Buntar (23.7.84), Bukit Bendera (24.7.84), Sandakan (26.7.84) dan Jelutong (27.7.84) bersama soalan ini memandangkan soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

Kerajaan telah pun mengkaji dasar kependudukan dan isu-isu berkaitan dengannya dan menentukan bahawa Malaysia harus mempunyai jumlah penduduk seramai 70 juta pada akhirnya. Matlamat kerajaan hendak mencapai jumlah penduduk negara seramai 70 juta adalah dalam tempoh jangkamasa yang panjang iaitu kira-kira 100 sehingga 120 tahun dari sekarang. Ke arah pencapaian penduduk 70 juta ini, Kerajaan telah memberi perhatian yang lebih ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan penduduk dalam konteks perancangan pembangunan sosio-ekonomi yang menyeluruh.

Kerajaan yakin matlamat ini boleh dicapai dengan cara semulajadi. Memandangkan ianya merupakan satu matlamat jangka panjang, tidak bererti kadar kesuburan (fertility rate) perlu dipertingkatkan. Berdasarkan pada unjuran penduduk yang telah dijalankan, jumlah penduduk 70 juta tersebut boleh dicapai melalui kadar kesuburan yang masih menurun tetapi

pada kadar yang lebih perlahan yang akhirnya mencapai peringkat penggantian. Merujuk kepada komposisi kaum apabila matlamat 70 juta dicapai kelak, adalah dijangkakan bahawa tiada banyak perbezaannya daripada unjuran yang berasaskan arah aliran masa kini dan lebih kurang sama dari segi bahagian peratusnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengkaji dan menganalisa dengan teliti strategi dan program bagi mencapai matlamat tersebut. Sebuah Jawatankuasa Isu Kependudukan telah pun ditubuhkan untuk mengkaji kesemua aspek matlamat 70 juta kependudukan itu.

Perlu ditegaskan bahawa Kerajaan bukan sekadar mementingkan bilangan penduduk yang ramai. Matlamat penduduk 70 juta ini adalah bersyarat. Syarat yang penting adalah penduduk yang ramai ini perlu rajin bekerja dan berdisiplin supaya dapat menyumbang kepada pengeluaran negara dan peningkatan daya pengeluaran. Jika syarat-syarat rajin bekerja dan berdisiplin ini dipenuhi, matlamat penduduk yang lebih ramai tidak perlu bercanggah dengan matlamat untuk membasmi kemiskinan dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Apa yang penting yang tersemat dalam matlamat ini adalah penekanan supaya negara mempunyai rakyat yang bermutu dan sifat-sifat seperti kerajinan dan disiplin dipupuk dikalangan semua penduduk. Kerajaan akan menjamin kualiti warganegara Malaysia, sama ada dari segi kesihatan atau kebudayaan, tidak akan merosot berikutan penduduk yang bertambah.

Pencapaian matlamat penduduk 70 juta ini tidak akan memburukkan masalah sosial dan ekonomi negara memandangkan taraf kehidupan rakyat telah pun meningkat ketahap yang lebih tinggi sejak kita mencapai kemerdekaan. Jika kadar pertumbuhan penduduk tetap pada

kadar lebih rendah daripada Keluaran Negara Kasar yang pada masa ini adalah dalam lingkungan 6% setahun, maka negara mampu menampung penduduk yang lebih ramai. Usaha-usaha meningkatkan bilangan penduduk tidak akan berhasil selagi negara menunggu kemiskinan dihapuskan. Masalah kemiskinan di negara ini adalah merupakan masalah yang relatif dan dapat dikawal. Kemiskinan tetap wujud tetapi ini tidak bermakna taraf hidup rakyat tidak boleh dipertingkatkan. Kerajaan yakin bahawa strategi-strategi dan program-program yang sedia ada dan yang akan diadakan seperti daya pengeluaran yang tinggi, penerapan sikap rajin bekerja dan berdisiplin, perkembangan ekonomi yang berteraskan Dasar Ekonomi Baru serta pentadbiran yang cekap dan baik dapat mengimbangkan pembahagian kekayaan negara.

Butir-butir terperinci akan diterbitkan sebaik sahaja Jawatankuasa Petugas Isu Kependudukan menyempurnakan tugas mereka.

GRADUAN SAINS— TAWARAN JAWATAN

37. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lebih kurang 200 orang graduan daripada rancangan pengajian sains dengan pendidikan di Universiti Sains Malaysia dan rancangan Diploma Pendidikan (Sains) di Universiti Malaya yang telah menamatkan pengajian mereka pada April 1984 masih belum ditawarkan jawatan-jawatan perguruan di sekolah-sekolah. Sebaliknya, adakah beliau sedar juga bahawa banyak sekolah menengah masih kekurangan guru-guru graduan dalam sains dan matematik; apakah faktor-faktor yang mengakibatkan kejadian yang seperti ini, apakah langkah-langkah konkrit yang

Kementerianya sedang ambil untuk memastikan keseimbangan yang lebih baik antara bekalan dan permintaan guru-guru.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kementerian Pelajaran sedar adanya sebilangan daripada graduan yang telah menamatkan perijinan mereka dalam rancangan pengajian sains dengan pendidikan serta Diploma Pendidikan Sains belum ditawarkan jawatan-jawatan perguruan khususnya mereka yang tidak terikat untuk berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran kerana tawaran jawatan hanya diberi apabila wujud kekosongan. Tidaklah benar bahawa masih banyak sekolah menengah yang mengalami kekurangan guru sains dan matematik.

PERMOHONAN KEWARGA- NEGARAAN MALAYSIA

38. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah permohonan untuk kewarganegaraan Malaysia yang masih sedang diuruskan;
- (b) perpecahan mengikut kaum semua pemohon-pemohon;
- (c) jumlah pemohon-pemohon yang memegang kad pengenalan merah yang telah memohon untuk mendapatkan kewarganegaraan lebih lima tahun;
- (d) apakah masalah-masalah utama yang dihadapi berhubung dengan pemerosesan dan kelulusan pemohon-pemohon untuk mendapatkan kewarganegaraan; dan
- (e) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menyejajarkan pemerosesan permohonan-permohonan untuk kewarganegaraan terutama

sekali bagi mereka yang telah bermastautin begitu lama di Malaysia.

Dato' Musa Hitam:

- (a) Permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia yang sedang diproses oleh Kementerian Dalam Negeri sehingga akhir bulan Mei 1984 ialah berjumlah 15,594.
- (b) adakah System Television Kementerian Dalam Negeri tidak memecahkan jumlah permohonan ini mengikut keturunan pemohon.
- (c) jumlah pemohon terdiri dari pemegang kad pengenalan merah yang telah memohon taraf kewarganegaraan lebih dari 5 tahun ialah 6,412.
- (d) Kementerian tidak menghadapi masalah untuk memproses permohonan-permohonan taraf kewarganegaraan ini. Kementerian hanya memerlukan masa untuk menyemak dan memastikan kebenaran setiap maklumat yang diberikan oleh seorang pemohon itu supaya ianya benar-benar memenuhi syarat-syarat serta keperluan-keperluan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Malaysia. Kementerian perlu juga mengesan setiap individu pemohon. Semua urusan ini memakan masa, tetapi masa yang digunakan ini tidak melebihi masa yang diperlukan.
- (e) Kementerian Dalam Negeri telah mengambil semua langkah yang sesuai bagi mempercepatkan urusan memproses permohonan taraf kerakyatan.

TV3—SIARAN

39. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) dengan wujudnya Rangkaian Ketiga (TV3) akan menjejaskan pendapatan RTM dari sumber-sumber iklan;
- (b) adakah System Television Malaysia Berhad (TV3) membayar kepada Kerajaan apa-apa pembayaran selain dari cukai Syarikat biasa di atas perniagaannya;
- (c) bilakah TV3 akan dapat membuat pemancaran ke seluruh negara.

Dato' Rais Yatim: Buat masa ini pendapatan RTM dari sumber-sumber iklan tidak terjejas dengan ujudnya TV3.

Mengenai soalan pembayaran TV3 kepada Kerajaan, adalah dimaklumkan bahawa selain dari cukai syarikat biasa dikenakan atas perniagaannya, Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) juga dikehendaki membayar royalti daripada pendapatan kasarnya.

TV3 baru sahaja memulakan siaran pada 1hb Jun, 1984 yang lepas. Oleh itu adalah terlalu awal bagi Kerajaan membuat keputusan membenarkan TV3 menyiarkan rancangannya ke seluruh negara. Kerajaan memerlukan suatu tempoh waktu untuk mengkaji terlebih dahulu segala implikasi siaran TV3 di Lembah Kelang dan Wilayah Persekutuan sebelum ia dapat membuat keputusan tersebut.

DASAR EKONOMI BARU— LANJUTKAN TEMPOH

40. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bersedia mengikut kenyataan beliau dalam Perhimpunan

Agung UMNO dalam bulan Mei iaitu melanjutkan tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru selepas 1990 bukanlah satu cara penyelesaian masalah ekonomi kaum Bumiputera.

49. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di dalam ucapan beliau di Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini beliau ada menyebut bahawa melanjutkan tempoh Dasar Ekonomi Baru selepas 1990 bukanlah satu cara yang baik dan positif dan sama ada ini bermakna bahawa tempoh DEB tidak akan dilanjutkan lagi selepas tahun 1990.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Y.A.B. Perdana Menteri dan untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Nombor 49 dari Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

Seperti yang telah ditegaskan oleh Y.A.B. Perdana Menteri di dalam ucapannya di Perhimpunan Agung UMNO tempoh hari, perkara yang lebih penting yang perlu difikir dan diselesaikan dalam soal melanjutkan tempoh DEB ialah sama ada kaum Bumiputera akan dapat mengekalkan tahap pencapaian dan prestasi mereka selepas tamatnya tahun 1990.

Dari itu, bukanlah angka 30 peratus yang menjadi isu utama dalam hal ini. Kerajaan tidak sekali-kali ingin melihat segala faedah dan tahap pencapaian yang telah dinikmati oleh kaum Bumiputera mula merosot atau terus hilang sebaik-baik sahaja tahun 1990 tamat.

Y.A.B. Perdana Menteri tidak pernah menyatakan yang Kerajaan tidak akan melanjutkan tempoh DEB. Di dalam perkara ini Kerajaan harus berhati-hati dan mengambilkira realiti dan suasana perkembangan di negara kita ini semasa menimbang dan memutuskan perkara ini apabila tiba masanya kelak.

GURU-GURU PELATIH DI SARAWAK

41. Tuan Ling Sie Meng minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) bilangan guru-guru pelatih yang didaftarkan untuk sesi 1984/1985, dan berapakah peratus tambahan berbanding dengan sesi-sesi 1981/1982 dan 1983/1984 dalam ketiga-tiga maktab latihan perguruan di Negeri Sarawak; dan
- (ii) nyatakan jumlah guru-guru terlatih yang dihantar untuk berkhidmat di sekolah-sekolah rendah Cina jenis kebangsaan dan sekolah-sekolah menengah Cina jenis kebangsaan.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:

- (i) Pada tahun 1984, 586 guru pelatih telah diambil berkursus di ketiga-tiga buah Maktab Perguruan di Sarawak. Jika dibandingkan dengan pengambilan tahun 1981 peratus pertambahannya ialah 1982 (84%), 1983 (29%) dan 1984 (23%).
- (ii) Mengenai jumlah guru-guru terlatih yang telah dihantar untuk berkhidmat di Sarawak, saya ingin terlebih dahulu menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa peruntukan guru-guru ke sekolah-sekolah mengikut jenis sekolah adalah terpulang kepada Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri dan mengikut permohonan dari keperluan sekolah-sekolah berkenaan. Ini pula bergantung kepada jumlah setok guru-guru yang ada untuk diedarkan. Bagi Negeri Sarawak, khususnya

jumlah guru-guru yang telah dikekalkan bagi 1984 ialah seperti berikut:

| | |
|--|-----------|
| (a) Sekolah Rendah | 359 orang |
| (b) Sekolah Menengah (Bukan Siswazah) | 115 .. |
| Sekolah Menengah (Siswazah) | 144 .. |

Jumlah ini adalah selain dari guru-guru yang telah mendapat latihan perguruan di Negeri Sarawak.

YANG DI-PERTUAN AGONG— KECAMAN AKHBAR LONDON

42. Tuan Ismail bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan apakah sikap dan tindakan tegas pihak Kerajaan terhadap kenyataan dan rancangan-rancangan akhbar luar khususnya di London yang mengancam dan memburukkan Kerajaan dan pemimpin-pemimpin terutamanya Yang di-Pertuan Agong selaku Ketua Negara ini.

Perdana Menteri: Perwakilan-perwakilan kita di luar negeri sentiasa meneliti laporan-laporan yang dibuat oleh akhbar asing terhadap negara kita. Pertimbangan yang sewajarnya akan dibuat bila mana tersiernya laporan-laporan yang bersifat mengkritik negara kita oleh akhbar-akhbar asing.

Di antara faktor penting yang diambil kira bila mana mempertimbangkan tindakan yang akan diambil sebagai reaksi terhadap laporan-laporan yang bersifat kritikal terhadap negara kita adalah kesan dari tindakan yang diambil itu. Pertimbangan yang sehalus-halusnya perlu diberikan mengenai perkara seperti ini untuk menentukan supaya sebarang tindakan yang diambil itu bukan sahaja berkesan tetapi juga tidak counterproductive.

Dalam kes laporan yang telah disiarkan oleh Sunday Times London baru-baru ini yang telah mencemar D.Y.M.M. S.P.B. Yang di-Pertuan Agong dan negara kita, kerajaan kita, melalui Pesuruhjaya Tinggi kita di London telah pun menyampaikan bantahannya terhadap akhbar tersebut. Selain dari itu rasa kesal kita juga telah pun disampaikan kepada pihak-pihak tertentu Kerajaan British mengenai perkara ini.

Perwakilan-perwakilan kita di luar negeri akan terus meneliti laporan-laporan mengenai negara kita yang disiarkan diluar negeri dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya mengikut garis panduan seperti yang disebutkan tadi.

KEBOCORAN SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA

43. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) adakah butir-butir yang telah diterangkan di dalam laporan kebocoran soalan STPM baru-baru ini mendapat apa-apa teguran dari mana-mana pihak kerana penjelasan bagaimana kebocoran itu berlaku tidak begitu meyakinkan orang ramai kerana ianya banyak andaian sahaja; dan

(b) adakah Kementerian telah mengenakan secara pentadbiran tindakan tatatertib kepada mana-mana Pegawai/Kakitangan di Bahagian berkenaan yang terlibat. Apakah hukuman-hukuman yang telah dikenakan. Jika tidak mengapa, kerana perkara ini melibatkan kurang kecekapan, tidak amanah yang bertentangan dengan dasar Kerajaan sekarang.

45. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan hasil siasatan yang dijalankan ke dalam pembocoran kertas peperiksaan STPM dalam tahun 1983 dan apakah tindakan yang telah diambil untuk menghukum pesalah-pesalah berkenaan serta mencegah daripada berulang lagi peristiwa seumpama itu.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:

Saya ingin menjawab soalan ini sekali dengan soalan seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada hari ini juga kerana perkara yang disoalkan itu adalah hampir sama.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pelajaran tidak menerima apa-apa teguran secara rasmi dari mana-mana pihak mengenai Laporan Kebocoran Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia yang telah diumumkan baru-baru ini.

Kementerian Pelajaran belum mengambil apa-apa tindakan tatatertib kerana pada masa sekarang perkara ini masih dalam penyiasatan pihak polis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pula yang menanyakan tentang tindakan yang telah diambil hasil dari laporan siasatan mengenai kebocoran kertas peperiksaan STPM 1983 telah pun diumumkan pada 21hb Jun, 1984. Setakat ini pihak polis masih meneruskan siasatan. Namun begitu pada pihak Majlis langkah-langkah berikut akan diambil tindakan dengan secepat mungkin. Langkah-langkah itu ialah, kawalan keselamatan di Urusetia Majlis dengan mewujudkan Unit Keselamatan, Unit Penyelidikan dan Pembinaan, Unit Perhubungan Awam, memansuhkan sistem panel penilaian kertas soalan sebelum peperiksaan, menubuhkan bank soalan (items bank) dan memberi kuasa otonomi yang lebih kepada Majlis Peperiksaan Malaysia.

KEMATIAN PUAN TAN SIEW KEE

44. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada, memandangkan keputusan-keputusan dari Pegawai Penyelidik kematian Puan Tan Siew Kee, Kerajaan bercadang untuk memecat Datuk Haji Zaman Khan dari Pasukan Polis.

Dato' Musa Hitam: Peguam Negara belum lagi menerima keputusan, dengan izin, "finding" daripada Pegawai Penyelidik (Koroner) mengenai kes tersebut. Langkah-langkah hanya boleh diambil selepas menerima arahan-arahan dari Peguam Negara.

KAWASAN PERINDUSTRIAN— KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

46. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar tentang kekurangan perkhidmatan-perkhidmatan asas (atau sebahagiannya) seperti air, api, telefon dan jalan di tapak-tapak industri baru yang mengakibatkan kegagalannya; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelaraskan kewujudan kawasan-kawasan perindustrian.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:

- (a) Saya menyedari bahawa terdapat beberapa kawasan perindustrian seperti kawasan perindustrian Parit Raja dan Tg. Agas, Johor yang mungkin tidak mempunyai kemudahan infrastruktur secukupnya bagi memberi khidmat kepada kilang-kilang yang ditempatkan

disana. Ini mungkin disebabkan oleh permintaan yang tidak dijangka terutama bagi kemudahan-kemudahan seperti air dan elektrik. Yang Berhormat mungkin ingin memerhatikan bahawa di dalam pembangunan di dalam sesebuah kawasan perindustrian, permintaan terhadap kemudahan-kemudahan seumpama adalah dirancang dan kadangkala keperluan ini adalah sukar diramalkan dengan tepat bagi perkhidmatan sedemikian. Tambahan pula, kadangkala kilang-kilang yang terletak dikawasan perindustrian ini, mungkin juga tidak dapat memberikan anggaran yang tepat ke atas permintaan sebenar mereka terhadap perkhidmatan tersebut atau disebabkan oleh pembesaran yang tidak dirancang yang mengakibatkan permintaan yang lebih keatas kemudahan-kemudahan tersebut daripada yang dirancang pada mulanya. Saya ingin memaklumkan Yang Berhormat, bahawa didalam pembesaran sesebuah kawasan perindustrian, bekalan kemudahan infrastruktur asas yang mencukupi seperti air, elektrik dan telefon biasanya disediakan. Pada masa yang sama, jalan-jalan perhubungan juga dibina bagi melengkapkan perkhidmatan kepada kawasan perindustrian. Sekiranya terdapat kekurangan, langkah-langkah tertentu perlu diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

- (b) Di dalam memajukan kawasan-kawasan perindustrian, penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur asas seperti air, elektrik, telefon dan jalan-jalan perhubungan adalah dirancang dengan teliti. Ia perlu

dibuat melalui penyelarasan yang teliti dengan agensi berkenaan yang bertanggungjawab di dalam menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Kerajaan adalah menyedari bahawa pembangunan kawasan-kawasan perindustrian hendaklah dilengkapi dengan lain-lain kemudahan yang diperlukan. Kemudahan-kemudahan ini hendaklah disediakan dengan secukupnya dan sebarang kekurangan harus dilengkapi dengan pembangunan selanjutnya. Dalam hubungan ini Kerajaan telah merangka satu senarai semak bagi penubuhan kawasan-kawasan perindustrian yang baru. Senarai semak ini bertujuan untuk digunakan sebagai garis panduan di dalam perancangan dan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian bagi memastikan kawasan-kawasan tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya.

KERETAPI TANAH MELAYU KERUGIAN

47. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa banyakkah kerugian yang ditanggung oleh KTM bagi tahun 1983 dan bilakah dicadang hendak diswastakan KTM ini.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Jumlah kerugian bagi tahun 1983 adalah sebanyak \$40.97 juta, yang mana sebahagian besarnya disebabkan oleh kos penyelenggaraan yang tinggi kerana pada keseluruhannya, peralatan-peralatan telah lama dan buruk. Kemerosotan ekonomi dan perniagaan dunia telah meningkatkan lagi kos barang-barang ganti yang diperlukan serta melembabkan hasil.

Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan mengswastakan sistem keretapi yang baru. Dalam masa yang sama, usaha sedang dibuat untuk mengswastakan beberapa operasi-operasi tertentu KTM yang ada sekarang dengan syarat ia akan lebih menguntungkan.

DASAR BUKU NEGARA— CADANGAN

48. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kerajaan akan mengisytiharkan dasar buku negara sebagaimana dasar pertanian negara yang menggariskan matlamat dan tujuan perbukuan di negara kita ini.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Cadangan DASAR BUKU NEGARA sedang disediakan oleh Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan Malaysia dan mengikut rancangannya, draf terakhir akan disampaikan kepada saya dalam bulan Oktober, 1984 untuk pertimbangan Kerajaan.

PELARIAN FILIPINA DAN PEN- DATANG HARAM INDONESIA

50. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk mencegah kemasukan pelarian-pelarian Filipina dan pendatang-pendatang haram Indonesia ke Malaysia khususnya ke negeri Sabah yang kian meningkat dewasa ini; jika ya, beri butir-butir lanjut, jika tidak, mengapa.

Dato' Musa Hitam: Mengenai pendatang haram Kerajaan sentiasa mengambil tindakan tegas terhadap mereka itu tanpa mengira negara asal mereka. Sekiranya dikesan mereka itu akan ditangkap, didakwa dan seterusnya diusir keluar ke negara asal mereka masing-masing. Oleh yang demikian, kerjasama daripada warganegara negara ini adalah dialu-alukan untuk memberitahu pihak berkenaan tentang kehadiran

pendatang-pendatang haram itu bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil.

Berhubung dengan kemasukan pelarian di Filipina ke negeri Sabah, sukacita dimaklumkan di Dewan Yang Mulia ini bahawa mereka telah mula memasuki negeri Sabah semenjak tahun 1972. Mereka diberikan kemudahan singgah sementara di sini oleh Kerajaan di atas dasar peri kemanusiaan. Mereka dibenarkan berada di sini sehingga mereka merasa keadaan di negara mereka adalah sesuai untuk mereka pulang.

SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN BATANG AI, SARAWAK

51. Tuan Andrew Janggi MuYang minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa oleh kerana Sekolah Rendah Kebangsaan Batang Ai di Lubok Antu, Sarawak belum siap dibina; tiga buah Sekolah Rendah Kerajaan telah dipindah dan ditumpangkan ke Sekolah Rendah lain di kawasan penempatan semula, sementara dua lagi SRK di kawasan "Partial Danger Zone" akan dipindahkan dalam bulan Oktober 1984 dan akan ditumpangkan juga; dan oleh yang demikian bilakah SRK Batang Ai ini akan siap dibina.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kementerian Pelajaran menyedari yang Sekolah Rendah Kebangsaan Batang Ai di Lubok Antu, Sarawak belum siap dibina dan memang benar bahawa tiga buah sekolah di kawasan "danger zone" yang sepatutnya dipindahkan ke sekolah ini terpaksa ditumpangkan ke sekolah lain iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan Lubok Antu. Keadaan ini terjadi oleh kerana Sekolah Rendah Kebangsaan Batang Ai adalah sebuah sekolah yang baru sahaja diluluskan peruntukannya. Pada masa ini pihak Jabatan Kerja

Raya sedang menyediakan pelan-pelan dan dokumen-dokumen tender. Tendernya akan dikeluarkan dalam bulan Ogos 1984. Jika kesemuanya berjalan seperti yang dirancang, projek Sekolah Rendah Kebangsaan Batang Ai dijangka siap pada awal tahun 1986.

KURIKULUM BARU SEKOLAH RENDAH

52. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa di bawah kurikulum 3M murid-murid sekolah-sekolah rendah tidak boleh lagi mengikuti pelajaran bahasa ibunda semasa waktu persekolahan biasa menurut perakuan yang dibuat oleh Pusat Pembangunan Kurikulum yang jelas adalah bertentangan dengan Fasal 21 (2) Akta Pelajaran 1962 dan dasar yang sedia ada yakni kelas-kelas bahasa ibunda hendaklah dimasukkan ke dalam "time-table" biasa; jika ya, sama ada Kerajaan akan menggugurkan cadangan tersebut yang bertujuan untuk menutup lambat laun kelas-kelas bahasa ibunda.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Izinkan saya menjelaskan terlebih dahulu bahawa istilah Bahasa Ibunda yang digunakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi ini adalah istilah yang boleh mengelirukan. Yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu saya percaya ialah bahasa Cina dan Tamil bagi murid-murid yang mengikuti pelajaran menerusi bahasa pengantar selain daripada kedua-dua bahasa tersebut.

Berkenaan dengan perkara ini tidaklah benar bahawa di dalam KBSR murid-murid tidak boleh mengikuti matapelajaran-matapelajaran yang tersebut pada waktu persekolahan biasa. Pelaksanaan pengajaran kedua-dua bahasa ini sangat bergantung kepada situasi sekolah. Bagi sekolah-sekolah

yang menjalankan pengajaran satu sidang, pengajaran bahasa-bahasa tersebut memang dapat dijalankan dalam waktu jadual biasa asalkan guru yang mengajarnya boleh didapati.

Bagi sekolah-sekolah dua sidang mungkin sukar untuk berbuat demikian disebabkan oleh masalah tempat, guru, kenderaan murid dan kesuntukan masa. Pusat Perkembangan Kurikulum hanya mengemukakan beberapa cadangan mengenai cara-cara melaksanakan pengajaran tersebut dan ini tidak ada kena mengena langsung dengan Fasal 21 (2) Akta Pelajaran, 1961 yang membolehkan Menteri Pelajaran menukar sekolah rendah jenis kebangsaan menjadi sekolah rendah kebangsaan apabila didapati sesuai untuk bertindak demikian.

Pada dasarnya cara pelaksanaan pengajaran kedua-dua bahasa ini adalah terserah kepada kebijaksanaan dan budi bicara guru besar mengikut situasi sekolah masing-masing. Sama sekali tidak benar tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi yang mengatakan bahawa cadangan-cadangan Kementerian Pelajaran adalah bertujuan untuk menutup kelas-kelas bahasa yang tersebut.

PENDUDUK 70 JUTA

53. Tuan Mutang Tagal minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kepada dasar Kerajaan yang berkehendak supaya bilangan penduduk Malaysia meningkat kepada 70 juta, apakah rancangan atau langkah yang diambil oleh Kerajaan buat masa kini dan jangka masa panjang supaya masalah makanan, perumahan, pendidikan, pekerjaan dan kemudahan asas dari segi sosial yang ada pada masa ini belum di atasi dengan sempurnanya dapat dikawali.

Datuk Dr James P. Ongkili: Seperti yang telah diumumkan, matlamat penduduk 70 juta ini bukanlah dijangka akan dicapai dalam masa yang singkat tetapi adalah satu matlamat yang hanya boleh dicapai dalam jangka masa yang panjang. Ini bergantung kepada kemampuan kita dari satu peringkat ke satu peringkat untuk memastikan bahawa pertumbuhan jumlah penduduk menuju ke 70 juta itu tidak akan terjejas taraf kehidupan kita dari segi paras pendapatan, kesihatan, dan pada keseluruhannya kepada kebahagiaan hidup kita. Tindakan-tindakan sedang diambil oleh agensi-agensi berkenaan untuk meneliti strategi-strategi yang boleh dilaksanakan.

LAPORAN PAC DI PARLIMEN

54. Dr Tan Seng Gian minta Perdana Menteri menyatakan bila laporan PAC yang akhir sekali telah dibahaskan di Dewan Rakyat dan tahun laporan berkenaan: mengapakah peranan Parlimen dalam pertanggungjawaban awam merupakan begitu buruk sekali, dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mempertingkatkan pertanggungjawaban awam. Sekiranya pertanggungjawaban itu dianggap baik, apakah buktinya.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak YAB Perdana Menteri.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang terakhir dibentangkan di Dewan Rakyat ialah pada 13hb Oktober, 1983 sebagai Kertas Perintah DR. 2 Tahun 1983. Ianya ialah mengenai laporan Ketua

Audit Negara atas Akaun Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1978 dan 1979. Dalam pada itu laporan Audit atas Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun 1980 telah diperiksa oleh Jawatankuasa dari 13hb hingga 23hb Februari, 1984 dan tindakan sedang diambil untuk membentangkan laporan mengenainya di Dewan ini.

Berhubung dengan peranan Parlimen dalam akaun tabiliti awam, sukalah saya menyatakan bahawa semua peruntukan perbelanjaan Kerajaan adalah terlebih dahulu dibentangkan untuk diluluskan oleh Parlimen. Perbelanjaan yang dibuat mengikut peruntukan yang diluluskan oleh Parlimen itu adalah diaudit oleh Ketua Audit Negara dan laporan audit mengenainya adalah dibentangkan di Parlimen. Di samping itu, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Dewan ini juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang dianggotai oleh bukan sahaja dari pihak Kerajaan tetapi termasuk juga Ahli-ahli dari pihak pembangkang untuk memeriksa Laporan Audit mengenai akaun Kerajaan Persekutuan. Dalam pemeriksaan tersebut, Jawatankuasa berkenaan selalunya memanggil Ketua-ketua Kementerian dan Jabatan untuk memberi keterangan ke atas tindakan-tindakan yang telah diambil berhubung dengan pemerhatian yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara. Hasil dari pemeriksaan tersebut Jawatankuasa akan menyediakan laporan dan perakuannya untuk dibentangkan di Dewan ini. Terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membangkitkan apa-apa persoalan mengenai laporan tersebut.

Berdasarkan kepada keterangan-keterangan di atas adalah jelas bahawa tanggungjawab Parlimen ke atas

perbelanjaan awam adalah sentiasa dipelihara melalui proses-proses tertentu.

PROJEK SUSU SEKOLAH

55. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong minta Menteri Pelajaran menyatakan berhubung dengan Skim pembahagian susu ke sekolah-sekolah sudahkah dipanjangkan di sekolah-sekolah di Sabah.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk memperluaskan Projek Susu Sekolah ke Sabah pada masa sekarang memandangkan adanya bekalan susu yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Yayasan Sabah. Bekalan susu secara percuma telah dimulakan di Sabah semenjak tahun 1981.

BUKU KECIL MENGENAI UNIVERSITI/KOLEJ

56. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran mengeluarkan sebuah buku kecil penuh dengan butir-butir lanjut mengenai universiti-universiti dan kolej-kolej seberang laut yang diiktirafkan demi faedah pelajar-pelajar dan ibubapa-ibubapa serta juga maklumat tentang jenis profesion atau karier yang akan dikehendaki oleh dan berguna bagi negara ini.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengeluarkan buku kecil sepertimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana maklumat-maklumat yang diperlukan boleh didapati dari Urusetia, Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG TAMAN ASUHAN KANAK- KANAK—MENARIK BALIK

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak ditarik balik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan satu Usul daripada Menteri yang berkenaan hendak menarik balik Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak untuk dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak ditarik balik.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN-KESALAHAN PENERBANGAN

Bacaan Kali Yang Kedua Dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas

masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (17hb Julai, 1984).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas, sila teruskan.

3.37 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung semula ucapan yang dibuat pada petang semalam di Dewan yang mulai ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh di dalam Rang Undang-undang ini ialah berkenaan dengan Fasal 14. Fasal 14 ini adalah berhubung dengan penalti. Saya pohon izin untuk membacanya.

"14. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman penjara seumur hidup."

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya hukuman penjara seumur hidup ini tidaklah mencerminkan pandangan yang serius daripada Kerajaan terhadap perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh penjenayah-penjenayah dan juga akibat-akibat yang akan ditanggung oleh rakyat atau orang ramai serta negara.

Apakah kita patut masih mahu bertoleransi dengan orang-orang yang sudah berhasrat dan bertekad untuk mencedera atau membunuh manusia dan juga menghancurkan masa hadapan negara?

Saya rasa semangat toleransi seperti ini tidak kena pada tempatnya. Oleh itu saya mencadangkan supaya hukuman ini ditambah lagi iaitu "hukuman mati" atau penjara seumur hidup.

Tuan Yang di-Pertua, di dunia hari ini mati itu adalah merupakan kemuncak daripada segala hukuman. Memandangkan akibat yang akan ditanggung oleh orang ramai atau negara terhadap perbuatan-perbuatan jenayah yang mungkin berlaku seperti perampasan kapal terbang ataupun pembunuhan di dalam masa penerbangan dan sebagainya, maka adalah wajar satu hukuman yang paling kemuncak sepatutnya dikenakan kepada mereka yang tidak bertanggungjawab itu.

Tuan yang di-Pertua, akhirnya, walaupun perkara ini tidak begitu tepat dengan Rang Undang-undang yang dibahaskan di Dewan yang mulia ini, akan tetapi ada hubung kaitnya dengan dunia penerbangan ataupun syarikat penerbangan negara kita.

Sempena dengan persidangan Dewan yang mulia ini, saya ingin menarik perhatian berhubung dengan sikap British kerana enggan menerima penambahan jadual penerbangan yang dipohon oleh pihak MAS dari empat kepada lima kali seminggu. Sikap yang seperti ini sudah tentu tidak menunjukkan atau mencerminkan semangat persahabatan di antara dua negara yang telah berhubung lama dari segi sejarah. Oleh sebab itu, saya ingin merakamkan rasa kesal dan dukacita di atas sikap yang ditunjukkan oleh pihak yang berkuasa di England.

Tuan yang di-Pertua, walaupun perkara ini telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan di dalam masa soal-jawab di Dewan yang mulia ini secara peribadi atau tidak rasmi, beliau telah pun menimbulkan isu ini kepada rakan sejawatnya iaitu Menteri Perdagangan British, akan tetapi sehingga kini kita tidak nampak ada tanda-tandanya British akan mengubah sikap di dalam melayani

permohonan pihak MAS bagi menambah jadual penerbangan daripada empat sehingga lima kali seminggu ke London.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang sama-sama kita maklum, pihak MAS telah pun membuktikan dengan alasan-alasan yang begitu konkrit betapa perlunya ditambah jadual penerbangan dari Malaysia ke London ini memandangkan jumlah penumpang-penumpang yang berulang-alik Malaysia atau Kuala Lumpur ke London ini kian bertambah. Ini terbukti daripada ramai bilangan-bilangan penumpang-penumpang yang pergi ke London terpaksa menerusi Singapura. Kita tidak tahu apakah tujuan pihak British enggan melayani permohonan yang dibuat oleh pihak MAS ini. Tetapi walau bagaimanapun kita berharap di atas semangat persahabatan, persefahaman serantau, pihak British akan dapat mengkaji semula di atas keputusan yang telah dibuat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan mengalu-alukan keazaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menerusi laporan akhbar pada hari ini telah menyatakan bahawa beliau akan menimbulkan isu ini kepada rakan sejawatnya jika ditakdirkan Allah di dalam bulan September akan datang. Perdana Menteri British Puan Margaret Thatcher akan datang membuat kunjungan ke negara kita dan pada masa itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan berbincangkan supaya British dapat mengkaji semula keputusan yang telah dibuatnya itu. Dan marilah sama-sama kita berdoa kepada Allah swt. semoga hasrat MAS untuk menambah jadual penerbangannya sepertimana yang saya sebutkan tadi akan dikabulkan Allah, insya Allah.

Maka dengan itu saya menyokong Undang-undang Keselamatan Penerbangan 1984 ini. Wabillahi taufik, walhidayah, wassalamualaikum wabarakatuh.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

3.48 ptg.

Datin Paduka Zaleha binti Abdul Hamid (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan Penerbangan 1984 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan semalam. Memang pada pendapat saya adalah wajar, tepat dan boleh dikatakan agak terlewat sedikit Malaysia mengambil tindakan mewujudkan Rang Undang-undang ini walaupun Malaysia telah menjadi ahli perjanjian bagi ketiga-tiga konvensyen. Peruntukan iaitu dari hasil rumusan ketiga-tiga konvensyen iaitu konvensyen mengenai kesalahan-kesalahan dan tindakan-tindakan lain tertentu yang dilakukan dalam pesawat udara yang ditandatangani di Tokyo pada 14hb September, 1963 telah pun dimasukkan dalam bahagian 3, Rang Undang-undang ini.

Konvensyen mengenai penindasan penyertaan pesawat udara dengan menyalahi undang-undang yang ditandatangani di Hague pada 16hb Disember, 1970 telah dimasukkan dalam bahagian yang ke tiga, dan rumusan konvensyen mengenai penindasan, tindakan-tindakan dengan menyalahi undang-undang terhadap kesalahan penerbangan awam yang ditandatangani pada 23hb September, 1971 di Montreal telah dimasukkan dalam bahagian yang keempat.

Sayugia diingat bahawa pesawat penerbangan kepunyaan negara ini pernah terhempas dan mengorbankan lebih 100 nyawa akibat kesalahan penerbangan dan ancaman jenayah, tindakan keganasan sehingga turut terkorban sama pembesar negara ini. Ternyata Rang Undang-undang ini mempunyai peruntukan melindungi pesawat-pesawat udara awam sama ada kepunyaan negara Malaysia ataupun tidak. Ini dapat memberikan keyakinan negara-negara lain terhadap negara kita Malaysia iaitu negara-negara yang pesawat udara mereka melalui angkasa Malaysia serta singgah di lapanganterbang-lapanganterbang Malaysia.

Satu perkara yang menarik perhatian saya ialah takrif pesawat udara yang ertinya mana-mana pesawat udara sama ada pesawat udara kawalan Malaysia atau tidak selain daripada:

- (a) pesawat udara tentera; atau,
- (b) pesawat udara yang bukannya pesawat udara tentera,

digunakan khusus dalam perkhidmatan Kerajaan.

Pada tanggapan saya, ini bererti bahawa pesawat-pesawat tentera laut, tentera darat atau tentera udara mana-mana negara tidak termasuk kira dan tidak dilindungi dari ancaman tindakan ganas itu. Saya menyentuh hal ini ialah memandangkan bahawa biasa juga pesawat udara tentera di negara kita sendiri membawa orang-orang awam, ahli-ahli keluarga dari anggota tentera dan juga pembesar-pembesar negara. Jadi, kalau pesawat udara tentera ini dan juga pesawat udara yang dalam perkhidmatan Kerajaan yang bukan tentera tidak terlindung maka tindakkah nyawa orang-orang awam yang menaiki pesawat-pesawat ini termasuklah pembesar-pembesar negara kita dan juga negara-negara asing akan terancam.

Dalam Bahagian II Seksyen 5 yang memberikan peruntukan kuasa kepada Komander pesawat udara pada pendapat saya adalah wajar dan sesuai dari segi undang-undang. Dalam hal ini saya bersetuju dengan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap dahulu dari saya bahawa latihan komando perlu bukan sahaja kepada Komander dan juga co-pilotnya tetapi latihan-latihan persediaan menghadapi ancaman-ancaman ini dari segi pertahanan diri patut diberikan kepada pramugara dan pramugari kerana mereka inilah yang bergaul rapat kepada penumpang-penumpang yang di kalangan mereka mungkin terdapat penjenayah-penjenayah.

Peruntukan penalti dalam Bahagian III dan IV hasil dari Kovensyen di Hague dan Kovensyen di Montreal yang mencatatkan bahawa penaltinya ialah penjara seumur hidup. Tadi Yang Berhormat dari Padang Rengas menyatakan bahawa ini seolah-olah Kerajaan tidak serius. Pada pendapat saya penalti ini berpatutan kerana jenayah dan tindakan ganas yang mengakibatkan kematian orang awam dan kakitangan penerbangan adalah satu jenayah yang besar dan sekiranya didapati bahawa pengorbanan nyawa itu terlalu besar maka mungkin boleh dinaikkan lagi kepada hukuman mati.

Akhirnya saya mengucapkan syukur bahawa dengan adanya undang-undang ini dapat dijamin keselamatan orang awam, penumpang-penumpang yang menggunakan pesawat-pesawat udara negara kita dan juga negara lain dan undang-undang ini juga akan dapat mengekalkan kepercayaan masyarakat antarabangsa terhadap negara kita dan Sistem Penerbangan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Tampin.

3.55 ptg.

Tuan Omar bin Abdullah (Tampin):
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam.

Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan kerana dapat membentangkan Rang Undang-undang ini walaupun jika dilihat dari tarikh ke tiga-tiga Kovensyen itu undang-undang ini sepatutnya dibentangkan lebih awal lagi. Kelewatan ini menimbulkan satu tanda tanya kepada kita sama ada negara-negara Kovensyen yang lain khususnya negara-negara di mana kapalterbang kita, kapalterbang MAS mendarat telah melaksanakan keputusan ke tiga-tiga Kovensyen itu. Perkara ini adalah mustahak memandangkan penguatkuasaan undang-undang yang tidak menyeluruh tidak akan memberi kesan yang baik dalam usaha-usaha memastikan keselamatan pesawat-pesawat terbang. Jika belum dilaksanakan secara menyeluruh elok sangatlah jika Kerajaan kita, Kerajaan Malaysia sebagai sebuah negara Konvensyen mengambil peranan yang aktif melalui saluran-saluran tertentu untuk mendesak negara-negara lain menguatkuasakan keputusan-keputusan yang sama yang telah pun di persetujui melalui ke tiga-tiga Konvensyen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan keputusan ketiga-tiga Konvensyen yang telah diadakan itu adalah sangat perlu memandangkan kegiatan perampasan kapalterbang telah dijadikan satu usaha yang professional pada masa kini dan dalam keadaan politik, budaya dan ekonomi dunia yang tidak menentu kemungkinan dan tendency untuk

ianya berlaku susah untuk kita ramal dan boleh berlaku bila-bila masa dan di mana-mana jua. Di samping memberi kuasa kepada Komander untuk mengambil tindakan seperti yang dihuraikan dalam Akta tidak banyak ertinya melainkan Komander dan kru atau kakitangan dilatih secara professional bukan sahaja dalam bidang mempertahankan diri tetapi juga dalam bidang-bidang untuk mengesan, mencegah dan mematahkan sebarang kegiatan jenayah atau sebarang usaha untuk cuba merampas pesawat terbang tersebut.

Sementara itu saya bersetuju dengan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun bercakap bahawa di samping kita melaksanakan Akta ini di peringkat lapanganterbang pemeriksaan rapi mestilah kita laksanakan secara menyeluruh, teliti dan rapi dan berkesan bukan sahaja kepada penumpang atau bakal-bakal penumpang tetapi juga kepada kakitangan lapanganterbang dan ini adalah kerana jika kita melihat semula kes-kes perampasan kapalterbang walaupun di kebanyakan lapanganterbang di seluruh dunia alat-alat sophisticated telah diwujudkan tetapi dalam banyak kes ini senjata-senjata masih dapat diseludupkan ke dalam pesawat terbang. Ini menunjukkan bahawa walaupun kita mempunyai alat tetapi jika pemeriksaan itu tidak dijalankan secara menyeluruh dan rapi maka senjata itu akan dapat dibawa masuk ke dalam pesawat terbang dan ini sudah tentu akan membahayakan.

Sementara itu kegiatan perampasan pesawat udara terus berlaku kerana terdapat juga negara-negara lain di dunia ini yang sanggup memberi kerjasama ataupun perlindungan kepada perampas-perampas kapalterbang. Maka di samping pelaksanaan Akta secara tegas kita juga perlu bertindak lebih aktif dan

tegas di peringkat antarabangsa untuk mengutuk keras mana-mana negara yang bersimpati dan memberi bantuan atas apa-apa sebab juga pun kepada perampas-perampas kapalterbang dan di samping itu kita jua perlu memastikan negara-negara lain juga sama-sama menguatkuasakan keputusan-keputusan yang dicapai bersama melalui ketiga-tiga Konvensyen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Akta ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:

Saya jemput Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjawab dan mengulung perbahasan.

3.58 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan syor-syor yang membina ke atas Kementerian Pengangkutan pada masa perbahasan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984 yang telah berlangsung dalam Dewan yang mulia ini pada hari semalam dan petang ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau ambil kira saya sendiri, tidak kurang daripada 12 orang Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Ini jelas membuktikan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sangat mengambil berat dan mempunyai minat yang tinggi terhadap keselamatan traffic udara di negara kita. Kerajaan dan saya sendiri mempunyai pendapat yang sama dan dengan sebab itulah Rang Undang-undang ini telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jerai, Tenggaroh, Silam, Tanjong, Matang, Kinta, Lumut, Parit, Pasir Puteh, Padang Rengas, Tanjong Karang dan Tampin semuanya telah memberi teguran-teguran yang berharga semasa membahaskan Rang Undang-undang ini dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada mereka atas pandangan-pandangan ini. Walau bagaimanapun semasa menggulung perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saya hanya akan menyentuh tentang beberapa prinsip-prinsip am yang telah berbangkit daripada teguran-teguran itu dan tidak akan menyentuh dengan butir-butirnya.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan juga dari Lumut yang di antara lainnya menyatakan rasa bimbang terhadap perbekalan dalam Fasal 5 dalam Rang Undang-undang ini yang memberi kuasa kepada komander pesawat ataupun pegawai yang memerintah pesawat dan anak-anak kapal serta orang-orang lain dalam penerbangan supaya mereka boleh dapat mengambil tindakan tertentu untuk menyekat berlakunya kejadian-kejadian yang dijangka atau mungkin membahayakan keselamatan penerbangan, suka saya menerangkan bahawa oleh kerana dalam sesuatu penerbangan, suka saya menerangkan bahawa oleh kerana dalam sesuatu penerbangan, komander pesawat adalah orang yang bertanggungjawab sepenuhnya di dalam segala pesawat semasa penerbangan, maka adalah wajar beliau diberi kuasa untuk mengambil tindakan-tindakan yang difikirkan perlu untuk mencegah berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini.

Di sini jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat melihat sekali lagi Fasal 5, khasnya 5 (2); komander mesti

mempunyai alasan-alasan munasabah sebelum beliau boleh mengambil tindakannya, Fasal 5 (2) (a)—mempunyai alasan-alasan yang munasabah bahawa orang yang berkenaan itu telah melakukan atau sedang hendak melakukan apa-apa tindakan dalam pesawat udara itu semasa berada dalam penerbangan yang mengancam atau mungkin mengancam keselamatan. Komander pesawat itu tidak bolehlah sewenang-sewangnya mengambil tindakan yang tidak ada berasas. Ini satu hakikat sebelum beliau boleh mengambil tindakan. Begitu jugalah orang-orang awam, mereka boleh mengambil tindakan jikalau ada berasas dan tidak dengan sesuka hatinya sendiri. Tindakan komander juga adalah tertakluk kepada tindakan-tindakan tertentu sahaja setelah beliau benar-benar berpendapat bahawa mana-mana tindakan oleh seseorang itu akan menjejaskan keselamatan penerbangan ataupun penumpang.

Berhubung dengan Fasal 5(3) pula, adalah perlu dalam keadaan-keadaan tertentu kuasa diberi kepada anak-anak kapal dan juga orang-orang lain dalam pesawat sama ada dengan kuasa atau arahan komander atau tidak, untuk membantu atau mengambil tindakan-tindakan mencegah seseorang yang didapati melakukan atau mungkin akan melakukan sesuatu perkara yang membahayakan keselamatan. Kuasa dan tindakan yang boleh diambil oleh anak-anak kapal dan juga orang-orang perseorangan adalah tertakluk kepada perbekalan-perbekalan tertentu yang menghuraikan keadaan dan tindakan yang membolehkan kuasa itu dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menegaskan di sini bahawa dalam apa juga keadaan semasa penerbangan, komander dan anak-anak kapal adalah dipertanggungjawabkan memberi keutamaan kepada keselamatan

penumpang-penumpang dan oleh yang demikian saya percaya pihak komander dan juga anak-anak kapal akan menggunakan budi bicara mereka dalam mengatasi apa-apa ancaman atau masalah.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Lumut dan juga Padang Rengas telah membangkitkan perkara sama ada komander serta anak-anak kapal bagi sesuatu pesawat itu mempunyai latihan yang secukupnya untuk mengawal keadaan semasa berlakunya apa-apa kejadian yang mengancam keselamatan. Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari kawasan-kawasan lain yang saya sebutkan tadi menyatakan perkara yang sama, sama ada komander-komander, anak-anak kapal dilengkapi dengan latihan yang secukupnya untuk menghadapi kejadian-kejadian yang tidak diingini jikalau ianya berlaku.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan dan MAS sememangnya memandang berat mengenai keselamatan penumpang-penumpang. Di antara langkah-langkah yang diambil untuk mengawal keselamatan penumpang-penumpang, latihan-latihan spesifik adalah diberikan kepada anak-anak kapal. Latihan ini menetapkan langkah-langkah atau tindakan-tindakan yang harus dan perlu diambil sekiranya lain-lain kesalahan yang membahayakan pesawat semasa dalam penerbangan, sekali lagi saya ingin ulangkan bahawa latihan-latihan yang diberi juga mengutamakan keselamatan penumpang. Tetapi maklumlah, dalam keadaan di mana ada kejadian seperti ini berlaku budi bicara komander dan anak-anak kapal itu mesti diadakan juga.

Tuan Yang di-Pertua, bagi keselamatan di luar pesawat pula yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat supaya kawalan yang lebih ketat diadakan, khasnya di

dalam kawasan lapangan terbang di Malaysia. Jabatan Penerbangan Awam mempunyai peraturan-peraturan keselamatan yang sesuai untuk menentukan bahawa pihak-pihak yang tidak diingini atau yang bertujuan membuat kekacauan dapat dihalang. Kawalan keselamatan yang diadakan oleh Jabatan Penerbangan Awam adalah diawasi setiap masa, lebih-lebih lagi di lapangan-lapangan terbang antarabangsa dan juga kawalan sebelum memasuki pesawat. Walau bagaimanapun saya pun sedar bahawa ada juga Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa peraturan juga harus diberi kepada pesawat-pesawat kecil dan lapangan-lapangan terbang kecil di dalam negara ini dan perkara ini saya akan mengambil berat juga.

Ada juga Ahli Yang terhormat dari Kinta dan Ahli Yang Berhormat dari Tampin, kalau tidak salah saya, telah bertanya mengapa Rang Undang-undang ini mengambil masa kononnya begitu lama untuk dikemukakan oleh Kerajaan kepada Dewan yang mulia ini selepas beberapa tahun konvensyen-konvensyen berkenaan ditandatangani.

Sukalah saya menerangkan bahawa sungguhpun konvensyen-konvensyen ini yang dianjurkan oleh International Civil Aviation Organisation (Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa, walaupun konvensyen-konvensyen ini telah ditandatangani pada tahun 1963 bagi Konvensyen Tokyo, tahun 1970 bagi Konvensyen di Hague dan tahun 1971 bagi Konvensyen di Montreal, konvensyen-konvensyen tersebut mengikut amalan antarabangsa, bagaimanapun telah tidak dapat berjalan dengan kuatkuasa pada tarikh-tarikh ianya ditandatangani oleh kerana konvensyen-konvensyen berkenaan hanya dapat dikuatkuasakan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (International Civil Aviation, Organisation) beberapa

tahun kemudiannya, apabila ahli-ahli yang menjadi ahli dalam pertubuhan ini bersetuju supaya mengiktirafkan konvensyen-konvensyen tersebut. Ini mengambil masa beberapa tahun, iaitu setelah beberapa buah negara ahli ICAO mengiktirafkannya secara rasmi sebelum konvensyen-konvensyen tersebut boleh dikuatkuasakan. Inilah sebab nampaknya Kerajaan Malaysia telah juga mengambil masa sedikit sebelum menyiapkan Rang Undang-undang ini. Proses ini telah mengambil masa kerana seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kejadian-kejadian perampasan atau kesalahan penerbangan pada awal tahun 1960 dan 70an adalah berpunca daripada masalah fahaman politik yang disokong oleh negara-negara tertentu.

Ada juga tadi Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masalah yang dihadapi oleh negara-negara yang lain di mana negara-negara yang tertentu memberi perlindungan (refuge) kepada mereka yang membuat kecaman terhadap pesawat-pesawat. Tetapi moleknnya pandangan masyarakat antarabangsa adalah telah berubah. Dahulunya adalah berbelah bahagi, ada yang mereka memberi perlindungan kepada pesawat-pesawat yang telah dihyjack tetapi nampaknya sekarang ini keadaan ini telah berubah dan kebanyakan masyarakat antarabangsa telah pun menganggap kejadian-kejadian rampasan sebagai satu tindakan keganasan yang seharusnya dikutuk.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kejadian perampasan yang pernah berlaku di negara-negara berkenaan adalah berpunca daripada tujuan pihak perampasan untuk mencapai matlamat-matlamat mereka. Dengan adanya sokongan masyarakat antarabangsa sekarang, kebanyakan negara ICAO pada masa ini telah pun mengiktiraf konvensyen-konvensyen tersebut dan mengadakan undang-undang negara masing-masing bagi

menguatkuasanya dan saya harap bahawa dengan penjelasan ini Ahli-ahli Yang Berhormat tidak salah sangka bahawa Kerajaan Malaysia atau Kementerian Pengangkutan tidak mengambil berat tentang konvensyen-konvensyen ini. Inilah sebab-sebab yang tertentu Rang Undang-undang ini dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini pada masa sekarang.

Malaysia sebagai ahli ICAO yang aktif sewajarnya turut serta mengikut jejak negara-negara lain dalam usaha untuk mencegah tindakan-tindakan keganasan dalam bidang penerbangan awam. Rang Undang-undang ini lebih bertujuan untuk mengadakan langkah-langkah mencegah dan bukan hendak mendenda. Saya percaya objektif ini akan tercapai dengan adanya kerjasama serta tanggungjawab semua ahli-ahli ICAO dalam hal ini. Lebih-lebih lagi bahawa kejadian perampasan tidaklah semestinya dilakukan oleh orang-orang di negara kita tetapi kemungkinan juga dilakukan oleh orang-orang asing yang ingin mencapai tujuan-tujuan tertentu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang kesalahan-kesalahan penerbangan ini adalah satu Rang Undang-undang menyeluruh berhubung dengan kesalahan-kesalahan yang menjejaskan keselamatan khasnya untuk tujuan mencegah pihak-pihak tertentu yang bercadang melakukan tindakan-tindakan yang tidak diingini. Adalah diharapkan dengan hukuman-hukuman yang ditentukan dalam Rang Undang-undang ini pihak-pihak tertentu yang berkenaan tidak menganggap bahawa tindakan-tindakan yang menjejaskan keselamatan penerbangan adalah satu kesalahan yang ringan. Walau bagaimanapun saya telah mendengar dengan tertarik hati teguran-teguran yang telah dibangkitkan oleh beberapa

Ahli Yang Berhormat itu di sini, bahawa kemungkinan juga hukuman sekarang ini penjara seumur hidup tidak mencukupi dan perkara ini saya akan timbang sama ada cukup atau tidak cukup oleh kerana ada juga penerangan bahawa mereka yang mengancam keselamatan penumpang-penumpang yang tidak berdosa harus diberi denda atau hukuman yang lebih berat sampai kemuncak seperti Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas menyatakan sebentar tadi.

Saya ada juga memberi sedikit komen sebelum mengakhiri perbincangan ini tentang masalah yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas walaupun tidak berkait secara langsung dengan Rang Undang-undang ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tentang masalah yang dihadapi oleh Malaysia dengan Britain tentang Perjanjian Udara Dua Hala. Dalam perjanjian yang sedia ada Malaysia dan pihak Britain ada hak mengadakan empat penerbangan seminggu di antara London ke Malaysia dan Malaysia ke London, masing-masing. Dalam perjanjian tersebut pada prinsipnya jikalau kedua-dua pihak bersetuju dan jikalau penumpang-penumpang dalam perkhidmatan masing-masing adalah mencukupi untuk sampai satu load factor iaitu muatan penumpang sehingga 67% bahawa satu pihak boleh minta pihak yang lain supaya menambah perkhidmatan masing-masing. Dari segi angka-angka Malaysia Airlines System, kami telah mencapai load factor lebih daripada 6%.

Ini bermakna bahawa tiap-tiap kali ada penerbangan kita ambil kira muatan itu dan dalam masa yang lampau pihak Malaysia telah memberi penjelasan kepada pihak British bahawa muatan adalah sekarang ini lebih dari dua faktor yang telah dijanjikan. Dan oleh kerana itu pihak

MAS harus diberi peluang untuk mengadakan satu penerbangan lagi ke London iaitu menambah satu lagi.

Dalam perkara ini kedua-dua pihak telah mengadakan perundingan diperingkat pegawai supaya menyemak dengan telitinya angka-angka yang telah ditunjukkan oleh pihak MAS dan pihak British setakat ini belum lagi menerima angka-angka ini dengan memuaskan hati mereka. Ini menjadi masalah teknikal sama ada angka-angka ini betul ataupun sah dari segi pihak British. Dan baru-baru ini apabila saya buat lawatan ke London dengan tidak rasmi, saya dapat berjumpa dengan Secretary of State for Transport, British.

Tuan Yahaya bin Haji Zakaria:
Tuan Yang di-Pertua.....

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Adakah Yang Berhormat membangkitkan soalan Peraturan Mesyuarat?

Tuan Yahaya bin Haji Zakaria:
Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, dalam

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Adakah Yang Berhormat membangkitkan perkara Tertib Mesyuarat atau minta penjelasan?

Tuan Yahaya bin Haji Zakaria:
minta penjelasan. Boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Sila.

Tuan Yahaya bin Haji Zakaria:
Dalam jawapan Menteri sebentar tadi telah menerangkan tentang kemampuan Kerajaan kita ataupun kemampuan MAS mendapatkan tambahan penerbangan itu. Saya ingin bertanya berapa kali penerbangan Singapore Airlines (Syarikat Penerbangan Singapura) daripada Singapura ke London dan adakah

permohonan kita itu ada berkaitan antara perjanjian kita dengan pihak British dan dikaitkan dengan perjanjian kita pula dengan Singapura Airlines.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Sila teruskan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Terima Kasih. Perjanjian udara di antara Malaysia dan British ialah berlainan dengan perjanjian di antara Singapura dan Britain dan tidak ada berkaitan apa-apa jua perjanjian di antara Singapura dan Malaysia.

Saya tidak pasti berapa perkhidmatan udara di antara Singapura dan London pada setakat ini tetapi jikalau tidak salah saya ianya tidak kurang dari tujuh kali seminggu; tiap-tiap hari pun ada.

Apa yang telah saya sebutkan tadi bahawa saya telah dapat peluang untuk berjumpa dengan Secretary of State for Transport ataupun Menteri Pengangkutan Britain iaitu Yang Berhormat Encik Ridley dan juga dengan Parliamentary Under Secretary; beliau sama tarafnya seperti Timbalan Menteri di sini. Dua-dua Menteri pun saya dapat berjumpa baru-baru ini dan saya telah memberitahu kepada mereka berdua tentang hasrat Malaysia supaya menambahkan satu lagi penerbangan ke London dan mereka berdua telah memberi jaminan kepada saya bahawa mereka akan mengkaji perkara ini dengan telitinya. Dan saya berharap dengan penjelasan ini Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya Yang Berhormat dari Padang Rengas tidak berputus asa oleh kerana saya harap bahawa perkara ini boleh dapat diselesaikan jika ada persefahaman antara kedua-dua pihak.

Saya tidak akan berucap panjang lebar tentang Rang Undang-undang ini dan saya harap bahawa dengan adanya penjelasan ini dan penjelasan

yang telah saya beri yang menyentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa saya sendiri mengambil berat tentang pandangan serta kefahaman Ahli-ahli Yang Berhormat itu yang menggambarkan betapa tingginya minat Dewan yang mulia ini terhadap Kementerian Pengangkutan dan sudah pasti ini akan membantu kami di Kementerian serta jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang lain untuk menjalankan tugas-tugas bagi mencapai matlamat-matlamat yang dituju oleh Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang di-timbangkan dalam Jawatankuasa.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, on a point of order, koram tidak cukup.

Tuan Pengerusi: Setiausaha, sila bilang.

(Ahli-ahli dikira: Lebih daripada 26 Ahli hadir)

Tuan Pengerusi: 29, melebihi cukup bilangan. Sila teruskan Yang Berhormat.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENJENAYAH FUGITIF KOMANWEL (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.30 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan meminda peruntukan-peruntukan seksyen 1, 2 dan Bahagian III Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967 untuk meluaskan pemakaian Akta tersebut ke Brunei Darussalam.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian ke III Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967 ini telah membuat peruntukan-peruntukan khas terhadap penghantaran pulang penjenayah-penjenayah fugitif antara Malaysia dan Singapura. Mengikut peruntukan-peruntukan ini jika Singapura memerlukan seseorang fugitif yang telah melarikan diri ke Malaysia untuk dikembalikan semula ke Singapura, mahkamah Singapura hanya perlu mengeluarkan waran tangkap terhadap fugitif itu. Dengan waran tangkap itu mahkamah di Malaysia boleh mengeluarkan waran untuk menangkap orang itu, selepas

ditangkap orang itu akan dikemukakan ke hadapan majisteret di Malaysia bagi menentukan sama ada tuduhan di atas kesalahan di Singapura itu berasas atau tidak, jika cukup buktinya fugitif itu akan dikembalikan ke Singapura. Prosedur yang sama seperti ini boleh digunakan untuk fugitif Malaysia yang lari ke Singapura.

Pengalaman menunjukkan cara khas yang digunakan oleh Malaysia dan Singapura yang ditetapkan di bawah Undang-undang ini adalah lebih ringkas dan berkesan daripada cara-cara lain untuk mendapatkan fugitif yang berada di negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Brunei Darussalam telah membuat keputusan supaya diluaskan pemakaian Akta tersebut di antara kedua-dua negara. Ini memandangkan perdampungan Sabah, Sarawak dan Brunei serupa dengan perdampungan Semenanjung Malaysia dengan Singapura. Cara ini juga tentu akan merapatkan lagi hubungan antara Malaysia dengan negara Brunei yang menggunakan sistem perundangan yang sama dalam usaha untuk membanteras kegiatan fugitif yang lari berselindung sama ada di Malaysia atau di Brunei. Dengan adanya peruntukan undang-undang bersaling mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan penjenayah fugitif di antara Malaysia dengan Brunei, maka perkara-perkara yang berkaitan dengan penjenayah fugitif di antara kedua-dua negeri bolehlah diambil tindakan sama seperti tindakan yang dibuat di antara Malaysia dengan Singapura pada masa ini.

Sukalah saya memaklumkan perkara-perkara yang berkaitan dengan extradisi ini hanya meliputi

perkara-perkara yang berkaitan dengan fugitif jenayah sahaja, tidak termasuk fugitif lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Penjenayah Fugitif Komanwel 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

(Tanpa perbahasan).

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang di-timbangkan dalam Jawatankuasa.

*(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Jawatankuasa)*

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SIVIL (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.38 ptg.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Akta Undang-undang Sivil (Pindaan), 1984 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 7 Akta Undang-undang Sivil 1956 di antara lain membenarkan sesiapa yang terkilan oleh kematian seseorang yang disebabkan oleh perbuatan kecuaiian dan keengkaran, salah oleh orang lain di mana jika kematian tidak berlaku akan membolehkan orang yang terkilan itu menuntut ganti rugi dari pihak yang menyebabkan perbuatan, kecuaiian dan keengkaran salah tersebut menuntut ganti rugi untuk kematian itu. Tuntutan tersebut hendaklah dibuat untuk faedah isteri, suami, ibu, bapa, anak dan sebagainya. Ganti rugi yang diberi hendaklah dibahagikan di antara semua pihak yang berhak. Tiap-tiap tuntutan hendaklah dibuat dalam tempoh 3 tahun selepas kematian.

Seksyen 8 Akta Undang-undang Sivil 1956 pula memperuntukkan bahawa kesemua tindakan tuntutan yang sedia ada terhadap atau bagi orang yang telah meninggal hendaklah terus berjalan terhadap atau untuk faedah estet si mati. Seksyen ini dinyatakan dalam Seksyen 5, seksyen tersebut sebagai tambahan dan bukan sebagai ganti kepada Seksyen 7 Akta yang sama.

Award ganti rugi yang diberi oleh mahkamah di bawah kedua seksyen tersebut jatuh di bawah dua kepala, iaitu special damages atau ganti rugi khas dan general damages atau ganti rugi am.

Gantirugi khas ialah untuk menggantikan perbelanjaan yang sudah pun di bayar dan boleh ditentukan seperti kehilangan wang pendapatan, perbelanjaan perubatan dan kerosakan kepada kenderaan.

Gantirugi am termasuk kehilangan wang pendapatan masa hadapan, kesakitan dan penderitaan dan kehilangan amenity.

Selama ini award gantirugi oleh mahkamah-mahkamah sama ada di dalam atau di luar negeri telah banyak berbeza disebabkan prinsip-prinsip yang kurang jelas. Ketidakpastian pemakaian dan beberapa peruntukan undang-undang tidak dinyatakan secara terang. Berdasarkan ini semua award mahkamah telah berunsur prinsip spekulatif sungguhpun sepatutnya maksudnya bukan sedemikian. Perbezaan award juga telah tidak menggalakkan penyelesaian awal di antara pihak di luar mahkamah oleh kerana tidak ada kepastian tentang award yang akan diberi oleh mahkamah.

Perundangan di negara ini mengenai perkara ini dibuat dalam tahun 1956 dan berdasarkan undang-undang British yang sedia ada pada masa itu. Walau bagaimanapun, perbezaan award dalam kes-kes berkaitan telah menimbulkan kegelisahan di mahkamah-mahkamah di England di mana hakim-hakim yang telah mendengar kes-kes tersebut telah menyuarakan bahawa pindaan perundangan sahaja yang akan dapat memperbaiki kedudukan itu.

Mengikut Common Law England, kepala-kepala gantirugi yang pada biasanya dituntut ialah:

- (1) kehilangan kewangan termasuk kehilangan pendapatan dan perbelanjaan dari tarikh kemalangan hingga tarikh pembicaraan;
- (2) kehilangan jangka hidup;

- (3) kesakitan dan penderitaan dan kehilangan amenity;
- (4) kehilangan pendapatan masa hadapan dalam tahun-tahun yang hilang; dan
- (5) kos untuk penjagaan perubatan dan rawatan masa hadapan.

Award di bawah kepala gantirugi bagi kehilangan kewangan termasuk kehilangan pendapatan dan perbelanjaan dari tarikh kemalangan hingga tarikh pembicaraan bolehlah diterima oleh kerana seorang yang cedera disebabkan tindakan 'tort' seorang lain sepatutnya diberi pampasan kehilangan kewangan dan apa perbelanjaan lain. Begitu juga di mana seorang itu mati serta-merta disebabkan tindakan 'tort' seorang lain, orang-orang tanggungan berhak menerima pampasan.

Penaksiran quantum gantirugi boleh dikira dari faktor-faktor yang berikut:

- (1) disebabkan kecederaan kepada plentif yang masih hidup beliau tidak dapat menerima bayaran gaji bagi tempoh beliau tidak berupaya;
- (2) oleh kerana kecederaan kebolehan plentif yang masih hidup menerima gaji mungkin dikurangkan, umpamanya di mana beliau tidak dapat meneruskan pekerjaan asal oleh sebab kecederaan tersebut tetapi terpaksa mencari pekerjaan lain;
- (3) perbelanjaan perubatan dan rawatan;
- (4) gantirugi khas lain seperti kerosakan kenderaan; dan
- (5) di mana kematian berlaku serta-merta, orang-orang tanggungan berhak menerima jumlah wang yang mungkin diterima dari si mati jika ia masih hidup dari tarikh kemalangan hingga ke

tarikh pembicaraan dan apa-apa perbelanjaan lain sebelum pembicaraan.

Award di bawah kepala gantirugi bagi kehilangan jangka hidup diberi atas dasar bahawa seorang itu akan hidup sepanjang jangka hidup kebiasaannya dan jika ia telah terhenti sebelum waktu, beliau sepatutnya diberi pampasan. Amaun yang diberi di bawah kepala ini tidaklah banyak oleh kerana House of Lords dalam kes Benham melawan Gambling 1981 AC 157 telah menetapkan amaun tersebut sebagai £200 dan kes-kes di England selepas itu telah menetapkan sebagai £500. Jumlah ini telah dinaikkan kemudiannya ke £750 hingga £1,000 Sterling. Di negeri ini jumlah tersebut telah ditetapkan kepada \$4,500. Falsafah memberi kepala gantirugi ini boleh dianggap terluput oleh kerana jumlahnya tidak banyak dan ditenggelami oleh gantirugi yang lain.

Award yang diberi di bawah kepala gantirugi kesakitan dan penderitaan dan kehilangan amenity menimbulkan masalah bagaimana hendak menimbangkan kesakitan dan penderitaan dan kehilangan amenity dengan wang ringgit. Tidak apa-apa panduan yang boleh dibuat mengenai quantum yang telah dibayar di bawah kepala ini, terpujanglah kepada hakim-hakim untuk menaksirkan quantum tersebut atas dasar bahawa pampasan itu hendaklah pampasan yang adil dan bukan pampasan yang penuh.

Award di bawah kepala gantirugi kehilangan pendapatan masa hadapan dalam tahun-tahun yang hilang berbangkit daripada kes Picket melawan British Rail Engineering Limited 1979 1 AER 774 oleh kerana sebelum tahun 1979 telah terdapat beberapa keputusan yang bercanggah di mahkamah-mahkamah sama ada award di bawah kepala gantirugi ini sepatutnya diberi. Dalam kes tersebut plentif berumur 53 tahun pada tarikh pembicaraan dan kerosakan kepada

paru-parunya disebabkan kepada pendedahan kepada habuk asbestos telah membuat Mahkamah Tinggi mengira pengurangan jangka hidupnya selama setahun sahaja. Plentif tersebut telah pun meninggal dunia setahun kemudian dan balunya telah membuat rayuan dan House of Lords telah menyatakan bahawa si mati berhak menuntut kehilangan pendapatan bagi tahun-tahun yang hilang sehingga umur pesaraannya, iaitu 65 tahun. Dengan itu, mahkamah tersebut telah memberi award bagi tempoh 12 tahun.

Prinsip memberi hilang pendapatan bagi tahun-tahun yang hilang seperti ini telah ditekankan dalam kes rayuan Gemel melawan Wilson dan Fernes melawan B dan S Macy Limited 1981 1 AER 578. Dalam kes Gemel melawan Wilson, anak lelaki plentif berumur 15 tahun telah mati dalam kemalangan jalanraya dan dalam kes Fernes melawan B dan S Macy, anak lelaki plentif berumur 22 tahun telah meninggal dunia semasa menjalankan tugas.

Prinsip memberi award bagi kehilangan pendapatan masa hadapan dalam tahun-tahun yang hilang juga dipakai bagi plentif yang masih hidup dalam kes-kes kemalangan yang tidak menyebabkan kematian. Dalam kes Lim Poh Choo melawan Camden dan Islington Area Health Authority 1979 2 AER 910, plentif adalah mangsa tindakan kecuaiian oleh seorang anggota kakitangan hospital di mana beliau telah mendapat kerosakan otak dan telah terpaksa berharap kepada orang lain bagi menjalankan penghidupan hariannya.

Adalah diperhatikan bahawa mahkamah-mahkamah di England tidak mengambil kira hilangan sebenar tahun-tahun yang hilang sebagai 'jangkali', iaitu 'multiplier' dalam menaksirkan kehilangan pendapatan masa hadapan dalam tahun-tahun yang hilang.

Dalam kes Fernes, jangkali sepatutnya ialah 60 tolak 22 bersamaan 38, tetapi mahkamah menggunakan jangkali 16 sahaja. Dan dalam kes Lim Poh chu, mahkamah menggunakan 14 sungguhpun jangkali sebenar ialah 60 tolak 36 bersamaan 24.

Apa yang telah dikatakan mengenai anomali yang tersebut dalam award gantirugi di mahkamah-mahkamah di England juga terpakai di mahkamah-mahkamah di negara ini dan prinsip-prinsip yang sama juga telah digunakan. Ini terdapat dalam kes Thangavelu melawan Chia Kok Been 1981 2MLJ277 di mana anak lelaki plaintiff berumur 13 tahun telah meninggal dunia dalam kemalangan jalanraya semasa bekerja separuh masa. Prinsip yang sama juga telah dipakai oleh mahkamah-mahkamah kita dalam memberi award gantirugi kepada seorang plaintiff yang masih hidup yang tidak berupaya secara penuh atau sebahagian besarnya.

Dalam kes Yang Salbiah melawan Junid bin Harun 1981 1MLJ292 di mana plaintiff berumur 12 tahun di waktu pembicaraan telah menjadi vegetative disebabkan kemalangan jalanraya. Mahkamah Persekutuan telah memberi award \$33,816 dengan menggunakan jangkali 25 tofak 8 bersamaan 17 tahun atas dasar \$200 sebulan. Plaintiff juga telah menerima wang sebanyak \$25,362 bagi kos rawatan masa hadapan dengan menggunakan jangkali 25 tahun atas dasar \$150 sebulan. Kedua-dua award ini telah diberi tanpa apa-apa keterangan bahawa plaintiff yang masih kanak-kanak sedang menerima apa-apa gaji pada waktu kemalangan dan tanpa apa-apa keterangan bahawa plaintiff atau orang-orang tanggungannya memerlukan wang bagi penjagaan dan rawatan masa hadapan beliau.

Mengenai soal jangkali, mahkamah-mahkamah di negara ini telah menggunakan formula 55 tahun iaitu

umur persaraan biasa tolak umur plaintiff pada tarikh pembicaraan sama ada hidup atau mati dan tolak 1/3 bakinya. Oleh itu jika plaintiff berumur 25 tahun pada tarikh pembicaraan jangkali ialah 55 tolak 25 bersamaan 30 tolak 1/3 daripada 30 bersamaan 20. Jika dibuktikan bahawa umur persaraan adalah lebih daripada 55 tahun, umur yang lebih itu akan digunakan dalam mengira jangkali seperti dalam kes Murtaza bin Mohd. Hassan melawan Chong Swee Kian 1980 1MLJ216.

Adalah nyata undang-undang mengenai jangkali perlu diselesaikan semula oleh kerana formula yang dipakai ini akan menyebabkan angka yang lebih tinggi dan umur persaraan yang digunakan sebagai dasar bagi pengiraan akan berlainan daripada satu kes kepada satu kes yang lain. Jelaslah daripada apa yang tersebut di atas bahawa undang-undang yang ada berkenaan award bagi menentukan gantirugi persendirian beberapa soal berbangkit.

- (1) Patutkah kehilangan pendapatan masa hadapan dalam tahun-tahun yang hilang dibenar sebagai kepada gantirugi berasingan.
- (2) Jika jawapan kepada satu adalah ya, bagaimanakah kuantam ini hendak dikira memandangkan pendapatan masa hadapan seseorang mangsa tidak diketahui dan juga berapa lama mangsa tersebut akan hidup jika tidak diketahui.
- (3) Setakat manakah ada pengadaaan di antara satu kepala gantirugi dan satu kepala gantirugi yang lain, dan
- (4) Patutkah award di bawah kepala gantirugi kehilangan jangka hidup dibenarkan untuk faedah asset atau patutkah ia

diberi khusus sebagai solitium kepada anggota keluarga yang tinggal.

Sebelum soalan-soalan tersebut dapat dijawab eloklah diteliti kedudukan perkara ini di England.

Dalam tahun 1973 satu Suruhanjaya Di Raja telah ditubuhkan untuk menyelidiki undang-undang berkenaan dengan perkara ini dan laporam tersebut telah disediakan dalam tahun 1978. Dalam buku "What Next in the Law" oleh Lord Denning terdapat bahawa suruhanjaya tersebut telah membuat 188 syor bagi memperbaiki undang-undang yang tertentu. Dua daripada syor-syor tersebut ialah penghapusan gantirugi bagi kehilangan jangka hidup dan penghapusan pendapatan masa hadapan bagi tahun-tahun yang hilang. Tidak apa-apa tindakan telah diambil oleh pihak Kerajaan British tetapi hasil daripada keputusan-keputusan yang telah dibuat dalam tahun 1979 hingga 1981 oleh House of Lords dalam kes-kes yang tersebut di atas, rungutan-rungutan daripada syarikat-syarikat insurans bertambah. Akibat rungutan-rungutan tersebut Parlimen British telah membuat Administration of Justice Act 1982 di mana antara lain terdapat peruntukan-peruntukan berikut:

- (1) Penghapusan gantirugi bagi kehilangan jangka hidup bagi mangsa kemalangan jalanraya yang menyebabkan kematian.
- (2) Penghapusan gantirugi bagi kehilangan amenity hendaklah diberi hanya kepada plaintiff yang masih hidup yang sedar akan faktor jangka hidup normalnya telah dikurangkan oleh kecederaan tersebut.
- (3) Penghapusan gantirugi bagi kehilangan konsortium dan kehilangan perkhidmatan kanak-kanak, dan

- (4) Penghapusan gantirugi bagi kehilangan pendapatan masa hadapan dalam tahun-tahun yang hilang berkenaan dengan tuntutan bagi faedah estet si mati.

Bagi gantirugi kehilangan jangka hidup Akta tersebut telah membuat peruntukan bayaran jumlah wang tertentu sebagai gantirugi bereavement bagi faedah suami atau isteri yang masih hidup dan ibubapa seorang si mati yang belum berkahwin.

Pada beberapa tahun yang lalu Persatuan Insurans Am Malaysia juga telah merungut tentang award-award gantirugi yang dianggap tinggi yang telah pun diberi oleh mahkamah-mahkamah pada tahun kebelakangan khususnya mengenai kehilangan pendapatan masa hadapan dalam tahun-tahun yang hilang akibat kematian. Sehubungan dengan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembukaan Persidangan Undang-undang Malaysia Ketujuh di Kuala Lumpur dalam tahun 1983 telah berkata, dengan izin:

"The money that the litigant gets must come from somewhere. If the insurance pays, it simply means you will have to pay a higher premium. As the award increases, so will the premium. In the end the cost to a society given to litigation will be much more than the protection the law is supposed to afford. But in addition to this cost to society, service would actually be poorer. It is wellknown that doctors will not go to the aid of an accident victim, in case he may be sued for something or other. And of course, if you see a doctor, he is likely to carry out all the tests in order to avoid any possibility of being sued for negligence. All these, of course, cost money, a lot of money. In the

final analysis, society has to pay a high price for becoming a litigious society.

I am mentioning this because there is a trend towards more litigation for bigger award in Malaysia. There is a tendency to forget that Malaysia is not a developed country. It cannot afford the kind of awards that make headlines. It is wrong to think that it is only the insurance company which will pay the cost; in the long run, it is the society which has to pay. Should Malaysia become a litigious society long before it can afford it, then a lot of poor people are going to suffer. I hope that the lawyers, the Bar Council and everyone else concerned will give the matter some thought."

Kerajaan telah pun meneliti undang-undang yang ada dan hasil daripada kajian yang telah dibuat berasaskan keputusan-keputusan mahkamah di England dan di negara ini pindaan-pindaan kepada undang-undang yang perlu dibuat yang telah pun dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang termasuk peruntukan mengenai perkara-perkara yang berikut:

- (1) Hak menuntut award bagi kepala gantirugi kehilangan pendapatan masa hadapan dalam tahun-tahun yang hilang hendaklah diberi kepada orang-orang tanggungan dan bukan seperti kedudukan masa kini kepada estet si mati.
- (2) Penaksiran award kehilangan pendapatan masa hadapan dalam tahun-tahun yang hilang hendaklah munasabah dan tidak begitu tinggi.
- (3) Hak menuntut di bawah kepala gantirugi kehilangan jangka hidup bagi faedah estet

hendaklah dihapuskan dan digantikan dengan hak bagi anggota-anggota keluarga yang terlibat menuntut solitium yang hendaklah menjadi jumlah wang yang tertentu, dan

- (4) Hak menuntut kehilangan amenity hendaklah disatukan dengan gantirugi bagi kesakitan dan penderitaan sekadar memuaskan kehendak-kehendak Common Law.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Undang-undang Sivil 1956 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.01 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi pandangan saya terhadap Rang Undang-undang Sivil (Pindaan) tahun 1984 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setelah menimbangkan berbagai-bagai aspek yang terkandung dalam Rang Undang-undang Sivil (Pindaan) tahun 1984, saya suka membuat ulasan yang berikut.

Sepertimana yang telah disebutkan dalam huraian Rang Undang-undang (Pindaan) ini, Rang Undang-undang ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Akta Undang-undang Sivil tahun 1956, memandangkan perbezaan yang

begitu besar tentang award mahkamah berkenaan dengan tindakan mendapatkan gantirugi kerana bencana diri termasuk bencana yang membawa maut.

Menurut fahaman saya Tuan Yang di-Pertua, pengemukaan Rang Undang-undang ini merupakan satu hasil tolak ansur antara Persatuan Insuran Am Malaysia dan pihak Kerajaan berikutan pengemukaan satu memorandum oleh Kesatuan Insurans, memandangkan banyaknya award mahkamah pada masa lalu yang semakin meningkat dari segi bayaran pampasan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas kepada saya bahawa Rang Undang-undang ini sepertimana yang tadi telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Rang Undang-undang ini serupa dengan izin, dalam Bahasa Inggeris, "English administration of Justice Act" tahun 1982. Melainkan bahawa English Act tidak menyentuh had umur 55 tahun dan umur pembelian ataupun dengan izin dalam Bahasa Inggeris, "years of purchase" pada 16 tahun. Apa yang membimbangkan saya ialah mengenai pindaan Rang Undang-undang ini berkaitan dengan Fasal 2 yang meminda seksyen 7 Akta Ibu dan memperkenalkan satu seksyen kecil baharu 3 (iv) (a) yang menyatakan bahawa dan saya hendak quote di sini dengan izin dalam Bahasa Inggeris, memandangkan bahawa pindaan ini pun ada dalam Bahasa Inggeris:

"That in assessing the loss of earnings in respect of any period after the death of a person where such earnings provide for or contribute to the damages under this Section, the court shall take into account that where the person deceased has attained the age of fifty-five years at the time of his death, his loss of earnings for any period after his death shall not be taken into consideration".

Pindaan tertentu berkaitan had umur adalah tidak begitu adil pada pandangan saya. Tidak ada sebab kenapa mahkamah tidak boleh mengambilkira dalam pertimbangan tentang kehilangan pendapatan seseorang yang meninggal dunia yang telah mencapai umur 55 tahun di saat kematiannya semasa menilai atau menaksir kehilangan bantuan kepada orang-orang tanggungan.

Biasanya seseorang yang telah mencapai umur 55 tahun di negara ini terpaksa terus menerus bekerja. Jika seseorang itu masih layak dan berupaya berbuat demikian bagi mencari nafkah dan menyediakan segala keperluan untuk keluarganya, termasuk membiayai belanja iaitu pelajaran anak-anak.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan iaitu bahawa mahkamah tidak boleh mengambilkira untuk pertimbangan kehilangan pendapatan seseorang yang meninggal dunia yang telah mencapai umur 55 tahun semasa meninggal dunia, adalah tidak adil dan secara serius akan memberi pukulan kepada golongan rakyat yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil satu contoh di sini, seorang petani atau pekebun kecil getah atau seorang pekerja ladang malah seorang peniaga kecil dalam kawasan bandar. Jika mereka layak dan berupaya bekerja selepas mereka mencapai umur 55 tahun dan terpaksa bekerja kerana keadaan-keadaan tertentu atau dalam Bahasa Inggeris dengan izin, "forced by circumstances", maka tidak ada sebab untuk mengenyepikan hak mereka bagi mendapat pampasan sekiranya mereka hilang punca pendapatan di saat kematiannya.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya tidak ada had umur dan mahkamah seharusnya dibenarkan memutuskan award diasaskan kepada fakta-fakta dan keadaan-keadaan yang memerlukan perhatian bagi setiap kes.

Saya sekarang ingin juga menyentuh seksyen kecil baharu 3 (iv) (d) yang menyatakan bahawa, minta izin quote di sini dalam Bahasa Inggeris:

"In assessing the loss of earnings in respect of any period after the death of a person where such earnings provide for or contribute to the damages under this Section the Court shall take into account that in the case of a person who was at the age of thirty years and below at the time of his death, the number of years purchase shall be 16."

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas kepada saya bahawa dalam menetapkan bilangan umur pembelian ataupun "years of purchase" pada 16 tahun sekiranya seseorang itu meninggal dunia semasa umurnya 30 tahun dan kebawah, Kerajaan biasanya mengikut amalan di England di mana jangkali maksimum yang dipilih oleh mahkamah ialah 15 (the maximum multiplier selected by the Courts is 15) yang dibuat biasanya. Di England, Tuan Yang di-Pertua, sebaik sahaja multiplier atau jangkali dipilih oleh mahkamah, satu straight multiplier digunakan sebagai multiplier dengan tujuan untuk mendapatkan "quantum awards" yang maksimum demi kepentingan si pemohon yang berkenaan.

Dalam mencadangkan bilangan tahun pembelian (years of purchase) pada umur 16, saya suka meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada ganti rugi dikira berdasarkan pada jadual "straight multiplication" ataupun tertakluk kepada penggunaan jadual "annuity"—"annuity" ialah satu jadual yang terkandung dalam "jadual aktuari" untuk membuat perkiraan tuntutan faedah insuran.

Saya suka mendapat penjelasan ini kerana nampak saya, dalam interpretasi saya terdapat perbezaan yang besar dalam dua cara ini. Sebagai

contoh jika seseorang memperoleh pendapatan \$500 sebulan pada masa kematiannya, beliau berhak mendapat "award" berjumlah \$96,000 berdasarkan kepada bilangan tahun pembelian berumur 16, jika cara straight multiplication digunakan.

Bagaimanapun jika jadual annuity digunakan, nampaknya quantum awards ini akan kurang menjadi lebih kurang \$65,000 sahaja. Maka dengan hujah itu dalam pandangan saya adalah lebih adil kepada seseorang yang meninggal dunia pada umurnya 30 tahun dan ke bawah sekiranya satu "direct multiplier principle" dipakai untuk mengira award yang mana beliau berhak mendapatnya dan bukanlah digunakan prinsip jadual annuity.

Maka itulah sahaja pandangan-pandangan saya terhadap Rang Undang-undang (Pindaan) ini dan saya juga berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dapat memberikan penjelasan tentang keraguan saya tentang Rang Undang-undang ini. Sekianlah, terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas.

5.14 ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta membahaskan Rang Undang-undang yang meminda Akta Undang-undang Sivil 1956.

Tuan Yang di-Pertua, selepas membaca Rang Undang-undang ini, walaupun saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan oleh kerana membentangkan Rang Undang-undang ini dalam Dewan yang mulai ini, saya ingin membuat beberapa cadangan yang saya fikir penting bagi menjaga dan melindungi kepentingan orang ramai terutama kepada orang yang ditanggung ataupun

"dependants" estet si mati dan orang yang cedera akibat kemalangan ataupun "injured person."

Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini menyekat dan mengurangkan hak-hak golongan yang saya telah sebutkan tadi untuk menuntut ganti rugi dari pihak yang berkenaan terutama pihak insuran.

Nampaknya Rang Undang-undang ini akan memberi faedah yang lebih tinggi kepada pihak insuran oleh kerana ganti rugi yang mereka akan bayar adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan ganti rugi yang mereka kena membayar sebelum Rang Undang-undang ini dibentangkan.

Oleh kerana itu saya ingin bertanya apakah perlunya Rang Undang-undang ini dibentangkan jika dibuat untuk melindungi pihak insuran? Adakah Kerajaan telah terlebih dahulu membuat suatu kajian yang menyeluruh untuk menentukan syarikat-syarikat insuran telah mengalami kerugian yang teruk akibat dari membayar ganti rugi ataupun pampasan yang mereka telah bayar kepada pelanggan-pelanggan mereka dalam tahun-tahun yang telah lampau? Dan adakah kajian tersebut menunjukkan bahawa Rang Undang-undang ini adalah wajib bagi melindungi orang awam di mana Rang Undang-undang tersebut menyekat hak golongan yang tertentu untuk menerima ganti rugi yang sepenuhnya sepertimana yang diputuskan oleh mahkamah?

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, jika tidak ada keterangan yang jelas dan pasti tentang kerugian yang teruk yang dialami oleh syarikat insuran, saya rasa penyekatan award yang diberi bagi ganti rugi itu akan memberikan keuntungan yang sangat lumayan kepada pihak insuran, dengan izin, "at the expense of the poor victims of the accident".

Tuan Yang di-Pertua, jika Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan, saya merayu kepada Kerajaan supaya premium yang dikenakan oleh syarikat insuran setakat ini dikurangkan supaya syarikat insuran janganlah diberi makan terlampau kenyang dengan kuatkuasa Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam huraian kepada Rang Undang-undang ini ada dikatakan bahawa mahkamah telah membuat ataupun memberi award-award di mana pembezaan jumlah award adalah begitu besar berkenaan dengan ganti rugi yang dituntut.

Tuan Yang di-Pertua, adakah ini benar? Jika benar, adakah keterangan yang jelas dan pasti. Keterangan yang memadai bagi Kerajaan menyekat budibicara mahkamah dalam menentukan gantirugi yang wajar dan munasabah mengikut keterangan-keterangan yang ada pada mahkamah itu, mengikut kes-kes tertentu. Nampaknya Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mempunyai kepercayaan dengan mahkamah kita dalam melaksanakan budibicara hakimannya apabila membuat award dalam kes kemalangan. Pada hemat saya implikasi ini tidak sihat oleh kerana kita harus mempercayai dan menghormati kuasa dan budibicara hakimannya mahkamah kita.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini nampaknya adalah mengikut trend yang ada di beberapa negara common law dengan izin, common law countries. Pada hemat saya kita tidak perlu mengikut apa yang negara ini buat kecuali keadaan tertentu di negara lain ataupun di negara common law ini adalah sama dengan keadaan-keadaan di negara kita. Misalannya Tuan Yang di-Pertua di England dan di New Zealand, mereka mempunyai, dengan izin, social and security benefits yang sempurna ataupun yang memadai bagi

menolong orang yang cedera akibat kemalangan dan bagi dependents. Jika diteliti dengan baik pemindaan-pemindaan di negara tersebut adalah bagi estate claim sahaja dan bukan kepada orang yang cedera akibat kemalangan dan bukan dikenakan kepada dependents. Di negara kita lebih elok kalau kita membuat satu tinjauan, satu renungan. Di Malaysia sebagaimana keadaan yang sama di negara ASEAN kita mempunyai tradisi iaitu tradisi yang menjaga dan memelihara bapa dan ibu kita apabila mereka tua. Dan satu tanggungjawab bagi kita semua supaya kita dapat memberi pertolongan kepada mereka tempat rumah kediaman, makanan, perbelanjaan dan sebagainya. Rang Undang-undang ini pada hemat saya merupakan satu yang akan menindas serba sedikit atas tradisi yang kita amalkan. Jadi ibubapa tidak dapat menuntut gantirugi mengenai kematian anak mereka yang mati dalam satu kemalangan kecuali anak mereka itu, dengan izin, was actually working walaupun anak mereka ini mempunyai prospek bekerja dan mampu menolong ibubapanya kalau bukan kemalangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen 2, seksyen 5 Rang Undang-undang ini, saya tidak ingin membaca paragraf yang saya ingin sentuh tetapi Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin membuat beberapa misalan yang pada hemat saya menunjukkan pindaan ini amatlah drastic. Pertama, bagi kepada dependants, misalan:

- (1) X, adalah seorang graduan universiti yang meninggal oleh kerana kemalangan satu minggu sebelum ia mula bekerja sebagai seorang guru dan telah meninggalkan belakang ibubapa yang tua. Ibubapa hanya dapat menuntut sebagai dengan izin bereavement benefit \$10,000 dan perbelanjaan perkuburan. Sebelum pindaan ini ibubapa

dapat menuntut dengan izin prospective support yang anak mereka dapat memberikan kepada mereka.

- (2) Ibubapa juga dapat memohon kepada mahkamah supaya ia dijadikan wakil asset anaknya. Dan melalui kedudukan sebagai wakil dapat menuntut kerugian, kehilangan pendapatan masa depan anaknya dan juga menuntut gantirugi sebagai, dengan izin, beneficiary estate anaknya. Dengan pindaan ini tidak dapat buat demikian.

Misalan kedua, X seorang hakim, mati dalam satu kemalangan pada masa ia berumur 56 tahun. Ia meninggalkan belakang isteri dan dua anak yang masih menuntut di universiti. Isterinya hanya dapat menuntut \$10,000.00 sebagai bereavement benefit dan perbelanjaan perkuburan. Walaupun sihakim mempunyai sembilan tahun lagi untuk bekerja sebelum bersara mengikut perjanjian perlantikannya sebagai seorang hakim tetapi di bawah pindaan ini tidak dapat ia menuntut, dependant tidak dapat menuntut oleh kerana sebelumnya dapat tetapi selepas pindaan tidak dapat menuntut. Dan telah menunjukkan bahawa dengan misalannya ini kita dapati bahawa satu langkah yang saya fikir agak drastic bagi dependant simati akibat kemalangan.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, di bawah kepala sicedera ataupun injured person.

Misalan yang pertama, X telah cedera dalam satu kemalangan dan oleh kerana itu telah menjadi total paralysed. Waktu kemalangan si X adalah seorang Medical Student dalam tahun akhir di Faculty Perubatan dan rekodnya di Universiti menunjukkan bahawa si X ini mempunyai kebolehan dan akan lulus dengan kepujian di hujung tahun. Dengan pindaan ini X

hanya dapat claim kerugian dalam bentuk gantirugi (amenities) pain and suffering kira-kira \$110,000. Si X tidak dapat menuntut apa-apa yang diiktiraf sebagai loss of earnings yang X akan menerima jika bukan kemalangan itu.

Begitu juga dengan seorang graduan yang baharu sahaja tamat universiti dan sedia bekerja. Appointment pekejaan dari majikan telah ada tetapi menunggu untuk report bekerja. Sebelum melapurkan diri ke pejabat majikan telah cedera dalam satu kemalangan, mengikut pindaan ini ia tidak dapat menuntut apa yang dikatakan loss of earnings.

Misalan yang kedua, bagi kepala orang-orang cedera akibat kemalangan. Si X seorang nelayan berusia 56 tahun dan menerima pendapatan \$300 sebulan. Dia telah cedera dalam satu kemalangan di mana kakinya yang disebelah kanan dipotong, jadi dia sekarang tidak dapat pergi ke Laut China Selatan untuk menangkap ikan bagi dijual supaya dapat menolong keluarganya. Mengikut pindaan ini si nelayan tidak dapat menuntut loss of earnings walaupun ia dapat bekerja sampai 60 tahun ataupun lebih dari itu.

Bagi kategori ketiga, bagi si claimant bagi claim lain di mana ada satu tuntutan mengenai loss of earnings bilangan tahun di mana gantirugi ataupun pampasan diberi mengikut pindaan ini akan dikurangkan. Sebagai misalan, X seorang rubber tapper—penoreh getah berusia 21 tahun dan menerima pendapatan \$300 sebulan, sekarang oleh kerana kemalangan, dengan izin, he is paralysed from the waist down. Jadi, claim si X ini bagi loss of earnings adalah terhad kepada 16 tahun sahaja. Ada satu presumption, Tuan Yang di-Pertua, bahawa si X ini hanya dapat bekerja sehingga ia berumur 37 tahun, selepas 37 tahun si X tidak dapat menerima apa-apa pendapatan oleh

kerana dia telah menjadi paralysed tetapi sebelum pindaan ini ia dapat menuntut sampai 24 tahun yakni sampai umur 55 tahun ataupun 50 tahun. Jadi, kalau kita membuat satu perbandingan di bawah undang-undang yang lama dalam jangka masa 24 tahun kalau kita mengambil gaji \$300 sebulan, jumlah pendapatannya ialah \$58,294 tetapi di bawah undang-undang ataupun Rang Undang-undang yang baharu ia hanya dapat menuntut bagi tempoh 16 tahun sahaja jika kita menggunakan gaji \$300 sebulan, jumlahnya ialah \$39,015. Jadi perbezaannya ialah \$19,279. Ini menjadikan kerugian bagi si X akibat pindaan Rang Undang-undang ini.

Misalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, X yang saya katakan tadi seorang penoreh getah tetapi kali ini berusia 31 tahun. Di bawah undang-undang yang sebelum ini ia dapat menuntut (claim) sampai 24 tahun sebagai loss of earnings yakni sehingga ia berusia 55 tahun tetapi dengan formula yang baharu di bawah pindaan ini hanya dapat menuntut dalam 12 tahun sahaja.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Jadi, kalau satu perbandingan dibuat lagi, di bawah undang-undang yang lama kalau menuntut bagi tempoh 24 tahun gaji \$300 sebulan dapat menerima \$49,675. Di bawah pindaan ini selama bagi tempoh 12 tahun akan menerima \$31,907.10. Perbezaannya ialah \$17,778. Jadi bagi si X ini ia tidak dapat menuntut \$17,000 ini di bawah pindaan-pindaan yang ada sekarang ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya ingin mengemukakan beberapa misalan walaupun sebagai hypothesis tetapi menunjukkan akibat pelaksanaan Rang Undang-undang ini apabila dikuatkuasakan kelak, dapat menunjukkan serba sedikit kesan-kesannya kepada pihak awam oleh

kerana walaupun kita ingin melindungi syarikat insurans tetapi pada hemat saya kepentingan orang awam harus dilindungi dengan undang-undang yang tertentu dan saya percaya jika undang-undang ini dikuatkuasakan ia harus ditujukan kepada estate claim sahaja dan bukan kepada keadaan ataupun kes tertentu di mana si mati mempunyai dependants ataupun si cedera itu akan dikurangkan claimnya akibat kemalangan yang ia tidak ingini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Kerajaan akan mencari jalan di mana kepentingan syarikat insurans di negara ini dapat kita pertimbangkan dari segi kesan undang-undang yang melindungi pihak insurans atas kepentingan orang ramai yang akan menghadapi beberapa kesulitan apabila mereka menghadapi kemalangan. Mungkin kita tidak dapat membuat satu ramalan bahawa kita akan menghadapi kesulitan ini tetapi kita harus mengambil kepentingan orang ramai pada keseluruhannya supaya hak-hak orang ramai terutama orang ramai di luar bandar yang miskin yang tidak mempunyai apa-apa, jika mereka cedera ataupun mati oleh kerana kemalangan, apa yang mereka dapat terima di bawah undang-undang dahulu sekarang tidak ada dan ini akan membawa beberapa masalah kepada penduduk-penduduk kita yang di luar bandar.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

5.44 ptg.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas yang

telah bangun menyokong dan menyuarakan beberapa pendapat terhadap Rang Undang-undang yang baru dibentangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Rang Undang-undang yang telah dibentangkan adalah satu Rang Undang-undang yang amat kompleks dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat merupakan perkara-perkara hypothesis di mana memerlukan jawapan yang tepat dan menggunakan angka-angka yang tertentu, saya di sini ingin memohon izin supaya menjawab soalan-soalan itu secara bertulis agar jawapan yang diberikan tidak tersalah.

Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan di sini bahawa maksud Rang Undang-undang yang dikemukakan kepada dewan yang mulia ini adalah untuk mengurangkan quantum gantirugi yang selalu diberi oleh mahkamah di dalam negara kita ini. Dengan cara itu ternyatalah kepada kita sekarang bahawa orang-orang yang akan menerima gantirugi yang kekurangan ini rasanya kepada kita tidak adil, walau bagaimanapun secara jangka panjang Kerajaan berpendapat bahawa jika quantum gantirugi yang akan diberi mengikut Rang Undang-undang yang dibentangkan iaitu gantirugi yang agak rendah daripada biasa, ini akan menguntungkan negara secara jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini adalah pertama kali Rang Undang-undang ini dipinda mengikut prinsipal-prinsipal yang baru dan ternyata bahawa walaupun terdapat soalan-soalan yang meragukan, tetapi secara keseluruhannya kita nampak bahawa Rang Undang-undang ini disokong. Saya di sini ingin menyatakan bahawa sebagai satu Rang Undang-undang ia boleh dipinda jika didapati tidak sesuai mengikut keadaan masa.

Itulah sahaja jawapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DIUS API PERSEKUTUAN (PINDAAN) 1953

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.50 ptg.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Dius Api Persekutuan 1953.

Rang Undang-undang ini adalah untuk memindahkan kuasa menetapkan kadar dius api kepada Menteri yang bertanggungjawab ke atas Perkapalan Saudagar iaitu Menteri Pengangkutan. Tujuan pindaan ini ialah bagi

mempercepatkan proses meminda kadar dius api yang ada memandangkan proses yang diamalkan sekarang memakan masa yang lama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kadar dius api yang dikutip adalah merupakan bayaran dius oleh kapal-kapal sebagai bayaran menggunakan kemudahan alat-alat bantuan pelayaran di perairan Semenanjung Malaysia. Pemindahan kuasa tersebut adalah sama dengan kuasa di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, Akta Lembaga Pelabuhan 1963 dan lain-lain di mana Menteri mempunyai kuasa menetapkan kadar caj dan dius pelabuhan.

Akta Dius Api Persekutuan 1953 yang dipakai sekarang adalah dibuat pada tahun 1953 bagi membolehkan kutipan dius-dius api dikenakan ke atas semua kapal-kapal yang memasuki pelabuhan Semenanjung Malaysia kecuali kapal-kapal tertentu, misalnya kapal-kapal di bawah berat 15 tan, kapal-kapal nelayan dan kapal-kapal lain yang diperuntukkan oleh Menteri. Hasil kutipan dius tersebut dimasukkan ke dalam satu kumpulanwang yang dinamakan "Light Dues Fund" di mana sebuah Lembaga ditubuhkan untuk mentadbir kumpulanwang tersebut dan menggunakannya bagi tujuan mewujudkan, menyelenggara dan memperbaiki alat-alat bantuan pelayaran di perairan Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menerangkan dengan lebih terperinci pindaan-pindaan kepada seksyen-seksyen yang terlibat.

- (1) Tambahan perkataan 'Minister' di dalam Seksyen 2 bertujuan untuk memberi takrif perkataan Menteri di mana Akta sekarang tidak mempunyai sebarang takrif ke atas perkataan

tersebut. Ini adalah untuk membolehkan Menteri yang bertanggungjawab di dalam perkara-perkara Perkapalan Perdagangan menentukan dan meminda kadar-kadar dius di perairan Semenanjung Malaysia.

- (2) Pindaan kepada Seksyen 3(1) pula adalah bertujuan menjelaskan bahawa peruntukan kadar dius api yang perlu dibayar oleh kapal-kapal ditentukan mengikut kadar yang ditetapkan oleh Menteri. Pada masa ini kada tersebut ditetapkan di dalam jadual Akta itu.
- (3) Pindaan kepada seksyen 7(1) pula adalah bertujuan memberi kuasa kepada Menteri iaitu Menteri yang terlibat dengan soal-soal Perkapalan Saudagar menetapkan kadar dius api. Kuasa ini termasuk juga kuasa-kuasa bagi meminda kadar-kadar berkenaan dari masa ke semasa.
- (4) Seksyen 10 pula dicadangkan dimansuhkan oleh kerana prosider sekarang bagi meminda dius api melalui Dewan Rakyat memakan masa yang panjang. Sementara itu Jadual juga dimansuhkan berikutan dari pindaan yang dibuat ke atas Seksyen 3 (1).

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Dius Api Persekutuan 1953 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk perbahasan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang di-timbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEHAKIMAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.58 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang (Pindaan) ini ialah untuk menghapuskan sama sekali peruntukan yang ada dalam Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang masih mengizinkan rayuan dibuat kepada Majlis Privy. Pindaan terakhir pada Akta yang sama dalam hubungan ini telah dikuatkuasakan pada 1hb Januari 1978 yang mana bertujuan untuk menghentikan rayuan kepada Majlis Privy dalam perkara Perlembagaan dan Jenayah. Selepas

itu rayuan kepada Majlis Privy hanya boleh dibuat dalam perkara-perkara guaman sahaja.

Adalah dirasakan bahawa masanya telah tiba bagi memberhentikan sama sekali membuat rayuan kepada Majlis Privy dalam semua perkara dan untuk tujuan ini Bahagian IV pada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 perlu dimansuhkan. Demi kepentingan keadilan adalah perlu juga diadakan satu peruntukan peralihan (transitional provisional) bagi menyelesaikan kes-kes yang mana permohonan untuk merayu kepada Majlis Privy telah dibuat tetapi masih menunggu keputusannya.

Dalam hubungan ini pada 4hb Mac, 1958 satu perjanjian telah diadakan di antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Kerajaan British bagi mengizinkan undang-undang dibuat dalam negara masing-masing supaya rayuan kepada Majlis Privy dapat diselenggarakan dengan teratur.

Langkah-langkah yang sewajarnya sedang diambil dengan Kerajaan British untuk memansuhkan perjanjian tersebut dan undang-undang British yang terlibat selaras dengan peruntukan Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini.

Kerajaan mencadangkan bahawa tarikh berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini ialah pada 1hb Januari 1985. Ini bermakna bahawa pada hari itu berakhirlah saluran membuat rayuan kepada Majlis Privy. 1hb Januari, 1985 adalah difikirkan tarikh yang sesuai oleh kerana semua tindakan yang perlu diambil dengan Kerajaan British dijangka akan selesai menjelang pada tarikh tersebut.

Perkara 131 Perlembagaan Persekutuan telah memberi kuasa kepada Kerajaan Malaysia untuk membuat urusan seperti yang terdapat dalam perjanjian 1958 dengan Kerajaan British.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini pemansuhan Perkara 131 itu telah pun diluluskan dan diwartakan tetapi penguatkuasaan pemansuhannya terpaksa ditangguh sehingga semua kes yang belum diselesaikan iaitu kes-kes yang termasuk di bawah peruntukan peralihan seperti yang dibentangkan dalam Rang Undang-undang pada hari ini benar-benar habis diselesaikan. Ini adalah disebabkan bahawa cuma dengan adanya Perkara 131 masih berkuatkuasa maka tindakan-tindakan seperti Majlis Privy menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan pendapatnya terhadap kes-kes yang belum selesai itu dan mengeluarkan perintah-perintah seterusnya dapat dilaksanakan. Tarikh apabila semua kes yang belum diselesaikan itu benar-benar habis diselesaikan akan menjadi tarikh berkuatkuasanya pemansuhan Perkara 131 dan pada hari itu tamatlah sebarang hubungan dengan Majlis Privy di England.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta bagi meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Jelutong.

6.03 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, sepertimana telah disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tujuan Rang Undang-undang ini ialah menghapuskan semua rayuan ke

Majlis Privy. Bagi separuh orang Rang Undang-undang ini akan memutuskan pertalian terakhir dengan Britain.

Pada 1hb Januari, 1978 rayuan-rayuan ke Majlis Privy bagi kes-kes jenayah dan Perlembagaan telah dihapuskan. Ini hanya membesarkan rayuan ke Mahkamah Persekutuan dalam kes-kes hukum mati terpaksa juga, apabila kes-kes sivil masih lagi didengar oleh Majlis Privy masa itu. Tuan Speaker, tentulah prioriti Kerajaan dalam perkara itu salah dengan sebab apa patut dibuat ialah terbalik dari apa yang telah dibuat.

Tuan Speaker, tak dapat nafikan semangat nasionalisma memaksa kita mengadakan satu mahkamah terakhir sendiri walaupun sudah suku abad selepas merdeka. Walau bagaimanapun, sistem dua peringkat bukanlah satu langkah yang bijak. Nama Mahkamah Persekutuan telah ditukar dengan cara pindaan Perlembagaan, ke nama baru Mahkamah Agung. Dengan menghapuskan dengan penuh semua rayuan ke Majlis Privy mulai dari 1hb Januari, 1985 hanya tinggal hak merayu kepada Mahkamah Persekutuan dari keputusan-keputusan Mahkamah Tinggi.

Tuan Speaker, saya menyeru Kerajaan menimbang dengan serius mengganti Majlis Privy dengan Mahkamah Agung dan biarkan Mahkamah Persekutuan seperti sekarang.

Tuan Speaker, haruslah mengadakan sistem tiga peringkat khasnya dengan sebab terdapat banyak undang-undang kenakan hukum kematian terpaksa seperti ISA, Dangerous Drugs Act, Arms Act, Firearms (Increased Penalties) Act 1971 dan penjarakan seumur hidup bagi kesalahan-kesalahan di bawah Firearms (Increased Penalties) Act 1971. Tiga orang Hakim dalam

Mahkamah Persekutuan tidak cukup bagi menentukan hak harta dan nyawa seseorang itu.

Sistem tiga peringkat dikekalkan dalam banyak negara-negara Komanwel. Harusnya Mahkamah Agung mengadakan lima orang Hakim untuk menentukan rayuan-rayuan dari Mahkamah Persekutuan seperti contoh Majlis Privy sekarang.

Tuan Speaker, baiklah ada lima orang pemikir daripada ada tiga orang pemikir sahaja. Ini baik untuk kepentingan orang ramai. Saya tidak nampak lojik bagi mengadakan sistem dua peringkat. Tentulah negeri ini kaya dan mampu mengadakan satu mahkamah menggantikan Majlis Privy.

Langkah ini juga sesuai bagi pemodal-pemodal asing yang hendak satu keputusan bijak apabila soal perbicaraan dalam mana berjuta-juta ringgit berkait.

Tuan Speaker, ramai Peguam-peguam sokong konsep sistem berperingkat tiga sama juga pendapat Majlis Peguam dalam hal ini dan hendaklah diambil perhatian dengan serius.

Dukacita, Tuan Speaker, Kerajaan tidak menghormati pandangan-pandangan Majlis Peguam. Harusnya Kerajaan merunding dengan Majlis Peguam sebelum mengadakan undang-undang baru supaya semua Peguam dapat memberi pandangan-pandangan mereka. Lebih baik Kerajaan menukar sikap pandangan mereka atas Majlis Peguam.

Tuan Speaker, Peguam-peguam di negara kita ialah orang-orang bertanggungjawab. Mereka tidak tunjuk perasaan di jalanraya seperti Peguam-peguam di Pakistan baru-baru ini. Janganlah kelakuan bersopan santun mereka dianggap sebagai kelemahan mereka. Kerajaan mesti

ada mempunyai sikap toleransi dan janganlah tekan Peguam-peguam dalam hal perkara-perkara kecil.

Tuan Speaker, Peguam-peguam telah dibawa ke mahkamah dengan sebab berhimpun di hadapan bangunan Parlimen tanpa permit mengikut Akta Polis tiada berapa lama dahulu. Apakah sebab Perdana Menteri sendiri disalahkan apabila beliau berpegang panik dalam hal peristiwa Perlembagaan dan adakan rapat umum-rapat umum di beberapa tempat. Tentulah beliau tidak dapat permit polis sebelum mengadakan rapat umum-rapat umum itu. Tidak patut Kerajaan ada double standard dalam perkara ini.

Tuan Speaker, untuk menjamin ada mencukupi bilangan Hakim-hakim untuk mengisi jawatan-jawatan dalam Mahkamah Agung yang menggantikan Majlis Privy, haruslah Kerajaan pinda umur persaraan 65 tahun bagi Hakim-hakim dan panjangkan tempoh perkhidmatan mereka. Hakim-hakim di Britain hanya bersara apabila mereka tua sangat. Saya tidak nampak sebab-sebab Hakim-hakim kita tidak dapat berbuat demikian. Ramai mereka sihat lagi selepas mereka bersara dalam umur 65 tahun seperti contoh Tun Suffian bekas Hakim Besar, Mahkamah Persekutuan. Terima kasih.

6.09 ptg.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong yang telah bangun mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang yang baru sahaja dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tetapi memandangkan bahawa Yang Berhormat dari Jelutong telah membangkitkan masalah sistem tiga peringkat rayuan yang tidak

bersangkut paut dengan Rang Undang-undang yang dibentangkan iaitu berkenaan dengan penghapusan buat kali yang terakhir sebarang hubungan dengan Majlis Privy dalam kes guaman maka tidak perlulah saya menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Setiausaha: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang akan mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab Yang Berhormat itu tidak ada untuk mengemukakan Usul itu, maka sekarang selesailah perkara-perkara yang hendak dibincangkan pada hari ini.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 16 iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Setiausaha: Yang Berhormat dari Kepong.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab Yang Berhormat dari Kepong tidak ada, maka kita masuk kepada ucapan yang kedua.

Setiausaha: Yang Berhormat dari Jelutong.

VISA UNTUK MELAWAT INDIA

6.13 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, dalam Ucapan Penangguhan saya, saya hendak membangkitkan masalah visa untuk melawat India. Ini jadi satu syarat baru yang ada dibuat oleh Kerajaan India selepas peristiwa di Amritsar.

Tuan Speaker, pada fikiran saya, ini adalah satu syarat yang tidak patut yang dibuat oleh Kerajaan itu dan Kerajaan kami tentu ambil langkah-langkah untuk mendapat hapuskan syarat-syarat ini. Terima Kasih.

6.14 ptg.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pada 18-6-1984, Kerajaan India telah mengisytiharkan bahawa peraturan visa ke negara itu akan dikuatkuasakan terhadap semua dokumen perjalanan dari beberapa negara Komanwel termasuk Malaysia. Dengan penguatkuasaan peraturan visa oleh Kerajaan India, Kerajaan Malaysia perlu mengambil tindakan yang positif, timbul-balik kepada rakyat India yang memasuki Malaysia. Peraturan ini akan dikuatkuasakan mulai 1-8-1984 nanti. Ini bermakna bahawa setiap orang yang memegang dokumen perjalanan di India perlulah perolehi visa sebelum melawat negara ini.

Setiap permohonan visa oleh pemegang dokumen perjalanan ke India akan dikenakan bayaran sebanyak \$12. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada Usul yang mencadangkan bahawa Majlis ditangguhkan sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga pada jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.16 petang.